

## **BUKTI MENGKAFIR UMNO**

**chedet.co.cc**

**February 24, 2011**

1. Dalam Utusan Malaysia 18hb Februari, 2011, Nik Aziz bertanya apa bukti dia mengkafir UMNO.
2. Allah Maha Kaya.
3. Kepada soalnya, dia sendiri menjawab, "Tolak agama ambil nasionalis, apa nama kerja ini". Jadi nasionalis UMNO di dakwa oleh Nik Aziz menolak agama. Dan dia bertanya, "apa nama kerja ini". Tolak agama bermakna kafir. Jadi Nik Aziz tuduh UMNO kafir.
4. Nik Aziz menuduh saya fikir agama ini sembahyang, puasa, nikah kahwin, tengok anak bulan, itu sahaja agama saya. Memang pun bagi saya semua ini adalah sebahagian daripada ajaran agama Islam. Apa dianya yang saya tolak berkenaan agama dengan menjadi seorang nasionalis? Ini tidak diterangkan.
5. Tetapi sebelumnya dia mendakwa "sokong PAS ertinya sokong Islam". Kita jadi Islam setelah mengucap dua kalimah syahadah - "Tiada Tuhan (yang disembah) melainkan Allah dan Nabi Muhammad adalah Rasul Allah".
6. Apakah Nik Aziz berpendapat hanya setelah mengucap "sokong PAS" baru jadi Islam dan sebelum itu kafir? Ini juga bermakna Nik Aziz mengkafirkan saya.
7. Tidak ada pengertian lain dengan dakwaan UMNO tolak Islam selain daripada mendakwa UMNO adalah kafir.
8. Apa lagi bukti yang dikehendaki oleh Nik Aziz yang dia telah mengkafir saya dan UMNO kerana kami nasionalis yang tidak sokong PAS.
9. Nik Aziz membandingkan dirinya dengan malaikat yang menegur Nabi. Saya bukan Nabi dan Nik Aziz bukan malaikat. Nik Aziz dan saya hanya manusia biasa dan ahli politik. Teguran ahli politik kerana kepentingan politiknya tidak sama dengan teguran malaikat.
10. Lagi pun teguran Nik Aziz menidakkan ke-Islaman saya, satu teguran (lebih tepat lagi satu tuduhan) yang amat serius.
11. Apakah ada orang Islam yang tidak melenting jika sesiapa mengkafirkannya? Apakah Nik Aziz tidak akan melenting jika saya kata dia sudah kafir? Belum saya kata itu pun Nik Aziz sudah melenting.
12. Berkenaan dengan Nik Aziz dan PAS memperkenalkan Islam kepada DAP, bukti menunjukkan PAS yang telah dipengaruhi DAP.
13. Lihat sahaja tindakan biadap terhadap Sultan dan Raja Muda Perak oleh ahli PAS, berguling-guling atas jalan menghalang kereta Raja. Sebelum berbaik dengan DAP ahli PAS lebih berpegang kepada budaya Melayu. Kerana mahu sokong DAP ahli PAS mengeneipkan ke-Melayuan mereka. Dan sekarang tuntutan untuk mendirikan negara Islam pun sudah tidak didengari lagi.
14. Apabila bapa kepada DAP menyarankan supaya orang Islam longgarkan pegangan mereka kepada ajaran Islam, Nik Aziz tidak menolaknya kerana anggapannya yang saranan

ini tidak seburuk nasionalisme orang Islam UMNO. Janganlah melenting jika saya kata Nik Aziz sudah terima saranan Lee Kwan Yew supaya orang Islam longgarkan pegangan mereka kepada Islam kerana ini tidak dahsyat seperti menjadi nasionalis Melayu Islam dalam UMNO.

15. Sekarang Nik Aziz mahu Melayu diutamakan kerana mereka adalah masyarakat majoriti di negara ini. Bukan masalah orang Melayu yang menyebabkan Nik Aziz mengubah pendirian terhadap bangsanya tetapi kerana Melayu menjadi majoriti dan dianya memerlukan undi orang Melayu, tidak lebih daripada itu.

16. Kenalilah Nik Aziz, orang yang utamakan hanya undi orang Melayu, bukan keprihatinan terhadap masalah hidup mereka.

213 Comments

By OrangLamaAuthor Profile Page on March 1, 2011 11:28 PM

Salam,

Mohon izin beri pandangan kepada dua peminat blog Chedet iaitu

1. che det February 28, 2011 9:58 AM
2. jalil7 February 27, 2011 4:58 AM

\*\*\*\*\*

1. che det Author Profile Page on February 28, 2011 9:58 AM

\*\*\*\*\*

\*\*\*Tak pasti samada che det ini adalah Tun Df. Mahathir atau che det yang lain. \*\*\*

che det February 28, 2011 9:58 AM kata:

"Baru2 ini semasa PRK Tenang MCA terang-terangan cuba 'mencuit' Islam dengan mempersoalkan calon Pas yang tidak mahu bersalam dengan bukan muhrim serta soal aurat. Manakala DAP beransur2 mahu menerima Islam setelah sekian lama takut dengan frasa HUDUD."

\*\*\*\*\*Pandangan OrangLama :

Adakah dengan dengan isu bersalam dengan bukan muhrim sudah memberi maksud DAP beransur2 menerima Islam? Adakah George Bush jemput orang buka puasa kat White House bererti George Bush dah terima Islam?

Setahu saya dalam AlQuran amat jelas dinyatakan berulang kali dakwah kepada orang kafir ialah berkaitan Tauhidullah iaitu mengesakan Allah Ta'ala dan menjadi pengikut Nabi yang telah dilantik oleh Allah Ta'ala. Itulah intipati kalimah syahadah. Bacalah kisah Firaun lawan Nabi Musa A.S.; kisah Nabi2 dan kaum masing2.

"Sungguh Kami telah mengutus kepada setiap umat itu seorang rasul (mereka mengatakan kepada kaumnya): Ibadahlah kepada Allah dan jauhi thaghut" (An Nahl: 36)

Jangan lupa, PAS sebuah parti Islam telah bersetuju perjanjian CPF Pakatan Rakyat. PAS dah tersepit. Pengundi Islam boleh membantu PAS ke landasan asal dengan tidak mengundi

PAS pada pilhanraya sehingga PAS keluar Pakatan Rakyat. PAS hendaklah kembali kepada Islam yang sebenarnya . Bantu UMNO mengeak syariat Islam. Kalau UMNO tak betul, PAS saudara se Islam kena bantu UMNO,bukannya dengan bersengkongkol dengan DAP menjatuhkan UMNO. Mungkin PAS tak sedar bahawa apa yang PAS lakukan sekarang ialah berkerjasama dengan sebuah Parti yang majoritinya kaum kafirun untuk menjatuhkan kepimpinan Parti pemerintah yang kepimpinannya majoritinya beragama Islam.

\*\*\*\*\*  
2. jalil7 Author Profile Page on February 27, 2011 4:58 AM  
\*\*\*\*\*

Rujukan : "OrangLamaAuthor Profile Page on February 26, 2011 12:27 AM"

Saudara jalil7 kata:

"Juga, tak pelu sangat risau lagi pasal CPF. Lagipun CPF ini hanya alat sahaja buat PAS, sebab nak ambil bahagian memerintah. Kalau diteliti baik2, takde dia PAS setuju dengan CPF tuh. Yang dia orang nak semua orang Malaysia jadi Islam, dan Islam Malaysia=PAS, jadi satu Malaysia PAS punya. Bila dah dapat, jangan harap lah ikut CPF lagi."

\*\*\*\*\*Pandangan OrangLama:

PAS kalau tak ikut CPF bererti mungkir janji. Tentulah PAS sukar berbuat demikian kerana PAS mengaku dengan megahnya membawa panji2 Islam. PAS dah tersepit dengan CPF. Jangan lupa dulu YB Datuk Nizar pun pernah buat perjanjian dengan DAP syarat2 nak jadi Menteri Besar Perak.

Saudara Jalil, sungguhpun saya orang UMNO tetapi saya ikut yang mana lebih benar. Andaikata UMNO letak calon yang tak akil baligh, saya tak undi calon UMNO. Saya tetap berpendirian PAS dan UMNO harus bersatu dalam BN. Banyak masalah dapat diselesaikan.

\*\*\*\*\*  
3. Lagi2 PAS

\*\*\*\*\*  
PAS buat hal lagi. PAS sebenarnya lebih lembik dari UMNO. PAS dalam Pakatan Rakyat ialah sebagai satu badan amal. Antara kerja2 amal PAS untuk Pakatan Rakyat ialah tunjuk perasaan, kawalan keselamatan kepada pemimpin politik Pakatan. Baik sungguh hati PAS . Banyak amalan.

PAS sentiasa duk bawah ketiak DAP!!!!  
Senang nbaling batu kat UMNO lepas tu sembunyi bawah ketiak DAP kot?!!!  
Dulu, kini dan mungkin selamanya PAS sanggup duduk bawah ketiak DAP ?!!  
Busuk macam mana pun, menitik peluh ketiak berbaldi pun, PAS redha kot?

Mari kita selamatkan PAS. Mungkin cara terbaik orang Islam nak selamatkan PAS ialah dengan tidak mengundi PAS pada pilihanraya akan datang. Bila PAS lembik, sudah tentu Singa2 DAP mengaum kuat sehingga PAS kena membawa diri jauh ke UK(Ulu Kelantan dan Ulu Kedah). InsyaAllah kita doakan akhirnya PAS kembali kepada BN bersama UMNO.

Macam2 versi cerita PAS bagitau kat penyokong2nya betapa zalimnya UMNO terhadap PAS sehingga PAS kena tendang keluar dari BN berpuluh2 tahun dulu. Tapi PAS terlupa yang Dua Singa Besar DAP hilang taring depa pada PRU 1999.

PAS mungkin ingat kedua-dua Singa ini dah habis tarikh luput ?  
Berhati2, mungkin luka kedua2 Sang Singa Utama masih belum sembuh?

By maassalaamahAuthor Profile Page on March 1, 2011 10:11 PM

Salam Tun,

Izinkan saya respon sdkt kpd zam werewolf : mengenai F1,kita perlu buat mengikut cara kita sendiri, tdk boleh ikut cara orang (Spore), krn utk mencapai matlamat dan kejayaan, kita sendirilah yang menentukannya. SELAMA INI TUN DR MAHATHIR/MSIA TELAH MENGGUNAKAN FORMULA SENDIRI DAN TERBUKTI RAKYAT DAN NEGARA AMAT BERJAYA.

Berbalik kpd NIK AZIZ, Nik Aziz sebenarnya bersalah besar dalam banyak hal seperti yang diketahui umum rakyat Msia.

By ZulfadzliAuthor Profile Page on March 1, 2011 6:40 PM

Assalamualaikum Tun,

Nik Aziz kata dia rela menjadi orang asli. Satu ketika baru-baru ini, "Jakun" pun dia tak tau bahawa ianya merupakan satu daripada suku kaum asli.

Andaikan kita dilahirkan sebagai kaum Cina yang menganut agama Budha. Baba kita merupakan seorang yang kuat beribadat dan patuh kepada ajaran Budha. Sebagai anak yang patuh, kita akan menjadi penganut agama Budha yang teguh dan tidak akan berpaling dari fahaman kita.

Begitu juga dengan Islam. Apabila dilahirkan oleh keluarga Melayu sudah semestinya kita akan menjadi Islam. Apabila kita dilahirkan sebagai orang asli belum tentu kita akan menjadi islam. Melainkan Nik Aziz sebenarnya sudah bosan menjadi Islam!!!!

<http://reformasimindaguru.blogspot.com>

By pakmadAuthor Profile Page on March 1, 2011 1:29 PM

Assalamualaikum w.b.t.

Saya tak dapat memikirkan apa yang sepatutnya saya katakan setelah membaca sedikit sebanyak komen dari pengikut-pengikut blog Tun. Saya menghormati Tuan Guru Nik Aziz di atas pengetahuannya yang tinggi dalam hal-hal keagamaan.

Saya juga menghormati Tun di atas pandangan-pandangan tentang dunia Islam sekarang dan beberapa penerbitan buku mengenai dunia Islam. Merujuk kepada buku-buku tersebut, surat Tun kepada TGNA berkaitan larangan untuk melaksanakan hudud di Kelantan dan lain-lain rujukan, saya tidak menafikan Tun mempunyai corak percakapan yang bersikap lembut dalam membicarakan tentang Islam tetapi keras dalam menegakkan Islam di mata dunia.

Dulu wujudnya ungkapan tentang Nabi Muhammad S.A.W. akan lebih selesa tinggal di Kelantan (serambi Mekah). Antara beberapa ungkapan lain, saya berpendapat TGNA agak

keterlaluan dalam mengaitkan Islam dengan politik PAS. Saya menghormati PAS semenjak Allahyarham Dato' Hj. Fadhil Noor menjadi presiden PAS. Sekarang, satu-satunya yang saya hormati di dalam kepimpinan PAS adalah Dato' Harun Din.

Saya berharap agar sudilah kiranya Tun berjumpa dan berbincang bersama-sama Dato' Harun Din akan percanggahan pemerintahan Islam mengikut perspektif Tun dan PAS. Saya percaya Dato' Harun Din masih merupakan ulama yang relevan dalam membincangkan Islam tanpa mengaitkannya dengan politik.

Saya mengharapkan Tun bersabar dan saya turut bersedih di atas tekanan yang dibuat ke atas Tun sejak dari muda hingga sekarang. Ramai yang dah mula takut akan senario pimpinan negara sekarang baik di pihak kerajaan mahupun pembangkang. Kita sama-sama berdoa agar umat Islam di Malaysia tidak terjerumus dalam membicarakan Islam secara ekstrem demi kepentingan politik semata-mata.

Saya memohon maaf seandainya menyentuh mana-mana pihak secara tidak sengaja.

Moga Tun berada dalam keadaan sihat sejahtera dan terus berkongsi ilmu dan pengalaman bersama generasi muda.

"Sesungguhnya Islam itu sentiasa suci dan bersih dan yang kotor itu hanyalah politik secara sendirinya"

Salam

By TuaChengAuthor Profile Page on March 1, 2011 1:09 PM

Tuan-tuan dan puan-puan,

Nak tumpang tanya, sikit? Dalam syarikat ternama, seperti Carlsberg, Magnum, Toto, Genting dan lain-lain.

Jikalau tak silap, badan pengarah itu terdapat orang-orang tertentu jadi ahli pengarah yang beragama Islam.

Adakah ahli korporat ini, dari Parti PAS??? Dalam hati saya, sudah tentu sekali dia bukan dan sahabat dari PAS tak akan.

Tepuk dada tanya hati sendiri, orang ini ada unsur perhubungan dengan parti politik yang mana satu.

By huzannaAuthor Profile Page on March 1, 2011 12:40 PM

Assalamualaikum Tun Yang Amat Dihormati,

Bagi saya, pemimpin seperti Nik Aziz, adalah contoh pemimpin yang banyak terlepas cakap sebelum akal.

Sentiasa menyokong Tun, dulu dan kini, semoga Tun sentiasa dilindungi dan dirahmati Allah. Amin. Terima Kasih.

By jollyAuthor Profile Page on March 1, 2011 2:08 AM

Hi Tun,

Mohon keizinan Tun untuk saya menyampaikan satu perkara lagi kepada saudara Zul.

Hi Zul,

Saya lupa nak memberi ulasan saya berkenaan LKY, kononnya ia menindas orang2 Melayu di Singapura dari segi agama.

Pada pengetahuan saya, hanya orang2 yang beragama Islam disemadikan jenazah mereka di pulau tu. Untuk orang2 yang lain, jenazah mereka mesti dibakar dalam ketuhar, tidak ada kecualian. Peraturan tu hanya wujud sejak tidak lama dulu.

Mungkin itu sebabnya kenapa LKY kena berhati2 bila ambil balik tanah untuk didirikan bangunan tinggi.. kalau LKY hanya ambil balik tanah orang cina, dan ditambahkan pula hujah2 saya di perenggan di atas, tentu sekali LKY akan rugi banyak undi kelak.

Sekian.. Terimakasih Tun.

By HelmisAuthor Profile Page on March 1, 2011 1:56 AM

Adakah kita semua hidup didalam syirik yang halus?

<http://www.youtube.com/watch?v=s6YyIrRjfqw>

Fikir-fikirkan...

By jollyAuthor Profile Page on March 1, 2011 1:35 AM

Hi Tun,

Mohon keizinan Tun untuk saya membalas mesej saudara Zul.

Hi Zul,

Saya cuba membaca mesej saudara dengan teliti, dan saya cuba faham akan kesusahan orang2 Melayu di Singapura.

Ya. Kehidupan di sana amat susah sekali, kerana ramai di sana kena tinggal di petak2 kecil. Tapi, inilah angkara yang disebabkan oleh kita sendiri. Mana ada negara yang menyingkirkan wilayah2 sendiri? Orang lain bermati-matian untuk mendapatkan tanah yang lebih, tapi kita buat sebaliknya.

Tau tak saudara, apakah jasa terbesar LKY buat penduduk2 di sana? LKY memberi peluang pendidikan yang tahapnya amat tinggi sekali, sehingga mereka yang ingin berhijrah keluar dari negara hotel tu dapat berbuat demikian dengan mudah sekali. Banyak negara2 lain suka orang2 Singapura berhijrah ke negara2 mereka, tak kira Melaukah, Cinakah, Indiakah, asalkan mereka berpendidikan tinggi.

Memandangkan kekurangannya tanah di sana, tidaklah hairanlah banyak rumah2 tradisi telah ditumbang demi pembangunan. Tapi, saya rasa kedai2 cina dan tempat2 duduk cina yang makan tempat pun kena jugalah. Misalnya kedai dua tingkat bapa kawan saya diambil alih kerajaan untuk dijadikan Bugis junction. Kawan saya (dia tu dari kaum cina) sedih sekali. Pampasan yang amat rendah. Jadi, saya rasa fenomena tu berlaku pada sesiapa juga, tak kira kaum kononnya.

Pada pengetahuan saya, di Singapura adanya undang2 yang menjaga hak orang2 asal di pulau tu. Oleh kerana kaum minoriti yang dijaga, jadi kesannya ke atas ekonomi (baik

ataupun buruk tak kiralah) tidaklah menonjol sangat.

Dulu, saya terdengar LKY ada kata kalau Malaysia mengamalkan polisi pendidikan yang tidak mengira kaum (dia guna universiti2 yang berdasarkan agama dan bangsa sebagai contoh), Singapura mungkin nak berbincang dengan Malaysia mengenai percantuman buat kali kedua. Ini adalah satu tawaran yang sungguh menarik sekali. Mungkin kata2-nya telah dipesongkan media. Tak taulah. Hanya LKY dan kerajaan kita saja yang tau.

Tapi kalau ianya benar, dan kerajaan kita menolaknya, adalah amat sayang sekali. Kerana jika percantuman betul2 berlaku, orang2 Melayu di sana bolehlah bina rumah2 besar di tanah2 yang luas di sebelah sini.

Tak tau kenapa dulu Tunku nak menendang Singapura keluar. Amat sayang sekali. Kalau bukit bintang tu ada berpuluh2 ribu pengundi tapi satu kerusi saje, kaedah yang sama jika diamalkan untuk Singapura tidaklah begitu menakutkan orang2 Melayu. Amatlah sayang sekali.

By acezAuthor Profile Page on March 1, 2011 12:13 AM

Salam Tun, saya hendak quote satu statement yang saya jumpa dalam sebuah blog- from anonymous-

Kalau nak dibandingkan Tun Dr Mahathir dan Nik Najis, sungguh jauh berbeza. Nik Najis cakap Melayu pun tak betul, orang bangla yg dudok di sini 1-2tahun sudah bole bercakap Bahasa Melayu dgn lebih baik dari Nik Najis, sungguh memalukan. Kalau nak dibandingkan sumbangan Tun Dr Mahathir dalam arena antara bangsa dan Nik Najis, Tun Dr Mahathir telah di iktifar oleh semua negara Islam dari Eropah seperti Bosnia, Afrika sampai ke negara Cina sebagai Tokoh Islam, Nik Najis apa ada, habuk pun takde. Kalau nak dibandingkan sumbangan dalam negara, selama 22tahun menjadi PM, Tun Dr Mahathir telah menaikkan nama Malaysia di peringkat antarabangsa, Nik Najis 22tahun jadi MB Kelantan, bukan saja Kelantan di menjadi Kota Serambi Mekkah, malah menjadi Kota Serambi Maksiat dan Kota Serambi Patong Berhala Buddha. Dari sifat kemuliaan, selama ini Tun Dr Mahathir tidak pernah menyumpah dan caci maki sesiapa, tetapi lihat apa yg terpatul dari mulut bau bangkaia Nik Najis, celako x3, doa pecah perut, doa jahanam, inilah jauh beza antara Nik Najis yg perwatakan jahiliyah dan Tun Dr. Mahathir seorang ihsan berhati mulia, berjiwa bangsa dan negara. Harap2 ahlu2 jangan jadi bahalul.

Terima kasih kepada anon, saya rasa ada kebenaran statment ini. Maaf sekiranya ada terkasar bahasa, terima kasih juga kepada Tun, saya doakan Tun sekeluarga sihat sejahtera.

By pasprosAuthor Profile Page on February 28, 2011 10:34 PM

dear tun,

Tun dan nik aziz nampaknya berbalas komen. tapi apa yang saya nampak nik aziz ni tak begitu faham dengan apa yg tun perkatakan. dia hanya cakap apa yg dia nak cakap. dia nak kafirkan orang dia kafirkan saja, bila dia sakit hati dia doakan saja agar tuhan pecahkan perut orang tu. bila orang sangkal kata2 dia dia cakap orang lain tak mahu agama. dia selalu mengakui ilmu agama orang lain tidak setinggi dia sebab tu dia tidak pernah rasa bersalah dan pemimpin pas lain amat takut kepada dia. sungguh pun dia menteri besar, membangunkan negeri tidak ada dalam pemikiran dia bukan kerja dia dia serahkan pd orang lain, kerja dia hanyalah ceramah merata2, sebab tu kalau adsa PRK dia suka sangat kerana dapat berceramah dan menyebarkan perkara yg tak sah. sebenarnya orang

seperti nik aziz ni sentiasa ada dari semasa ke semasa. kerana ada orang semacam inilah orang islam seluruh dunia menghadapi masalah sesama islam khianat, dengki dan tidak bersatu. dengan ini barat sentiasa mengambil kesempatan bagi melemahkan umat.  
By maassalaamahAuthor Profile Page on February 28, 2011 10:07 PM

Assalamu'alaikum wr wb,  
YAB TUN DR MAHATHIR yg di Rahmati Allah,

NIK AZIZ AMAT BERSALAH KERANA MENGKAFIRKAN UMNO

1.KOTOR - NIK AZIZ dan PAS adalah KOTOR, sbb suka main KOTOR.

2.Apabil NIK AZIZ kafirkan UMNO (org Melayu beragama Islam),NIK AZIZ telah melakukan satu kesalahan besar dlm Agama Islam, oleh kerana NIK AZIZ tdk mahu malu dgn ahli PAS dan orang Islam seluruh dunia, maka NIK AZIZ yg KOTOR ni pun cuba menafikannya.

3.Org Islam di Msia dan diseluruh dunia TETAP TAHU NIK AZIZ/PAS adalah KOTOR.  
By IdeaAuthor Profile Page on February 28, 2011 10:06 PM

Yang Amat Berbahagia Tun,

Saya merujuk kepada komen 'ekompute' pada February 28, 2011 9:52 AM.

1. Setelah meneliti Program Transformasi Ekonomi atau Economic Transformation Program (ETP) dan menilai situasi semasa, saya berpendapat UMNO mungkin tidak lagi berdaya untuk menjaga kepentingan orang Melayu sepenuhnya.

2. Sedikit demi sedikit kepentingan orang Melayu dihakis.

3. Ramai pula pemimpin-pemimpin Melayu termasuklah mereka yang berjawatan tinggi dalam kerajaan dan mereka yang berada dalam parti pembangkang tidak lagi berjiwa Melayu. Mereka lebih mengejar populariti di mata kaum lain.

4. Perpecahan orang Melayu akan melemahkan lagi kedudukan orang Melayu.

Tun,

Izinkan saya mengulangi pandangan yang telah diutarakan tidak lama dahulu.

'11. Keputusan beberapa pilihan raya kecil akhir-akhir ini menunjukkan bahawa kebanyakan pengundi Cina tidak menyokong Barisan Nasional. Bayangkanlah sekiranya pada pilihan raya umum akan datang, ramai pengundi Cina tidak menyokong Barisan Nasional. Bandar-bandar besar yang pesat dengan kegiatan ekonomi akan dikuasai pembangkang.

12. Hasil-hasil cukai dan sebagainya tidak lagi boleh ditadbir oleh Barisan Nasional yang mungkin masih lagi kekal sebagai kerajaan pusat. Inilah yang menjadi kebimbangan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional.

13. Mungkin ada pihak yang tersalah tafsir bahawa pemimpin-pemimpin Barisan Nasional mahu hasil-hasil cukai yang tinggi kerana kepentingan peribadi. Saya ingin jelaskan di sini bahawa tafsiran ini mungkin terpakai ke atas segelintir pemimpin-pemimpin Barisan Nasional sahaja.

14. Secara dasarnya, agenda pembangunan negara memerlukan dana yang tinggi. Kita dapat bayangkan betapa banyaknya dana yang diperlukan untuk membangunkan The Greater KL. Dana kerajaan pusat sahaja tidak mencukupi. Ia perlu disokong oleh dana kerajaan negeri atau kerajaan tempatan.

15. Industri-industri yang menjadi National Key Economic Areas (NKEAs) juga banyak terletak di bandar-bandar besar. Jika tiada persefahaman dasar dan pengagihan peruntukan antara kerajaan negeri dengan kerajaan pusat, maka industri-industri tersebut sukar berkembang.

16. Kita sudah lihat bagaimana sukarnya kerajaan Selangor dan Pulau Pinang bekerjasama dengan kerajaan pusat. Banyak perkara menjadi rumit. Seheinggakan penempatan pegawai perkhidmatan awam juga dipertikaikan.

17. Untuk meraih undi masyarakat Cina dan juga India, pemimpin-pemimpin UMNO terpaksa beralah dan bertolak-ansur. Tanpa disedari, tindakan mereka telah mengguris perasaan orang Melayu.

18. Orang Melayu perlu sedar bahawa walaupun mereka merupakan penduduk majoriti negara ini, mereka kebanyakannya tinggal di kampung-kampung. Tidak banyak hasil cukai yang kerajaan peroleh dari kampung-kampung. Sebaliknya, hasil cukai banyak dikutip di bandar-bandar besar.

19. Mereka perlu menerima hakikat bahawa dalam hal ini suara orang bandar lebih diutamakan walaupun ramai orang bandar hanyalah penduduk minoriti negara ini.'

By parameswara 2Author Profile Page on February 28, 2011 9:46 PM

Salam Tun

1-Orang2 Islam seperti Nik Aziz ni ramai sangat termasuk lah mereka yang lantang menentang beliau dalam blog ini.Mereka adalah golongan yang tak prodaktif kepada Islam ,destraktif adalah.Apa tak nya kalau perpecahan saja yang boleh mereka hasilkan.

2-Dengan ilmu laduni yang hebat yang mereka kononnya ada kerja mereka siang malam ialah menilai keislaman orang lain.Oh awak tak islam sebab sokong nasionalis.Oh awak tak islam sebab sokong biologis.Awak pulak tak islam sebab sokong sekular.Free bebenor

mereka ni kerja lain tak ada ke?

3-Nak berhujah dengan mereka ini memang susah sebab mereka tak terima logik yang universal cuma terima logik mereka yang tak logik tetapi Islamik konon. Dengan logik mereka yang tak logik ini mereka telah berjaya membuat Islam sebagai satu agama tak logik! Kalaulah imam al Ghazali macam mereka ini tak akan tercapailah kegemilangan Islam di dalam segala ilmu di awal abad dahulu.

4-Mereka inilah yang membuat orang orang Islam yang kurang ilmu diseluruh dunia menjadi konfusius. Kalau tak setuju sahaja dengan logik mereka yang tak logik ini maka kafirlah penentang penentang ini. Tak boleh fikir ikut kepala otak yang tuhan kurniakan tapi kena fikir ikut kepala otak ulama mereka yang tak logik tapi islamik!

Sabor aje lah Tun!

By sharifAuthor Profile Page on February 28, 2011 9:06 PM

salam tun,

sy faham jawapan tun ini, tetapi timbul kemusykilan. Sebagai Islam, wajib bagi kita menerima Quran secara keseluruhannya kerana ia adalah kata-kata Allah. Bahkan menolak walau satu huruf apatah lagi isi kandungannya sudah dikira kafir.

Persoalannya umno barisan nasional dilihat langsung tidak berminat memahami bahkan membawa rakyat memahami quran. Buktinya konsert-konsert diberi permit, pusat judi dan hub hiburan makin dibuka. Perundangan islam ditolak mentah-mentah.

Jadi adakah tun sedar secara tidak langsung kita sbenarnya menolak Quraan dan peraturannya yg boleh menyebabkan kita tergelincir dari agama ?

Harap sgt tun dapat respon. -sharif-

By Orang Melayu BebasAuthor Profile Page on February 28, 2011 8:14 PM

Husam: Tiga dalil Dr M pengkhianat Melayu

I am so touch by this article. simply because now there is another type of Malay, the PAS Malay. They in need of help, they need more multi million projects, they need infrastructure. THEY NEED MORE than other Malay. Well, simply because their land have more resources.

I cant believe this actually came from a leader. A leader should provide for all. Remove imbalances. Economically.

By jollyAuthor Profile Page on February 28, 2011 5:08 PM

Hi Tun,

Mohon izin Tun untuk saya mengulas sedikit mesej saudara Zul kepada ekompute.

hi Zul,

Kenapa marah sangat kepada ekompute, dia ni, afterall, adalah sebuah kompute aje, mungkin.

Tentang sejarah rasuah di nusantara ni.. mungkin saudara tak tau tentang cerita2 seorang kawan saya yang berlayar ke suluruh dunia.

Dia kata, bila dia melayar ke dunia timur tengah, kapal dia penuh dengan bahan2 rasuah (rokok) untuk bagi rasuah.. apabila dia sampai di negara eropah, semua ikut prosedur aje dan tak ade rasuah lagi.

Saya memetik cerita dari internet, di bawah, untuk keseronokan saudara:

Petik mula:

The Suez Canal is known internationally as the "Marlboro Canal"! Have you seen those hieroglyphics of the ancient Egyptians walking with both hands out, one in front and one out the back? They were begging with both hands! For Marlboros!

Petik tamat.

Adakah orang2 cina (atau Cheng Ho) dulu sampai di Suez dan ajar mereka tu rasuah? Tentu tidaklah.. pada masa tu, perancis masih belum bina terusan tuu..

Yang peliknya ialah, bila saya membaca cerita dari saudara Parameswara 2 tu, di bawah tajuk yang lain, saya dapati Ottoman empayar sering dipujuk2 oleh beliau. Tapi, bila saya belajar sejarah dulu tu (tak taulah kalau petikan tu sudah diubah atau belum sekarang), Ottoman empayar dianggap sebagai sebab utama orang2 barat bersusah-payah mencari jalan dan belayar ke nusantara ini (dan apa yang terjadi kemudian tentulah saudara tau). Jadi, jika bukan Ottoman empayar yang ingin dapatkan keuntungan yang tak munasabah, ke atas barang2 yang melalui kawasan mereka, di antara eropah dan asia (timur jauh), tentunya, orang2 barat tak ada motivasi untuk datang dan menakluki nusantara ni.

Jadi, patutlah saudara Parameswara 2 tu menyalahkan Ottoman empayar.

Mada masa kini, orang2 barat dan cina tengah cari jalan untuk berhijrah ke dunia lain selain bumi ini. Tapi segelintir besar penduduk di dunia ini masih tengah mencari jalan untuk membawa kasuk teknologi roket untuk dijadikan senjata. Manalah tau suatu hari nanti, apa yang akan terjadi kepada mereka2 tu yang saya sebut tadi. Siapa yang akan terselamat nanti bila orang2 barat atau jepun atau cina dapat kesan satu batu besar yang sedang menuju ke dunia kita ni.. berkemungkinan besar mereka sudah tau tarikh tu.. tapi mereka diam2 aje mencipta teknologi untuk mereka berhijrah, sedangkan kami tengah bergaduh sesama kita sendiri, tentang kafir, LKY, tentang ketuanan, tentang hak, kuasa, tentang sejarah rasuah, tentang bulu etc etc.

By JB\_FROMAuthor Profile Page on February 28, 2011 4:21 PM

T0,

mulutmelayu,

Saya ada baca "link" yang anda sertakan, tang mana yang mengatakan Nik Aziz mengkafirkan Tun dan UMNO, boleh tolong highlightkan....

Prof Rid\_cully,

Anda sertakan Amanat Hadi Awang, bukan Nik Aziz, Kenapa ramai tak hentam sahaja Hadi Awang tapi Nik Aziz?....

cuma ingin tahu....

By JB\_FROMA Author Profile Page on February 28, 2011 4:10 PM

Tun,

Berkeanaan dengan Komen Tun mengenai DAP dan MCA.

DAP berada dalam PR dan MCA berada dalam BN. Masing-masing mempunyai kepentingan yang lebih kurang sama iaitu orang Cina yang menjadi majoriti ahli kedua-dua parti.

Persoalannya adakah ada hubungan lain antara kedua-dua parti.

By wajaperak Author Profile Page on February 28, 2011 3:17 PM

Assallammualikumwarahmatulahiwarokatuh..

Semoga Tun sudi mengizinkan...

Ribuan terima kasih untuk Tuan Hj amin tan dan saudara Zulkiflee Arif..Well said!!

Tapi bagi saya,jangan sangka kami akan penat mempertahankan Islam!

Setiap kali sesiapa masuk dan mengusik Islam dan tidak letih-letih serta tidak penat-penat untuk mengusik Islam maka anda akan dapati kami juga tidak pernah penat dan jemu-jemu untuk mempertahankan Islam!!

Tahukah anda mengapa Islam tersergam gah di dunia ini??Sebabnya mudah sahaja..

In the war of attrition Muslim never lose..

True..they were overwhelmed..They were swamped..annihilated..tormented..and you named it until the muslim calls..where is Allah helps and aid in the trying time??

Ayat Al Quran Surah Al Baqarah

214. Adakah patut kamu menyangka bahawa kamu akan masuk syurga, padahal belum sampai kepada kamu (ujian dan cubaan) seperti yang telah berlaku kepada orang-orang yang terdahulu daripada kamu? Mereka telah ditimpa kepapaan (kemusnahan hartabenda) dan serangan penyakit, serta digoncangkan (oleh ancaman bahaya musuh), sehingga berkatalah Rasul dan orang-orang yang beriman yang ada bersamanya: Bilakah (datangnya) pertolongan Allah?" Ketahuilah sesungguhnya pertolongan Allah itu dekat (asalkan kamu bersabar dan berpegang teguh kepada ugama Allah).

Jadi kalau anda menyangka kami akan letih dalam mempertahankan Islam..anda telah tersilap..Kita lihat nanti siapa yang akan letih dalam memperjuangkan kebatilan kerana Rasullulah s.a.w bersabda

"Telah datang kebenaran dan musnahlah kebatilan karena sesungguhnya kebatilan itu, adalah sesuatu yang pasti musnah"

In the war of attrition muslim never lose..Be it 10 year's or 100 year's at the most..It is only slight hiccup or setback..but lose..never!!

Islam never lose..never!!

Terima kasih Tun.

By jollyAuthor Profile Page on February 28, 2011 2:51 PM

Hi Tun,

Mohon izin Tun untuk saya membalas saudara Zulkiflee\_Arif.

Hi Zul,

With the advent of the nuclear age, it is very hard to imagine that "an eye for an eye" is still practical today. Ref: Matthew 26:52.

Thank you for sharing with us about "Islam Jalal", "Islam Jamal", and "Islam Kamal".

I am still not convinced though. The reasons are as follows.

Last night, I was flipping through the following passage, before I even saw your message today.

(extracted from CodexSinaiticus.org, 4th century AD)

John 15

Quote

22 If I had not come and spoken to them, they would not have had sin; but now they have no excuse for their sin.

Unquote

(extracted from New International Version, 2010)

Quote

22 If I had not come and spoken to them, they would not be guilty of sin; but now they have no excuse for their sin.

Unquote

In the context of John 15, "I", is Jesus referring to himself, and "them", is "the world", I believe.

Whereas the following has been known to me for a long time, but since it is related to John 15, I will just quote as it is:

(extracted from CodexSinaiticus.org, 4th century AD)

John 14

Quote

6 Jesus says to him: I am the way, and the truth, and the life: no one comes to the Father but through me.

Unquote

(extracted from New International Version, 2010 AD)

Quote

6 Jesus answered, "I am the way and the truth and the life. No one comes to the Father except through me.

Unquote

Hi Tun, these words are not mine, I only quoted them.  
If Zul finds I am wrong with my understanding, tell me.

Thank you

By mgpunyaAuthor Profile Page on February 28, 2011 10:20 AM

YABhg Tun,

...pilihan atas tangan orang - orang Melayu.

By che det Author Profile Page on February 28, 2011 9:58 AM

Salam Sejahtera semua..

Semoga semua kita berada dalam keadaan sihat dan ceria sambil membaca komen ini.

Saya ada satu persoalan sahaja berkenaan senario politik BN-PR sekarang. Yang mana BN ada MCA dan PR ada DAP.

Baru2 ini semasa PRK Tenang MCA terang-terangan cuba 'mencuit' Islam dengan mempersoalkan calon Pas yang tidak mahu bersalam dengan bukan muhrim serta soal aurat. Manakala DAP beransur2 mahu menerima Islam setelah sekian lama takut dengan frasa HUDUD.

Semasa ini sukar untuk kita mengetahui samada kita berada di pihak benar atau salah dek kerana berbagai fitnah yg ada dari pelbagai sumber media. Sudah tentu kita tidak mahu bersekongkol dengan kaum yg zalim kerana kelak di akhirat kita akan berada di belakang mereka.

Oleh itu, mungkin justifikasi saya sebagai seorang Islam yang mahu pemerintahan Islam mudah sahaja. Iaitu berdasarkan pada situasi yg dinyatakan di atas.

Moga saya mendapat pandangan berwibawa dari pengunjung blog Tun ini.

By ekomputeAuthor Profile Page on February 28, 2011 9:52 AM

Idea berkata: "Seseorang bernama 'kerusibesi' mengatakan bahawa mengundi PAS bermakna mengundi Islam. Oleh itu, orang Islam perlu mengundi PAS. Adakah PAS akan bertanding di semua kawasan pilihan raya? Sekiranya tiada calon PAS di sesuatu kawasan pilihan raya, siapakah yang patut diundi oleh orang Islam? ... Kita dapat lihat ada penulis-penulis komen di sini tidak mengetahui perkembangan semasa. Mungkin mereka tidak membaca akhbar atau menonton berita. Akhbar-akhbar parti pembangkang pula hanya berkisarkan politik. Kekurangan pengetahuan perkembangan semasa boleh mengakibatkan kemunduran minda."

Apa kata Idea tentang dakwaan bahawa "hanya UMNO dapat menjamin kepentingan kaum Melayu? Kan itu serupa sahaja dengan dakwaan bahawa "mengundi PAS bermakna mengundi Islam", iaitu "mengundi UMNO bermakna mengundi kepentingan kaum Melayu"? Adakah UMNO akan bertanding di semua kawasan pilihan raya? Dan sekiranya tiada calon UMNO di sesuatu kawasan pilihan raya, siapakah yang patut diundi oleh orang Melayu? Kan logiknya atau lebih tepat lagi, illogiknya, sama sahaja?  
By WaraAuthor Profile Page on February 28, 2011 9:51 AM

My Salam to Tun and Tun Dr Hasmah.

Some idiot asked "Who is Tun Mahathir". The whole world knows Tun Mahathir except this idiot. An idiot who must have got lost in the jungles of Borneo. And dare make unfounded accusations. Silly idiot.

Thank you Tun.

By wajaperakAuthor Profile Page on February 28, 2011 9:22 AM

Assallammualaikumwarahmatulahiwarokatuh..

Moga Tun sudi mengizinkan..

[[ekompute

I presume this is the punch line ]]

Seeing this too, I have gone forth, O King! Better by far is the monk's life assured]]

ekompute..Al Quran have answered this succintly.See under the term

Rabaniyah.

[[Hi Sudin, and you may think, "Isn't it true that whether kafirs do good or evil, they must suffer in the next world, while Muslims can do anything they like and yet, enjoy their Hereafter. If that is the case, then something must be wrong with the religion (or the interpretation of that religion)]]

Suffer they must ekompute because of this from Al Quran..

Surat Al-'Insān (The Man) - سورة الانسان بسم الله الرحمن الرحيم  
76:1

Has there [not] come upon man a period of time when he was not a thing [even] mentioned?  
76:2

Indeed, We created man from a sperm-drop mixture that We may try him; and We made him hearing and seeing.

76:3

Indeed, We guided him to the way, be he grateful or be he ungrateful.

76:4

Indeed, We have prepared for the disbelievers chains and shackles and a blaze

[1]

Bukankah telah berlalu kepada manusia satu ketika dari masa (yang beredar), sedang ia (masih belum wujud lagi, dan) tidak menjadi sesuatu benda yang disebut-sebut, (maka mengapa kaum musyrik itu mengingkari hari akhirat)?

[2]

Sesungguhnya Kami telah aturkan cara mencipta manusia bermulanya dari air mani yang bercampur (dari pati benih lelaki dan perempuan), serta Kami tetap mengujinya (dengan kewajiban-kewajiban); oleh itu maka Kami jadikan dia berkeadaan mendengar dan melihat.

[3]

Kerana keadaan itu tidak mencukupi, maka) sesungguhnya Kami telah menunjukkan kepadanya (melalui akal dan Rasul) akan jalan-jalan (yang benar dan yang salah; maka terserahlah kepadanya) sama ada ia bersyukur (dengan beriman dan taat), ataupun ia berlaku kufur (dengan mengingkari kebenaran atau menderhaka).

[4]

(Dalam pada itu), sesungguhnya Kami telah menyediakan bagi sesiapa yang berlaku kufur (atau menderhaka): beberapa rantai dan belunggu serta neraka yang menjulang-julang.

Your opinion notwithstanding..

[[And it is thinking such as this that makes one narrow-minded. For without reading other religions, one cannot get a proper perspective of one's own religion. It is by comparing with what is bad in another religion that one sees the beauty in one's own, and by comparing with something better that one sees the bad. Or do we just assume that our religion is the best, without any investigation or thought?]]

And what is bad and what is not??They who did not have to prays five times a day is good and who does is bad??

[[Isn't it ironical?]]

Yes it is.Trying to figures religion by IKOK code..

IKUT KEPALA OTAK KAU!!

[[But if one thinks, "Ohhh, no need for that," is it any wonder that, out of ignorance, there is so much religious hatred and intolerance in this world?]]

There world are not meant to be "a better place" to be.The world is just a transit for the hereafter.And the purpose of this world is this

And ye shall but be repaid the meeds of your past deeds.

[[Everyone thinks that their religion is the best, otherwise why would they be a follower, right? ... unless one's religion is dictated by law and they become a follower just to get some material mileage. In all religions in the world, except probably Islam in Malaysia, religion is a personal relation between God and humans, not between the powers-that-be and oneself. Do I then need to say that I sometimes feel that in Malaysia, UMNO is greater than Allah to some Malaysian Muslims]]

You have pointed it rightly so in some individuals or collectives of individuals that practices ism contrary to Islamic teaching.But that is not an excuse for you to brand

Islam is responsible for their act.Human are responsible for their acts,deeds and actions.And it so easy for you to blame Islam because

You don't have the proper Islamic understanding and comprehension beginning with your kind of logic and Islamic logic.

Terima kasih Tun.

By wajaperakAuthor Profile Page on February 28, 2011 8:27 AM

Assallammaulaikumwarahmatullahiwabarokatuh..

Saya memohon ruangan dari Tun atas dasar ihsan..

[[ekompute

Bubbles berkata: "Ekompute sering membuat tuduhan tuduhan yang tidak berasas]]

Tepat sekali.

[[1. Patuhilah kontrak sosial yang termaktub dalam Perlembagaan asli. Jangan lagi mulut manis hati berduri, seperti yang dibuktikan oleh pelaksanaan dasar negara]]

Ewah..ewah..pandainya ekompute ni..Tuan punya blog ini dah berulang kali menerangkan 'pengkhianatan' yang di lakukan oleh nenek moyang ekompute dan 'rakan-rakan' mereka.Siapa mulut manis hati berduri?? Saya mahu sentuh hanya satu perkara sahaja..Mengapa peratusan bukan melayu kurang di dalam 'rank and file' anggota polis dan tentera Tanah Melayu dan kemudian Malaysia?..Intipatinya ialah peratus..Peratus..Dan apa jawapan ekompute ke atas

Dasar-dasar untuk meningkatkan peratusan ini??

Pernah kah Tun berkata..

"Kami berasa risau kepada anak-anak bukan melayu yang berada di belakang machine gun bila berlaku peperangan dengan Singapura.."

Ada ke??Dan jangan gatal tangan dan mulut untuk membabitkan Islam dalam kenyataan sinis sebegini.. Kan integriti sesuatu yang dipentingkan dalam agama Islam?

Memang betul..but from which viewpoint??

[[2. Hapuskanlah diskriminasi ras lalu membantu sahaja sesiapa jua yang miskin atau memerlukan bantuan, tanpa mengira bangsa. Kan ini ajaran Islam?]]

Betul tetapi kalau Imam tu silap tak bermakna Islam yang silap..Mengong oi..!!

[[3. Tunaikanlah janji dalam Dasar Ekonomi Baru yang mengisytiharkan penghapusan kemiskinan tanpa mengira bangsa, dan janganlah cakap satu tetapi buat yang lain pulak. Ketakjujuran kan sesuatu yang bercanggah dengan ajaran Islam?]]

Betul..Ulang jawapan di atas..kalau Imam tu silap tak bermakna Islam yang silap..Mengong oi..!!

[[4. Hapuskanlah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Kan itu bercanggah dengan ajaran Islam yang menetapkan prinsip bahawa warga tak boleh dipenjarakan kecuali kesalahannya telah dibuktikan dalam mahkamah terbuka?]]

Betul.Tetapi apa makna dan tafsiran "mahkamah terbuka"??Oh yeah I got it..

- 1)The court is right when it serves me and my interest.
- 2)The court is so and so when it serves me and you.
- 3)The court is kangaroo one when it serves only you..

[[5. Pastikanlah Malaysia mencapai kedudukan yang tertinggi dalam Indeks Persepsi Rasuah Transparency International dan bukan tempat 56. Kan itu selaras dengan ajaran Islam?]]

Setuju corrupt practice is against Islamic teaching but Islam does not have to bind to IPRTI values and methodology nor approval,endorsement and sanction.

[[6.Pastikanlah permintaan makanan negara turun pada bulan Ramadhan dan bukan sebaliknya. Kan itu satu-satunya alasannya berpuasa? Kalau makan lebih kuat, kan itu tidak sejajar dengan tujuan berpuasa malahan bulan Ramadhan dijadikan suatu jenaka agung?]]

Amat setuju Mr ekompute.

You are the big joke here.

Orang-orang Cina amat kita maklum pemurah orang-orangnya..Sebab itu bila Bulan Ramadhan..eh..Sori dan mintak maaf Tun..saya tersilap di sini..Orang-orang Islam memang pemurah..mereka rajin bersedekah dan memberi makan saudara seagama.Bila tiba bulan Ramadhan bertambahlah kemurahan hati orang-orang muslimin sehingga mereka lebih berbelanja untuk..

memberi makan kepada orang-orang muslimin yang daif dan kekurangan..

Di hari bulan biasa?..Biasalah..orang-orang muslimin 'kurang sikit' murah hati.Jadi akan kita nampaklah kadar pembelian makanan lebih dari bulan biasa.Membazir??..Ada juga berlaku tetapi bak kata orang melayu one sparrow does not make a summer..Kesimpulannya dapatlah kita lihat

'Kebijaksanaan' ekompute dalam menganalisa mengikut IKOD

IKUT KEPALA OTAK DIA!!

[[7. Berkhutbahlah ajaran Islam kepada orang bukan penganut Islam demi menonjolkan keindahan ajaran Islam, bukan menonjolkan ketamakan dan ketidakadilan. Kan itu salah satu kewajipan umat Islam?]]

Memang betul dan tepat sekali.Tetapi apa itu takrif 'ketamakan' dan apa itu takrif berdefinasi untuk ketidakadilan??

Serupa juga Wajaperak... Adakah pandangan saya terhadap ajaran Islam di atas itu silap atau mata anda dikaburi ketamakan?

Memang anda silap ekompute..You computes it all wrong..Now again..Which logic do you follows?

Logik Namrud dan Firaun?? atau mengikut logik

Saya yang mengikut kaedah dan metodologi Nabi Ibrahim a.s dan Nabi Musa a.s??

Source of referrence:

Al Quran..

Ribuan terima kasih Tun.

By prof\_ridcullyAuthor Profile Page on February 28, 2011 8:06 AM

Salam Tun,

Ally Rahman

Anda tak baca kah entri Tun ni? Bukankah Tun sudah memberikan hujah-hujah beliau?

Jangan buang masa melayari laman-laman web ketua-ketua PAS ataupun pro-PAS ataupun Youtube. Anda tak akan jumpa yang dicari kerana hampir kesemua tidak ada arkib. Trick ni trick lama kerana jika tiada arkib, mudah untuk menafikan apa yang telah dikatakan. Ini modus operandi PAS -- baling batu, sorok tangan.

Namun saya telah meluangkan masa 10 minit dengan Google untuk mencari Amanat Hadi  
Apa kata anda baca Amanat Hadi dan fikirkan sendiri.

PS. Saya harap anda boleh baca jawi.

By anacondaAuthor Profile Page on February 28, 2011 7:24 AM

Salam untuk Tun dan semua pembaca chekdet, jumpa lagi.

Jawapan terbaru Nik Aziz terhadap teguran Tun nampak benar bahawa dia cuba MENEGAKKAN  
BENANG BASAHnya dengan sanggup mengistiharkan bahawa dia tidak minta dijadikan sebagai Melayu.

Dalam usahanya untuk berdakwah itu, Nik Aziz sudah secara angkuh dan tanpa sedar membuat  
kenyataan tidak redho dan tidak bersyukur menidakkan azalli dan ketentuan Allah yang telah termaktub  
di LohMahfus terhadapnya.

Jika ketentuan terhadap KELAHIRAN itu boleh diminta-minta, mungkin Nik Aziz akan meminta dari Allah  
untuk dijadikan sebagai IBLIS(Azazil) kerana lebih Power untuk menggoda manusia khususnya umat  
Islam agar lebih banyak berpecah=belah.

<http://www.sunniforum.com/forum/showthread.php?23556-The-Story-of-Jinn-Azazil-amp-Iblis-Great-read-!!!> ). <http://nasbunnuraini.wordpress.com/2010/02/02/iblis-azazil/> ).

Boleh goda mereka longgarkan pegangan agama Islam mereka, boleh kafirkan orang Islam dan banyak  
lagi yang boleh dilakukannya, sehingga sanggup juga berkawan dan bekerjasama dengan SYAITAN.

Sudah jelas, Nik Aziz bukanlah Guru Agama sejati, tetapi Tok Guru politik yang pandai mempermainkan  
ayat al-Quran bagi kepentingan diri dan asobiayahnya.

Bukankah mempermainkan ayat al-Quran itu kerja Iblis?...!!!.

Nasihat saya dan juga rakyat Malaysia, menyeru Nik Aziz supaya bersara saja dari politik agar tidak  
berlanjutan lagi repek-mepek yang akan dilakukannya menjelang usia yang sudah masuk Waktu  
Kecederaan itu untuk tumpukan 100 peratus baki usia yang ada itu kepada Islam sebenar/sejati yang  
mengajak ummah bersatu agar Islam lebih kuat dan dihormati. Amin-amin Yarabula'lamin.

By lemand64Author Profile Page on February 28, 2011 3:36 AM

TUN,

Nampaknya persoalan tentang agama Islam sekarang ini menjadi debat hangat di kalangan orang  
ramai.Masing-masing dengan hujah dan pendapat.lanya melibatkan hukum agama.

Malaysia adalah negara Islam.Tak adakah satu jabatan atau pihak yang bertanggungjawab dalam agama  
Islam di Malaysia sekarang ini? Seolah-olah orang ramai yang yang dipertanggungjawab menentukan  
sesuatu hukum.

Melayu,cina ,india dari berbagai agama seakan-akan berpeluang memberi buah fikiran dalam hal hukum  
dalam Islam.

JAKIM.IKIM,entah apa-apa kim lagi dok buat apa?Tadak kerja ka ? Jabatan Agama,alim ulama dalam  
negara ini sibuk kerja lain ka ?Adakah semua ini adalah isu yang remeh?Ataupun mengambil sikap  
berkecuali...!!!

lemand64

By lemand64Author Profile Page on February 28, 2011 3:06 AM

Tun,

Sapa tak undi dan sokong Pas,bererti menolak Islam.Maksudnya mudah saja,sapa yang tak undi/sokong Pas,automatik dia bukan Islam,iaitu kafir.Ada ka lagi lain golongan selain Islam dan kafir???

Ini adalah talian hayat DNA(Datok Nik Aziz) dalam politik.Lepas ni tak ada talian dah.

Ini dalah satu UGUTAN !!! Ugutan seorang "Ulama"...

Siapa yang akan bagi duit jika pemintak sedekah meminta-minta dengan menghina, memaki-maki dan mencarut pada kita ???

DNA terlalu diagung-agungkan dan dijunjung-junjung.Keadaan sudah tidak normal...  
By amin tanAuthor Profile Page on February 28, 2011 2:28 AM

Dear Tun,

May I refer to Ekompute February 27, 2011 2.09 am

Dear Mr Ekompute,

Surah Kafirun basically says we agree to disagree. You say your religion is the best and the muslims say their religion is the best. So let us leave it as that.

amin tan  
By amin tanAuthor Profile Page on February 28, 2011 2:18 AM

Dear Tun,

May I refer to Ekompute February 27, 2011 2.09.

Dear Mr Ekompute,  
You are an intelligent man and I find your argument logical and acceptable. As wajaperak says in islam one does not use kepala otak sendiri. There are other important elements involved like, nawaitu, iman and hidayah. Your reasoning is so logical and clever that even the Holy Quran agrees with you in surah Kafirun.

Say to the non-believers  
I do not worship what you worship  
Neither do you worship what I worship  
Nor shall I worship what you are worshipping  
Nor shall you worship what I worship  
To you your religion and to me my religion.

In other words You will remain kafir forever and we will remain muslims forever. There is no end to this type of argument. lakun di nukun waliyadiin.

amin tan  
By Ir. SyahrizanAuthor Profile Page on February 28, 2011 2:15 AM

Asalamualaikum,

Saya syorkan Tun Dr. M dan Tuk Guru Nik Aziz supaya kedua-dua bawa bertenang.

PAS has and is splitting the Malays and Muslims. Even some of my non-Muslim friends cannot comprehend the Islam that PAS is propogating because they know that the ideologies of PAS and DAP are world's apart, literally ! On the other hand, DAP is smart in manipulating PAS from the back as evident in Perak previously and in Selangor currently. We are well aware that DAP is calling the shots in whatever Khalid Ibrahim does and needs to do.

I shall not know when Nik Aziz, PAS and their blind followers will repent, if ever. However, what I am concerned with is that the damage to Islam, the Malays, this country and our children's future could be irreparable if Nik Aziz, PAS and their blind followers are not stopped and stopped immediately. We have had our May 13. I do NOT wish our beloved country and way of life jeopardized in whatever way or form as what is happening in the Muslim countries like Tunisia, Egypt, Libya, Sudan and probably Jordan, Saudi Arabia.

Dear Tun

Thank you very much for your inspiration,  
May You Live Long and Prosper.

Best wishes

ALPHA TANGO

By maaeAuthor Profile Page on February 25, 2011 2:48 AM

Salam Tun (semoga Allah Subhanawataala Merahmati Tun Berdua),

1.Sesungguhnya dalam Al Quran banyak ayat-ayat Allah menyatakan perihal pemimpin-pemimpin yang menyesatkan.Tidak kurang juga kepada pemimpin-pemimpin yang bijak dan bertanggung jawab.

2.Kita rujuk beberapa seperti dalam Surah Al Ankabut ayat 13,Surah Saba' ayat 31-33,Surah Al Mu'min ayat 47 untuk sedikit penjelasan

3.Pemimpin yang di segani dan penuh bertanggung jawab maka Allah mengingatkan seperti contoh dalam Surah Asy Syu'araa' ayat 215

4.Dan pemimpin yang sesat lagi menyesatkan pengikut nya juga Allah beri amaran seperti firman kepada nabi Nya,dalam Surah Shaad ayat 26,Surah At Thur ayat 32

5.Juga,jika pemimpin yang reda' mejual iman nya dengan kepimpinan kafirun maka Allah tegaskan dalam Surah An Nur ayat 39-40

6.Serba sedikit rujukan agar kita menyedari hakikat bahawa Allah sahaja yang berkuasa dengan hukum-hukam nya.Tidak layak untuk hamba Nya yang lemah menuduh dan menjatuhkan hukuman terhadap hamba Nya yang lain dengan sesuka hati.

Saya bukan lah tergolong dalam orang-orang yang bijak pandai sehingga rujukan-rujukan AlQuran di jadikan komen.Rujukan dan tafsiran sebenar hanya lah kepada pakar dalam ilmu nya.Akal saya hanya mampu dalam kebenaran nya.

Kepada Allah jua saya memohon keampunan.  
By hairyAuthor Profile Page on February 25, 2011 2:02 AM

salam Tun,  
bersabarlah menghadapi dugaan ini, musuh2 melayu & musuh2 islam senantiasa menunggu peluang untuk menghancurkan kita. Apabila cara kasar tidak berkesan, cara halus digunakan, iaitu menggunakan orang melayu sendiri untuk menjatuhkan kita. Saya amat menghormati NA, kerana ilmu agamanya yg tinggi & kehidupannya yg sederhana, tetapi rasa hormat itu telah hilang apabila NA, sanggup bekerjasama dgn DAP yg terang2 menolak agama islam, saya sebagai generasi muda melayu islam tertanya2, apakah NA telah nyanyuk fikirannya atau telah dibeli oleh DAP atau ada sebab2 peribadi atau telah berjaya hasut oleh orang2 melayu pengkhianat yg sanggup menjual maruah bangsa sendiri semata2 utk menikmati sedikit habuan kemewahan. Walau apapun alasannya, tetap tidak dapat diterima oleh akal melayu islam yg waras. Kpd NA, bermuhasabahlah diri. Kalau teguran dari anak Melayu Islam ini dianggap tidak manis utk menegur NA, maka bersaksilah bahawa NA sebenarnya tidak layak utk memimpin. Kpd Tun, teruskan usaha utk membela bangsa, kalau Tun ada tersalah langkah sekalipun, anak Melayu islam ini akan tetap juga menegur Tun, supaya sama2 bermuhasabah diri & terus melaksanakan amanah sebagai khalifah didunia ini, demi bangsa, agama & negara tercinta...  
By ekomputeAuthor Profile Page on February 25, 2011 1:00 AM

Wajaperak says: "ekompute boleh belajar Islam dan mengembara keseluruh dunia Islam tetapi dia tetap juga akan menjadi donkey..."

And to one who says in a previous post in support of Ketuanan Melayu that "the state of idealism that Rasullulah s.a.w have attained is not possible by any human..no more. But what we can have is the effort to achieves as much idealism in our soil.And again this aristocratic prominents Malays chose this approach."

What he is trying to say is that when the Prophet reminded in his Last Sermon not to practise race supremacy (Ketuanan Bangsa) because no race is more superior than another, Wajaperak is saying that the state of idealism mentioned by the Prophet is not possible by any human. And when I said that he is implying that Islam is not a practical religion and therefore ought to be modified, he gets angry. But isn't this a logical deduction from what he is trying to say, although he didn't use those words. But just because he didn't use those words doesn't mean that he doesn't mean those words. As for Malaysia's No. 56 ranking in Transparency International's Corruption Perception Index which I highlighted again and again, he has nothing to say. Am I to assume that he has nothing against corruption, or that corruption is condoned by Islam?

And if I were to say that if you give Islam to monkeys, you still get monkeys, Tun will definitely censor my post. But when Wajaperak says that, his post gets through... opphhs, he says donkeys. Maybe donkeys is permitted but not monkeys. As if often said, when you can't attack the argument, attack the speaker and this is what I see Wajaperak is very fond of doing.  
By khairuddinAuthor Profile Page on February 24, 2011 11:53 PM

YABhg Tun,

Salam hormat. Selain dari Raja Putar Alam, kita mempunyai seorang tokoh Raja Lawak, Nik Aziz. Sesiapa yang mengundi PAS dijanjikan syurga. Kawan kawannya dalam DAP juga agaknya dijanjikan syurga.. Dalam syurga nanti Nik Aziz akan melaksanakan pemerintahan Islam, maka kata Karpal Singh..over my dead body..  
By mulutmelayuAuthor Profile Page on February 24, 2011 11:18 PM

Surat Tun M kepada Nik Aziz tentang 'Hudud' Kelantan  
By AtaturkAuthor Profile Page on February 24, 2011 11:16 PM

Dear Tun,

Nik Aziz belongs to the stone age.

But for a Muslim who has a son who is a director of a brewery, you ain't so 'hot' either.

Best Regards

Ataturk

By maassalaamahAuthor Profile Page on February 24, 2011 10:53 PM

Assalamu'alaikum Tun,

Ramai org btanya NIK AZIZ ni manusia jenis apa, sampai ke tahap mengkafirkan orang?

1. NIK AZIZ ialah org yg ADA OTAK tetapi TAK ADA AKAL. Sebenarnya org Msia dan org luar Msia dah tahu perkara ni, bak kata; seluruh dunia dah tahu perkara ni.
2. NIK AZIZ ulamak jahat, kerjanya membuat kerosakan, memecahbelahkan manuisa.
3. NIK AZIZ membodohkan pengikutnya yang melayu.
4. NIK AZIZ cuba menipu bukan melayu.
5. NIK AZIZ memperalatkan Agama Islam dan melindungi kejahatannya & keangkuhannya dengan Islam.

By Pembela UmmahAuthor Profile Page on February 24, 2011 10:25 PM

Salam Kepada YBhg Tun Yang Dihormatidan Disayangi...

Saya rasa politik negara kita makin kucar kacir akibat daripada ahli politik yang tidak bermoral dan penguatkuasaan yang lemah oleh pihak Kerajaan terutamanya berkaitan Akta Hasutan. Salah satu yang menjadi masalah utama Bangsa Melayu sekarang ialah PKR dan DSAI.

Untuk mengatasi masalah ini dengan segera saya **MENCADANGKAN KEPADA YBHG TUN SUPAYA MENGE LUARKAN KENYATAAN KEPADA SEMUA RAKYAT MALAYSIA TERUTAMA YANG BERAGAMA ISLAM** UNTUK berdoa beramai-ramai dan bersembahyang hajat memohon petunjuk dari Allah swt dengan memohon kepada Allah swt seperti berikut:

"Ya Allah Ya Tuhanku Yang Maha Mengetahui Lagi Bijaksana, Berikanlah Kami Petunjuk Siapakah Yang Benar dan Siapakah Yang Salah Dalam Kes Liwat Dato' Sri Anuar Ibrahim. Kami seluruh Rakyat Malaysia memohon Supaya Kau menurunkan bala yang sehebat-hebatnya kepada mereka yang bersalah supaya menjadi ikhtibar kepada semua umat islam di Malaysia khasnya dan di seluruh dunia amnya. Namun kita juga memohon supaya Kau menyelamatkan negara Malaysia dan rakyatnya yang tidak bersalah. Amin..."

Semuga dengan doa ini Allah swt akan memberikan petunjuk dan memberikan balasan yang sewajarkan kepada pihak yang cuba untuk mengadu domba di negara kita yang tercita ini. Semoga Negara Malaysia akan Aman Damai cemerlang gemilang dan terbilang sehingga ke akhir zaman...

Mohon jasa baik YBhg Tun.. Terima kasih  
By acun56Author Profile Page on February 24, 2011 10:10 PM

#### KELIRU DAN MENGELIRUKAN:

Kedua-dua tokoh perlu bersemuka dan berbincang atas tajuk dakwaan kafir mengkafir. Tidak ada satu pandangan yang sah dan boleh diterima oleh semua pihak. Carilah jalan yang benar-benar boleh memandu umat Islam yang rata-ratanya adalah MELAYU. Janganlah berperang melalui medium akhbar ataupun blog. Jika kedua-dua tokoh benar-benar ingin melihat umat Islam, masyarakat di negara ini memegang satu akidah yang sama, bersemukalah, berbincang dan mencari jalan penyelesaian terbaik. Bukankah kaedah berbincang itu merupakan jalan terbaik untuk mencari jalan penyelesaian. Jika kedua tokoh meneruskan perang ini, seolah-olah merekalah penyumbang utama kepada perpecahan masyarakat. BUKANKAH BEGITU.....?

Saya pernah menghantar komen yang menyatakan bahawa TIDAK AKAN ADA TITIK PERTEMUAN DAN PERSAMAAN PENDAPAT DI ANTARA KEDUA TOKOH YANG AMAT NYATA SEKALI MEMBERI ULASAN DAN PENDAPAT DARI PERSPEKTIF YANG BERLAINAN. SEORANG TOKOH MENGULAS DARI SUDUT AGAMA, MANAKALA TOKOH YANG SEORANG LAGI MENGULAS DARI SUDUT YANG LAIN... SAMPAI AKHIR DUNIA PUN KEDUA-DUANYA TIDAK AKAN BERTEMU DITITIK YANG SAMA KECUALI HIDUP SELEPAS MATI.....

By ruzzimAuthor Profile Page on February 24, 2011 9:35 PM

DAP dan MCA masing2 bersaing kerana hendak menunjukkan parti merekalah membela orang cina spt kata Anwar Ibrahim pada Minggu Suaikenal pelajar baru UPM sesi 1983/84. Tapi orang Melayu tetap undi UMNO kerana UMNO lah yang akan perjuangkan Islam khasnya dan Melayu amnya. Sebetulnya PAS benci UMNO tapi bukan perjuangan UMNO. Tak hairan tindak tanduk nya hampir menyerupai UMNO saat-saat pilihanraya yang akan tiba . Kata ajela sebenarnya PAS ini benci tapi rindu. Alasan mereka ,ini hanya taktik peperangan untuk mengalahkan musuh. Sedih tenguk Nizar pegang lilin dgn seragam hitam bersama dgn DAP. Mujur lah boneka ni tak jadi MB Perak, kalau tidak tentu dia ikut perangai Pak Guru dia. Sanggup di tarik hidung, dgn syarat diberi kuasa. Allah Maha kaya, ada kebenarannya bila YB Pangkor jadi MB.

By rasfanrahimAuthor Profile Page on February 24, 2011 9:29 PM

Daripada pemerhatian saya, pertikaian kedua tokoh ini perlu dijadikan iktibar kepada semua masyarakat Melayu Islam.

Perkara kafir mengkafir bukan perkara baru di dalam politik tanah air. Terimalah sebagai satu peringatan kepada setiap Melayu Islam bahawa isu ini boleh membawa perpecahan dan akibatnya membawa kerugian kepada diri sendiri. Jangan kita terlampau cuba menilai siapa menang, siapa kalah dalam perkara ini.

Inilah yang dikatakan politik berparti, seperti yang Malaysia amalkan. Its all about popularity. Kita perlu menilai kenyataan politik berparti yang objektifnya untuk menang dalam pilihanraya dan pada masa yang sama rakyat harus menilai isu yang dibangkitkan.

Diharapkan, natijah dari pertikaian ini membuat kita insaf dan lebih bersatu.

By mednahrAuthor Profile Page on February 24, 2011 9:28 PM

Berpolitik katalah berpolitik Nik Ajis oooii.... malulah sikit memperalatkan Islam untuk parti.... agama Islam awak punya ke?? PAS punya ke?? apa kena-mengena Islam dengan PAS pulak?? kami mahu Islam tapi kami tak mahu PAS....

By mennheroAuthor Profile Page on February 24, 2011 9:28 PM

terbaik dari Tun..

kasi 'lempang' laju-laju muka nik aziz ni.. hehe

By Sahabat dari ChicagoAuthor Profile Page on February 24, 2011 9:26 PM

Wahai masyarakat Islam di Malaysia yang telah banyak bedosa, jangan lah anda risau A akan dosa dosa yang engkau telah laku kan dan dosa dosa yang anda akan melakukan kemudian hari. Anda akan tetap masuk surga sekiranya anda pangkah simbol bulan pada pilihanraya nanti. Musnah masyarakat Melayu dan Islam sekiranya PAS memerintah negara. That's the reason of to why dsai needs pas to be with him so that he has a place in heaven.  
By avz90201013Author Profile Page on February 24, 2011 9:25 PM

As'kum semua,

Baik fikirkan pasal benda ni dari memeningkan kepala pasal si kuda tua ni sedang naik angin.

[http://syurgadidunia.blogspot.com/2010/04/mengapa-saya-kata-pinjaman-rumah\\_25.html](http://syurgadidunia.blogspot.com/2010/04/mengapa-saya-kata-pinjaman-rumah_25.html)

wassalam. moderator memang sial kalu tak siar pasal benda yang tengah menjahanamkan umat islam ini.

By dwauholidaystravelAuthor Profile Page on February 24, 2011 9:19 PM

Salam Tun,

Selagi Hayat dikandung Badan,  
Teruskan perjuangan membantu bangsa dan agama dalam mendedahkan kebenaran dan membantu mereka yang berfikiran sempit.

SAYA MERASA SANGAT SEDIH DAN TERKEDU...

BILAMANA -

Makin ramai yang menggunakan ISLAM sebagai platform politik.... sedarlah wahai manusia yang mengaku beragama ISLAM.

" BERPELAN - PESAN DENGAN KEBENARAN DAN BERPELAN - PESAN DENGAN KESABARAN"

Salam

Rodzam

DWau Holidays Travel

[www.dwau.com.my](http://www.dwau.com.my)

By Faiz Al-KelantaniAuthor Profile Page on February 24, 2011 9:19 PM

Memahami Beberapa Istilah Yang Ada Perkataan MELAYU

Sebelum kita membicarakan dengan lebih lanjut mengenai persoalan kemelayuan yang lain, adalah lebih "afdal" jika kita mengenali dan memahami terlebih dahulu beberapa istilah yang terdapat perkataan MELAYU yang seringkali kita akan bertemu dalam bahan-bahan bacaan harian agar kita semua tidak terkeliru dan salah anggap mengenainya.

1. Rumpun Melayu = Adalah sekelompok besar manusia yang menjadi pribumi di kawasan Nusantara ini yang mempunyai beberapa ciri KEBERSAMAAN terutamanya dari segi fizikal, genetik dan linguistik. Pakar etnologi dan juga pakar linguistik mengklasifikasikan golongan ini sebagai Malayo-Polinesian. Juga dikenali sebagai Rumpun Nusantara (seringkali digunakan oleh pihak Indonesia). Kewujudan Rumpun Melayu di Nusantara ini dapat didasarkan kepada dua teori migrasi manusia ke kawasan Nusantara ini iaitu Teori Yunnan (3 Gelombang Migrasi Melayu seperti Melayu Negrito, Melayu Proto dan Melayu Deutro) dan Teori Nusantara. Dalam Rumpun Melayu, terdapat pelbagai suku (etnik) mengikut variasi dialek pertuturan, adat-budaya dan tempat asal mereka bermastautin, contohnya seperti orang Jawa,

Aceh, Banjar, Bugis, Kelantan-Patani (orang Jawi), Champa dan sebagainya. Secara metafora, kelompok besar manusia ini boleh juga dirujuk dengan panggilan Umat Melayu.

2. Kepulauan Melayu = Adalah satu istilah yang mula digunakan secara meluas ketika zaman Empayar Melayu Melaka yang merujuk kepada satu kawasan kepulauan yang terbesar di dunia yang kini termasuk dalam rantau Asia Tenggara. Juga digelar sebagai "Malay Archipelago" dalam Bahasa Inggeris. Orang Jawa pada zaman Empayar Majapahit menamakan rantau kepulauan ini sebagai "Nusantara" (Jawa = Nusantara). Pedagang Arab di zaman silam pula menamakan rantau ini sebagai "Jaza Ir Jawa" (tempat orang-orang Jawa), kerana mereka mula mengenali rantau ini ketika rantau ini berada dalam kekuasaan Empayar Majapahit yang dipelopori oleh majoriti suku Jawa. Claudius Ptolemaeus (Ptolemy), seorang ahli matematik, geografi, astronomi dan astrologi berbangsa Romawi yang lahir di Iskandariah, Mesir pada tahun 90 Masihi telah merujuk Semenanjung Tanah Melayu dengan panggilan "Aurea Chersonesus", yang merupakan indikasi akan kewujudan satu dataran di Kepulauan Melayu ini sejak zaman dahulu kala lagi. Secara metafora, kawasan kepulauan ini juga boleh disebut sebagai Alam Melayu atau Dunia Melayu.

3. Suku Melayu = Merupakan salah satu suku (etnik) dalam Rumpun Melayu yang bertebaran di serata Kepulauan Melayu ini sehingga mereka membentuk kerajaan di pelbagai tempat terutamanya di sekitar persisiran pantai kerana budaya golongan ini yang suka berdagang dan mahir dalam pembuatan transportasi air (kapal dan sampan). Suku Melayu merupakan di antara beratus-ratus suku dalam Rumpun Melayu yang wujud di negara Indonesia pada hari ini. Suku Melayu di Indonesia dapat dikenali melalui tempat mereka bermastautin atau pernah mewujudkan kerajaan di zaman silam. Antara yang terkenal ialah Suku Melayu Riau, Suku Melayu Jambi, Suku Melayu Betawi dan lain-lain. Suku Melayu di Indonesia diklasifikasikan mengikut beberapa ciri KEBERSAMAAN termasuk dari segi bahasa pertuturan, adat dan budaya. Untuk keterangan lanjut mengenai Suku Melayu di Nusantara, sila lawat <http://www.melayuislam.com/>

4. Melayu di Malaysia = Berbeza dengan takrifan istilah Suku Melayu yang hanya eksklusif kepada satu golongan manusia di negara Indonesia dan Nusantara secara umumnya, definisi MELAYU dalam negara Malaysia bersifat lebih universal kerana beberapa faktor, terutamanya atas kepentingan agama Islam dan keperluan politik. Definisi MELAYU di Malaysia mengikut Perlembagaan Persekutuan perkara 160(2) telah ditetapkan atas beberapa ciri KEBERSAMAAN yang wujud terutamanya BERAGAMA ISLAM. Ia tidak sesekali merujuk kepada ciri genetik atau fizikal seperti tafsiran ahli etnologi. Definisi sedemikian telah dibuat agar MELAYU itu sendiri di Malaysia tidak mudah terpisah dari perihal ISLAM. Ini bukan bermakna semua unsur-unsur kemelayuan itu adalah Islamik dari asalnya, tetapi sebaliknya, iaitu semua unsur-unsur Islam itu termasuk dalam perihal kemelayuan di Malaysia. Ini supaya segala unsur-unsur yang bertentangan dengan Islam tidak sepatutnya dijadikan tonggak kemelayuan seperti ketika zaman sebelum kedatangan Islam di rantau ini. Ia juga merupakan suatu gelaran kepada majoriti orang Islam di Malaysia sama seperti gelaran "Bosniak" yang merujuk kepada golongan Muslim di kawasan Balkan, atau gelaran "Saracean" yang merujuk kepada golongan Muslim di bawah Salahuddin Al-Ayyubi. Yang penting ialah BERAGAMA ISLAM atau MUSLIM. Apa-apa gelaran itu, tidak kira namanya apa pun, hanyalah suatu perkataan untuk rujukan, begitulah juga definisi Melayu di Malaysia ini yang merujuk kepada majoriti Muslim di negara ini. Walaupun begitu, kepelbagaian orang Melayu di Malaysia masih boleh dirujuk berdasarkan asal-usul suku dalam Rumpun Melayu contohnya seperti Melayu Jawa, Melayu Bugis, Melayu Kelantan-Patani, Melayu Minang, Melayu Aceh dan lain-lain. Ia juga boleh dirujuk berdasarkan negeri di Malaysia seperti Melayu Negeri Sembilan, Melayu Terengganu, Melayu Kedah dan lain-lain. Dan yang paling fleksibel sekali, Melayu di Malaysia dapat dirujuk berdasarkan perkaitan atau kacukan dengan bangsa lain selagi mereka itu BERAGAMA ISLAM, contohnya seperti Melayu-Turki, Melayu-Inggeris, Melayu-Arab, Melayu-India (mamak), Melayu-Cina dan lain-lain.

[http://www.facebook.com/note.php?note\\_id=81493108428](http://www.facebook.com/note.php?note_id=81493108428)

By Faiz Al-Kelantani Author Profile Page on February 24, 2011 9:16 PM

Kemelayuan TIDAK SAMA dengan Assobiyyah!

Sudah sekian lama polemik berkenaan isu kemelayuan ini menjadi dilema kepada umat Melayu-Islam di

Malaysia, malah ia dikelirukan lagi oleh permainan politik golongan-golongan tertentu yang kononnya menganggap kemelayuan itu adalah bertentangan dengan Islam atau bersifat tidak universal dalam realiti masyarakat majmuk di negara ini. Maka artikel kali ini akan memberi sedikit maklumat untuk semua pihak agar dapat menyelami sendiri akan erti sebenar kemelayuan itu tanpa dipengaruhi oleh dendam politik atau pun fitnah dari pihak harbi.

#### A) Memahami Perbezaan Maksud Istilah-Istilah yang Bersangkutan

-----

Sebelum kita membicarakan di mana letaknya erti sebenar kemelayuan itu, adalah lebih "afdal" jika kita terlebih dahulu menghayati maksud ringkas beberapa istilah yang berkaitan dengan konsep kenegaraan dan bangsa.

1) NASIONALISME = adalah istilah ciptaan barat yang bermaksud KEBANGSAAN, iaitu suatu semangat cintakan segala hal-hal yang berkaitan identiti bangsa. Dalam Islam, semangat kebangsaan ini wujud melalui batas-batas tertentu sebagai permulaan untuk pembentukan ummah secara universal. Hanya definisi dari barat ini sahaja yang telah memisahkan perkaitan KEBANGSAAN ini tadi dengan pengaruh agama, lantas mewujudkan NASIONALISME SEKULAR seperti yang diamalkan di negara Turki kini. Manakala di kalangan mereka yang memperjuangkan agama Islam pula, NASIONALISME keseluruhannya telah dianggap sebagai sekular akibat salah faham yang dicetuskan oleh provokasi barat terhadap maksud sebenar istilah tersebut. Pada asalnya konsep NASIONALISME ini wujud dalam Islam, berdasarkan beberapa fakta yang akan saya utarakan dalam artikel yang seterusnya, insyaallah.

"Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu, melainkan mereka mengubah nasib diri mereka sendiri"

(Surah Ar-Ra'd ayat 11)

2) PATRIOTISME = merupakan semangat cintakan negara. Ia berbeza sedikit dari maksud NASIONALISME kerana ia tidak berkaitan dengan mana-mana bangsa dalam menunjukkan rasa sayang kepada sesebuah negara itu. Seperti beberapa istilah dari barat yang lain, PATRIOTISME juga telah dipisahkan dari faktor agama supaya ia kelihatan sekular dan dianggap tidak pernah wujud dalam ajaran Islam. Walhal, semangat kesetiaan seseorang warganegara terhadap Tanah Airnya itu amat dianjurkan dalam Islam, hatta sehingga digalakkan mengorbankan diri dalam mempertahankan negara terutamanya dari dicerobohi musuh Islam yang mengancam hak (yang dilindungi Islam).

3) RASIALISME = jangan dikelirukan dengan maksud rasisme (perkauman)! RASIALISME bermaksud kepercayaan akan realiti wujudnya pelbagai kategori BANGSA/KAUM sebagai fitrah kejadian manusia. Dalam Islam, kejadian bangsa itu merupakan fitrah semulajadi umat manusia. Wujudnya keunikan yang tersendiri daripada sesuatu bangsa adalah bertujuan agar manusia ini saling melengkapi antara satu sama lain, bukan untuk diMANSUHKAN ciptaan pelbagai bangsa/kaum ini agar menjadi satu (sama semua) seperti usaha pihak Zionisme Antarabangsa melalui agenda NEW WORLD ORDER yang bertujuan memperhambakan semua umat manusia yang bukan Yahudi. Kewujudan parti-parti politik di Malaysia yang berdasarkan kebajikan kaum-kaum tertentu adalah menepati realiti RASIALISME ini. Pada zaman Perang Salib, pasukan tentera Salahuddin Al-Ayyubi juga disusun mengikut kumpulan kaum masing-masing, walhal mereka semua itu beragama Islam. Ini membuktikan bahawa RASIALISME adalah sesuatu yang fitrah dan adalah normal untuk mana-mana manusia itu cenderung ke arah identiti manusia yang sama sifatnya.

4) ASSOBIYYAH = merupakan subset kepada PERKAUMAN (RASISME), kerana jika diteliti dari sudut sejarah (Sirah An-Nabawiyah), maksud sebenar ASSOBIYYAH ini lebih menjurus kepada perpecahan yang berlaku DALAM sesuatu bangsa yang sama, bukan ANTARA sesuatu bangsa tersebut dengan bangsa yang lain yang seperti ditakrifkan oleh sifat PERKAUMAN (RASISME) secara umumnya. ASSOBIYYAH merupakan satu semangat kekitaan jumud yang berdasarkan KABILAH atau KELUARGA dalam sesuatu bangsa yang sama. Takrifan ASSOBIYYAH dalam bahasa Inggeris ialah CHAUVINISM.

Semangat ASSOBIYYAH inilah yang menjadi halangan kepada penyatuan sesuatu bangsa itu kerana berlaku ketidakadilan akibat bias terhadap KABILAH (KELUARGA) yang tertentu. Sistem kasta (Hindu) merupakan salah satu contoh semangat ASSOBIYYAH yang berlaku dalam satu bangsa yang sama. Persoalannya kini adakah ASSOBIYYAH ini benar-benar wujud dalam masyarakat Melayu sehingga boleh mencetuskan pertumpahan darah seperti di Pakistan atau di Afghanistan akibat perbezaan KABILAH (KELUARGA)?

B) Di Manakah Letaknya KEMELAYUAN itu?

-----

Seperti yang sudah dijelaskan dalam artikel saya sebelum ini berkenaan definisi MELAYU dalam negara Malaysia yang bersifat universal itu, KEMELAYUAN merupakan manifestasi kepada definisi MELAYU tersebut. Ia merupakan suatu jiwa atau semangat yang bertunjangan identiti asal Suku Melayu yang tidak bertentangan dengan Islam. Kemelayuan itu tidak bermakna apabila seseorang itu taksub berpenampilan seperti orang Melayu zaman silam dengan memakai tengkolok atau membawa keris, tetapi kemelayuan itu adalah nilai-nilai tradisi yang BAIK yang serasi dengan tuntutan ajaran Islam. Biar pun jika dari segi penampilan kita agak moden dan mengikut arus semasa, tetapi dari segi tingkah laku, sosial, dan sensitiviti, kita sebagai MELAYU perlulah mempunyai perasaan "sense of belonging" dengan segala perihal MELAYU yang tidak bertentangan dengan Islam. Seperti mana sayangnya warga Iran terhadap identiti Parsi (kePARSIan) mereka, sayangnya warga Cina Muslim di China dengan identiti Cina (KeCINAan), begitulah juga kita sebagai Melayu-Islam di Malaysia ini yang sepatutnya sayang terhadap identiti Melayu (KeMELAYUAN) selagi ia tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Inilah yang dinamakan NASIONALISME ISLAMIK atau secara spesifiknya NASIONALISME MELAYU-ISLAM. Mempertahankan semangat kemelayuan tidak bermakna kita tidak sensitif terhadap nasib saudara seakidah dari bangsa lain, contohnya seperti perasaan simpati kita terhadap nasib bangsa Palestin. Kemelayuan yang sejati tidak akan lupa menghormati hak pihak lain dan bertindak secara bertimbang rasa, itulah "kelembutan" dari sifat kemelayuan ini.

Janganlah kita semua terpedaya dengan slogan yang menolak hakikat kejadian bangsa oleh pihak yang kononnya mementingkan UMAT ISLAM SAHAJA kerana MELAYU di Malaysia itu merupakan bangsa tonggak UMAT ISLAM di situ. Seperti juga dakwah Rasulullah yang bermula dari peringkat bawah, pembentukan UMAT ISLAM perlu juga berlaku dari strata yang terendah hingga yang teratas mengikut langkah-langkah yang sepatutnya didahului ("Priority") dengan berdasarkan realiti tempat dan keadaan semasa. Rasulullah juga menyatukan bangsa Arab terlebih dahulu sebelum memfokuskan dakwah Islam di peringkat lebih universal, ini kerana dakwah Islam itu adalah secara berperingkat-peringkat, mengambil masa serta menguji kesabaran umatnya. Tidak pula Rasulullah merujuk bangsa Arab yang sudah Islam ketika itu hanya dengan sebutan UMAT ISLAM sahaja (yang bersifat umum), ini kerana sudah tentulah orang luar mahu mengetahui UMAT ISLAM yang mana? dan dari mana?

Kesimpulannya KEMELAYUAN yang sebenar tidak sesekali sama seperti maksud ASSOBIYYAH jika diteliti dari sudut ilmiah dan sejarah Melayu itu sendiri, di mana bangsa Melayu ini terkenal sebagai bangsa pedagang di zaman silam. Interaksi Suku Melayu atau Rumpun Melayu (secara umumnya) dengan dunia luar agak terserlah dengan kewujudan perlabuhan entrepot seperti di zaman Empayar Melayu Melaka. Ini merupakan bukti bahawa orang MELAYU atau sifat KEMELAYUAN tersebut sudah cukup fleksibel dan tidak janggal dalam menghadapi dunia dengan masyarakat majmuk. Oleh kerana sifat KEMELAYUAN yang fleksibel inilah maka dengan mudah Suku Melayu menerima hidayah Islam yang dibawa oleh pedagang-pedagang Muslim yang datang berniaga.

Artikel ini merupakan suatu usaha penerangan khususnya kepada ahli-ahli UMNO (terutamanya generasi muda) agar memahami erti sebenar KEMELAYUAN tersebut jika mahu meneruskan perjuangan sebenar UMNO yang sepatutnya tidak terpisah dari faktor agama Islam. Dan artikel ini juga ditujukan khas kepada golongan-golongan yang selama ini keliru, atau sengaja mengelirukan diri akibat perbezaan ideologi politik. Ini hanya satu usaha kecil untuk mencetuskan minat kepada semua pihak agar mengkaji perihal KEMELAYUAN ini secara mendalam di kemudian hari, insyaallah.

"Wahai manusia! Aku jadikan kamu dari laki-laki dan perempuan dan aku jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya saling kenal-mengenal (bukan untuk ditolak identiti spesifik mana-mana bangsa selagi ianya tidak bertentangan dengan syarak). Sesungguhnya yang paling mulia di antara kamu menurut pandangan Allah adalah siapa yang paling bertaqwa, sesungguhnya Allah maha mengetahui lagi maha mengenali"

(Surah Al-Hujaraat ayat 13)

[http://www.facebook.com/note.php?note\\_id=83086268428](http://www.facebook.com/note.php?note_id=83086268428)  
By Faiz Al-Kelantani Author Profile Page on February 24, 2011 9:12 PM

Mengulas Dua Masalah Psikologi Melayu Yang Lazim

Ilmu psikologi merupakan minat peribadi penulis dalam banyak-banyak cabang ilmu perubatan. Untuk artikel kali ini, penulis mahu mengulas SECARA RINGKAS tentang dua masalah pokok yang bersangkutan psikologi Melayu dari sudut logik dan Islamik agar kita sama-sama dapat merungkai dilema yang seringkali menghantui corak bersosial orang Melayu. Kenapa fokus orang Melayu? Kerana golongan ini adalah golongan terdekat dan majoriti dalam lingkungan kehidupan kita di Malaysia. Islam menggalakkan kita berhadapan dengan masalah yang terdekat dengan kita terlebih dahulu.

#### DUA JENIS KEPINCANGAN YANG LUMRAH DARI PSIKOLOGI MELAYU

-----

1) Salah Tanggapan/Tafsir/Faham = merupakan salah satu masalah psikologi asas orang Melayu yang akhirnya dapat menyumbang kepada pelbagai lagi masalah pemahaman orang Melayu. Salah Tanggapan dapat berpunca dari sifat PENAKUT (untuk hadapi realiti yang pahit), PENTINGKAN DIRI (sehingga timbul fitnah kepada pihak lain), PERASAN (kononnya diri sendiri sentiasa benar dan bersih), EKSKLUSIF (apabila tidak bergaul dalam lingkungan yang lebih terbuka dan luas) dan lain-lain penyimpangan cara menafsir kebenaran termasuklah punca yang paling terkenal, BERGOSIP (kecoh hal yang belum pasti/sensasi tanpa merujuk kepada sumber yang terlibat). Antara kesan kepada Salah Tanggapan ini ialah PARANOID (bersangka buruk), BENCI (kepada hal, benda atau individu tertentu), BIAS (tidak adil kepada pihak yang disalah tafsir tersebut), FOBIA (kepada segala hal yang berkaitan pihak yang disalah anggap tersebut) dan lain-lain lagi kesan negatif yang dapat memudaratkan ukhwah sesama manusia terutamanya orang Melayu-Islam. Oleh itulah dalam masyarakat Melayu, nenek moyang kita telah menciptakan istilah "BUANG YANG KERUH, AMBIL YANG JERNIH" agar orang Melayu sentiasa beringat untuk mencari jalan perdamaian dengan bersifat berlapang dada, mengelakkan semua perkara yang dapat menyumbang ke arah perkelahian terutamanya yang berpunca dari SALAH TANGGAPAN ini.

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu BERITA, maka selidikilah kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu KAUM dengan perkara yang tidak diingini akibat kejahilan kamu mengenainya, sehingga ia menjadikan kamu menyesali apa yang telah kamu telah lakukan."

(Surah Al-Hujraat ayat 6)

2) Menyimpan Dendam = ini adalah masalah klasik orang Melayu sejak zaman-berzaman. Ia juga masalah kepada bangsa-bangsa lain di dunia ini. Dendam dapat berpunca dari pelbagai sebab. Dendam adalah manifestasi EGO, GERAM, BENCI dan boleh jadi juga DENGKI. Dendam akan mengakibatkan perbuatan zalim yang lain seperti KHIANAT (tikam belakang contohnya), SABOTAJ, FITNAH dan PENGANIAYAAN (akibat tidak berlaku adil kepada yang didendam). Kerana dendam jualah maka segala perihal yang lebih penting atau lebih baik TIDAK dipertahankan demi memuaskan nafsu si pendendam. Dendam akibat salah faham atau salah anggap adalah lebih merugikan umat Islam. Akibat sifat berdendam, Melayu-Islam di Malaysia mudah dimanipulasi pihak lain/luar. Contoh yang paling lumrah adalah dendam politik dan dendam peribadi. Dendam dapat menyebabkan manusia MELAMPAUI

BATAS apabila bertindak MEMBALAS DENDAM. Oleh itu dalam Islam, manusia digalakkan MEMAAFKAN tetapi tidak melupakan, bukan bertujuan untuk terus mengapi-apikan dendam, tetapi untuk dijadikan peringatan serta pengajaran dalam kehidupan agar tidak diulangi lagi kesilapan atau kesalahan pada masa depan. Sesungguhnya balasan yang paling adil ialah balasan dari Allah S.W.T.

#### PENYELESAIAN KEPADA DUA PERMASALAHAN PSIKOLOGI TERSEBUT

---

Untuk mengelakkan SALAH TANGGAPAN yang boleh menimbulkan DENDAM tersebut, maka kita sebagai umat Islam digalakkan menggunakan beberapa pendekatan untuk mencari kebenaran. Yang penting di sini adalah NIAT kita sendiri, adakah untuk menerima kebenaran? Atau untuk menyedapkan hati sendiri? Atau untuk menang hujah? Sebagai permulaan untuk mencari kebenaran atau kesahihan sesuatu isu yang timbul tersebut, perlulah kita telah mempunyai beberapa asas pengetahuan tentang permasalahan yang timbul tersebut, terutamanya yang paling asas adalah ILMU SOSIAL. Jika sosial kita pun telah terbantut, maka agak sukar untuk kita memahami realiti pihak yang di luar diri kita sendiri. ILMU AGAMA juga meliputi pelbagai cabang ilmu termasuklah ILMU SOSIAL ini tadi. Sifat yang kedua yang perlu ada untuk mencari kebenaran adalah SIFAT BERANI. Berani di sini bermaksud berani dalam berjumpa, berani bertanya pihak yang terlibat secara adil dan berlapang dada, berani menyatakan pendapat atau teguran, dan berani menilai sumber-sumber atau bukti-bukti yang berkaitan yang mungkin tidak memihak kepada sangkaan awal kita. Inilah yang dinamakan BERANI KERANA BENAR. Dan sifat yang paling penting dalam semua ini adalah BERSABAR. Melalui kesabaran, kita akan lebih merendah diri walaupun ditimpa pelbagai cabaran dan ujian dalam hidup. Melalui kesabaran jualah kita menyerahkan urusan pembalasan yang adil kepada Tuhan Yang Maha Esa. Maka tiadalah wujudnya DENDAM sesama kita. Cuma manusia, terutamanya Melayu-Islam hendaklah tidak lupa apa yang telah terjadi sebagai pengajaran agar ia tidak berulang kembali. Apabila kita lupa, maka kita akan menjadi alpa sehingga mengulangi kesilapan-kesilapan terdahulu. Sesungguhnya manusia itu tiada yang benar-benar "SEMPURNA" dalam erti kata tidak melakukan sebarang kesalahan dalam hidup, hanya Rasulullah sahaja yang bersifat maksum. Artikel ini adalah satu renungan untuk semua insan termasuklah diri penulis sendiri yang masih belajar menilai insan lain dengan mata hati.

"Maka tetaplah kamu pada jalan yang benar, sebagaimana diperintahkan kepadamu dan (juga) orang yang telah bertaubat bersamamu dan janganlah kalian MELAMPAUI BATAS. Sesungguhnya Dia Maha Melihat apa yang kalian kerjakan."

(Surah Hûd ayat 112)

[http://www.facebook.com/note.php?note\\_id=84031568428](http://www.facebook.com/note.php?note_id=84031568428)  
By Faiz Al-Kelantani Author Profile Page on February 24, 2011 9:09 PM

Di Manakah Kita Dalam 4 Golongan Utama Melayu Ini?

Menyingkap perkembangan terkini situasi politik dan sosial di Tanah Air, penulis ingin membuat kesimpulan SECARA RINGKAS mengenai kewujudan 4 golongan utama dalam masyarakat Melayu-Islam kita ini yang dapat mempengaruhi masa depan negara terutamanya dari segi pengaruh politik. Berikut adalah 4 golongan utama Melayu-Islam yang mudah dilihat secara kasarnya:

1) Golongan Dogmatik Agama = Adalah golongan MINORITI yang TERLALU sentimental terhadap apa jua yang berlabel agama (Islam). Mereka ini wujud dalam bentuk parti politik, NGO dan juga secara berkumpulan dalam jumlah yang kecil. Kebanyakan dari mereka menolak realiti kejadian BANGSA dan perkaitannya dengan nilai-nilai KENEGARAAN Malaysia. Sehingga ramai antara mereka yang alergik terhadap apa jua istilah yang melibatkan BANGSA (Melayu). Mereka mudah menilai mana-mana individu melalui faktor DOSA dan PAHALA serta SYURGA dan NERAKA. Mereka juga menganggap sebarang penampilan atau istilah yang datang dari Arab (Timur Tengah) itu merupakan sesuatu yang Islamik, selain daripada itu adalah sekular. Golongan ini hanya percaya khabar berita yang bersumberkan individu yang berpengaruh di kalangan mereka sahaja. Sumber-sumber dari luar, walaupun menepati

realiti dan ajaran Islam, masih boleh dipertikaikan atau dinafikan terus. Mereka rela melakukan apa sahaja atas nama (label) agama walaupun bertentangan dengan prinsip asas yang dianjurkan oleh agama (Islam) tersebut. Mereka jarang mengkritik kepimpinan mereka secara terbuka (dalam media terbitan mereka) dan sentiasa menganggap diri mereka di pihak yang benar, sempurna dari segi amalan dan diredhai Tuhan. Golongan Dogmatik Agama ini juga dapat dimanipulasikan oleh kelompok HARBI melalui pelbagai fitnah yang dicipta seolah-oleh menepati kehendak perjuangan mereka tersebut, sehingga akhirnya mereka memusuhi sesama umat dalam keadaan "STATE OF DENIAL" dan sering tidak berpuas hati (ANTI-ESTABLISHMENT).

2) Golongan Liberal-Sekular = Merupakan golongan yang SEMAKIN RAMAI dan dapat memberi pengaruh yang signifikan kepada generasi muda melalui media massa dan dunia hiburan. Golongan ini kurang sensitif terhadap identiti BANGSA dan ISLAM. Mereka sering mengagung-agungkan HAK ASASI MANUSIA, DEMOKRASI, KESAMA-RATAAN, KETERBUKAAN, FREE WILL, KEBEBASAN BERSUARA dan lain-lain agenda yang sering dipromosi oleh proksi-proksi NEW WORLD ORDER seperti Amerika Syarikat dan dunia barat yang lainnya. Mereka menganggap Malaysia perlu menjadi negara bebas. Gaya kehidupan mereka juga tidak menampilkan ciri-ciri Keislaman apatah lagi Kemelayuan, yang dikatakan agak asing dari realiti kehidupan urban mereka tersebut. Terdapat juga antara golongan ini yang menganggap Kemelayuan itu perlu bebas dari pengaruh agama (Islam). Kebanyakan dari mereka lebih selesa tinggal di bandar-bandar besar yang mempunyai fasiliti hiburan dan sosial yang lengkap. Mereka bebas bergaul, sehingga tanpa batasan dengan kaum-kaum lain yang tidak seakidah dengan ISLAM. Ada dikalangan mereka juga berasa seakan-akan menyesal dilahirkan dalam komuniti Melayu-Islam kerana difikirkan menyekat kebebasan atau kehendak (nafsu) individual. Ada juga antara mereka ini yang mengaku NASIONALIS tetapi mengambil pendekatan NASIONALISME SEKULAR, lantas menjadi fitnah kepada perjuangan NASIONALISME yang sepatutnya. Dari golongan ini jugalah boleh lahir golongan Melayu yang murtad. Golongan ini akhirnya menjadi alat kepada kelompok HARBI untuk meranapkan segala warisan (legasi) Ketuanan Melayu dan Kedaulatan Islam di Malaysia.

3) Golongan Pertengahan = Golongan ini merupakan golongan MAJORITI dalam masyarakat Melayu-Islam di Malaysia. Mereka adalah golongan ATAS PAGAR dan bersifat "SILENT MAJORITY" dalam menentukan nasib kepimpinan negara. Mereka menganggap diri mereka neutral dan kononnya berpihak kepada apa yang benar atau patut. Golongan ini mudah dimanipulasikan mengikut isu atau sentimen yang dimainkan oleh individu-individu yang mempunyai kepentingan peribadi. Golongan ini sering mengkritik tetapi amat jarang memberikan jalan penyelesaian yang praktikal kepada apa yang dikritiknya kerana seringkali menganggap bahawa semua itu bukan tanggungjawab mereka. Tetapi ada juga yang sebaliknya, malangnya segala saranan dan idea baik dari golongan ini sering diabaikan oleh pihak yang sepatutnya terutama oleh golongan politik. Tetapi golongan ini masih sensitif terhadap sebarang isu yang melibatkan MELAYU dan ISLAM walaupun reaksi mereka tidak begitu menonjol pada umum. Ada juga dari golongan ini yang bersifat pentingkan diri atau keluarga masing-masing atas alasan kesibukan dalam hidup. Tidak kurang juga yang keliru atau kecewa dengan perkembangan politik semasa. Terdapat juga di kalangan mereka yang mahu berbakti kepada agama, bangsa dan negara, tetapi tidak mahu terlibat secara langsung dengan wadah politik. Kebanyakan dari golongan ini juga jarang menghabiskan masa untuk mengkaji setiap perihal KENEGARAAN, dan realiti POLITIK dari sudut ilmiah dan realiti. Oleh yang demikian, maka terdapat ramai di kalangan Golongan Pertengahan ini yang buta sejarah dan jahil dalam percaturan politik Tanah Air yang semakin kompleks ini.

4) Golongan Nasionalis Melayu-Islam = Merupakan golongan yang HAMPIR PUPUS kerana ia melibatkan kualiti serta semangat yang sudah jarang dapat dimanifestasikan secara umum dalam kehidupan seharian di abad moden ini. Golongan ini mempunyai perasaan sentimental terhadap prinsip perjuangan tokoh-tokoh bangsa (dan agama) yang terdahulu tanpa menyetepikan perasaan ukhwah sesama saudara seakidah dari bangsa/kaum yang lain, contohnya dalam mendukung perjuangan BANGSA PALESTIN untuk menuntut HAK di tanah air mereka. Golongan ini sering disebut sebagai golongan NASIONALIS atau PATRIOT. Dan mereka wujud dalam bentuk parti politik, NGO serta secara individual. Usaha mereka ini lebih ke arah kebajikan (HAK) komuniti Melayu-Islam, menyetepikan faktor individualistik, tidak kira dalam bentuk langsung atau tidak langsung. Bagi mereka, perjuangan Melayu yang sebenar di Malaysia adalah seiringan dengan tuntutan perjuangan Islam, jika sebaliknya, ia bukan satu perjuangan Melayu. NASIONALIS MELAYU (ISLAM) yang sejati akan bersifat rasional, dan

mempunyai tahap toleransi sosial yang tinggi tetapi tegas apabila batas sudah dilampaui. Keutuhan negara melalui Ketuanan Melayu (Kedaulatan Islam) perlulah dipertahankan di samping institusi Raja Berperlembagaan dan Pasukan Bersenjata Negara yang perlu dihormati. KEADILAN ditafsirkan oleh golongan ini berdasarkan prinsip HAK, sepertimana yang ditafsirkan oleh ajaran Islam itu sendiri, bukan berdasarkan definisi KEADILAN dari Barat. Golongan ini akan tetap setia tetapi tidak akan teragak-agak untuk menegur secara terbuka mana-mana pihak, termasuk pihak (pemimpin) mereka sendiri jika bertindak menyimpang dari perjuangan asal yang mereka anggap sebagai teras KEBANGSAAN ini. Segala tindakan golongan ini bersifat DEFENSIF berbanding OFENSIF. Reaksi mereka seringkali merupakan tindak balas kepada segala ancaman provokatif yang cuba dicituskan oleh pihak munafik-harbi. Golongan ini merupakan musuh kepada gerakan NEW WORLD ORDER di seluruh dunia.

Artikel ini merupakan analisa ringkas penulis secara peribadi dalam memerhati kecenderungan kelompok insan yang bernama Melayu-Islam ini. Persoalannya di manakah kita dalam 4 golongan utama di atas tersebut?

[http://www.facebook.com/note.php?note\\_id=86037953428](http://www.facebook.com/note.php?note_id=86037953428)  
By Faiz Al-Kelantani Author Profile Page on February 24, 2011 9:06 PM

BACA HABIS DULU: Ini bukan MAKI atau BENCI Nik Aziz!

Setelah sekian lama memendam rasa kurang senang atas beberapa tindakan dan perilaku orang yang digelar TOK GURU oleh para pengikut fanatiknya, maka pada hari ini, penulis sebagai anak muda yang tidak menyebelahi mana-mana pihak, baik PAS atau UMNO yang telah sama-sama berbuat banyak keterlanjuran politik, ingin menyampaikan ekspresi KEKESALAN ke atas dirinya yang telah menyalah-gunakan statusnya sebagai ULAMA demi kepentingan politik DEMOKRASI. Penulis hanya ingin menimbulkan beberapa persoalan yang dapat kita fikirkan bersama.

1) Kepada rakan-rakan yang selama ini MEMUJA Nik Aziz bagaikan maksum, penulis minta maaf kerana tidak dapat lagi berselindung untuk menjaga hati kalian dalam posting kali ini yang melibatkan NIK AZIZ. TEGURAN KERAS perlu dibuat kepada seseorang yang sudah merasakan dirinya amat tinggi ilmu dan amalnya sehingga tidak sedar lagi di manakah KEPENTINGAN yang patut diutamakan sebagai Melayu-Islam di Malaysia ini.

2) Seperti penulis pernah tegur secara terbuka seorang bekas PEMIMPIN TERTINGGI dalam kerajaan yang pincang sebelum ini (cucu ulama besar juga), maka tidak ada bezanya dengan Nik Aziz ini. Sedangkan Saidina Umar R.A sebagai seorang sahabat Nabi, pejuang fisabilillah dan Khalifah kedua Dunia Islam pun meminta dirinya ditegur, inikan pula Nik Aziz seorang bangsawan Melayu dari keturunan RAJA BERSIONG (moyang Raja Jembal). Tidak kira ASAS ILMU apa yang Nik Aziz ada tetapi jika banyak tindak-tanduk Nik Aziz memberi FITNAH kepada Islam itu sendiri, maka sia-sia jualah ASAS KEILMUAN Nik Aziz itu. Apabila Islam terfitnah, maka golongan yang kecewa dan keliru dengan Islam ini akan cenderung membentuk golongan LIBERAL-SEKULAR yang menjauhi retorik agama mainan PAS Nik Aziz ini. Lagi jahanamlah generasi Melayu-Islam kita di Malaysia.

3) Kenapa Nik Aziz menentang PERPADUAN MELAYU-ISLAM di saat-saat kita kian berpecah di bumi bertuah ini? Kenapa masih berdendam? Sedangkan dia arif bahawa dalam Islam tiada konsep dosa warisan/asal, maka bukankah itu bermakna Islam selalu membuka pintu kemaafan? Perbuatan individu-individu UMNO masa lampau tiada kaitan dengan MAJORITI orang UMNO masa kini yang mahu melihat perubahan. Tapi kenapakah Nik Aziz tidak mahu menyahut, berdamai dan mungkin berdakwah secara lebih dekat sesama Melayu-Islam dari parti UMNO? Kenapa begitu angkuh mempertahankan PAKATAN dengan golongan MUNAFIK-HARBI yang secara terang-terangan menolak segala unsur-unsur KETUANAN MELAYU yang mendukung KEDAULATAN ISLAM di Malaysia selama ini?

4) Kenapa rela Nik Aziz menafikan nasihat dan pujuk rayu mufti Perak, Dato Seri Dr Haji Harussani bin Haji Zakaria untuk berdamai dengan UMNO Perak demi kesejahteraan orang Melayu-Islam di Perak? Kenapa Nik Aziz ingkar hasrat SULTAN PERAK yang mahu melihat Melayu-Islam yang berkuasa memimpin negeri? Kenapa Nik Aziz tidak menegur tindakan-tindakan Nizar secara terbuka yang terus

hingga ke hari ini membuat kacau bilau dalam politik negeri Perak? Kenapa Nik Aziz tidak nasihat pengikutnya supaya taat akan Sultan sebagai Amirul Mukminin sesebuah Kerajaan negeri itu selagi baginda bersolat dan tidak mengarahkan kegiatan maksiat? Kenapa Nik Aziz? Kenapa?

5) Kenapa Nik Aziz dahulunya pernah menghentam Parti Rakyat Malaysia (PRM) sebagai golongan sosialis yang sama dengan komunis dalam Harakah, kemudiannya menerima pula Parti Keadilan Rakyat yang telah menyerapkan golongan "sosialis" PRM ini tadi? Kenapa Nik Aziz tidak menegur Anwar apabila dia mahu Chin Peng Komunis itu kembali? Kenapa sering berubah pendirian wahai Nik Aziz? Kenapa tidak pernah ada walau satu pun ucapan dari Nik Aziz secara terbuka untuk mempertahankan badan bersenjata Malaysia (Melayu-Islam) yang menentang komunis suatu masa dahulu? Lupakah Nik Aziz bahawa komunis juga telah ramai membunuh para imam dan ketua kampung yang alim? Lupakah Nik Aziz? Atau Nik Aziz sengaja melupakan segalanya demi undi popular dari kaum/agama lain?

6) Jika Nik Aziz tuduh UMNO buat jahat banyak lagi, habis itu kenapa pula Nik Aziz yang kononnya mengetuai PAS membiarkan PAS melakukan SEDIKIT jahat (salah)? Kenapa perlu banding dengan "kejahatan" UMNO? Tidak bolehkah Nik Aziz nasihat PAS supaya jangan buat jahat (salah) langsung? Tidak bolehkah Nik Aziz menahan diri dari menggadai prinsip dan nama baik Islam yang tegas lagi jelas ini? Nik Aziz mengaku sebagai NAKHODA PAS seluruh Malaysia, tetapi gaya pertuturan Nik Aziz seringkali tidak jelas, berubah-ubah dan mungkin hanya difahami oleh orang KELANTAN sahaja, jika orang luar silap faham, Nik Aziz salahkan media kerajaan, tetapi pernahkah Nik Aziz JELASKAN dalam Bahasa Malaysia secara terperinci untuk memberi kefahaman yang jelas kepada orang Melayu luar Kelantan ini? Dan akhirnya Nik Aziz minta orang datang mendengar ceramahnya secara langsung atau beli CD ceramah Nik Aziz, adakah itu paksaan secara halus dalam berdakwah? Padahal Islam anjurkan kaedah berdakwah yang menyenangkan orang FAHAM dan JELAS seperti cara Ustaz Dr. Ridhuan Tee Abdullah, bukan cara yang membuatkan orang semakin KELIRU atau FANATIK. Apakah maksud Nik Aziz apabila mengiyakan perkataan "ALLAH" boleh digunakan oleh agama lain di Malaysia ini? Apakah situasi kaum, budaya dan agama di Malaysia ini sama seperti di Timur Tengah? Fahaman apa yang Nik Aziz cuba terapkan ini?

7) Nik Aziz mengaku Kelantan (Kota Bharu) membangun walaupun kononnya didiskriminasi oleh kerajaan pusat, tapi sedarkah siapa yang maju di Kelantan itu? Siapa yang membangun sebenarnya? SBJ bukan? Siapa itu Syarikat Bina Jaya (SBJ)? Melayu-Islam? Adakah benar Melayu-Islam semakin berjaya dan maju di Kota Bharu hanya kerana jasa kerajaan PAS? Perasankah Nik Aziz bahawa bilangan bukan Melayu-Islam dari luar semakin bertambah di Kota Bharu? Apa sudah jadi? Adakah mereka itu sekadar datang melawat atau membeli-belah sahaja? Kenapa semakin besar rumah ibadat bukan agama Samawi di Serambi Mekah ini? Apa sudah jadi? Ada ke contoh Serambi Mekah di tempat lain dalam dunia ini yang rumah ibadat agama bukan Samawi nya semakin membesar? Tidak hairan bagi penulis jika golongan ini begitu makmur dan suka kepada PAS sehingga menyertai KELAB PENYOKONG PAS!

8) Andai kata jika suatu hari nanti Melayu-Islam di Kelantan ditimpa bencana seperti mana negara jiran kita, barulah kita insaf bahawa kita yang memegang status ULAMA ini sudah pun memberi FITNAH kepada perjuangan sebenar para mujahid kita. Tidakkah Nik Aziz insaf melihat kesengsaraan saudaramu di SELATAN THAILAND, yang hidup tanpa institusi Sultan, yang hidup bawah golongan kuffar Harbi yang tidak beragama Samawi. Tapi saudara-saudara Patani kita itu tidak seperti Nik Aziz, mereka tetap melaungkan Allahuakbar bersama dengan HIDUP MELAYU PATANI! Mereka tidak tinggalkan identiti bangsa mereka sepertimana Nik Aziz menuduh KEMELAYUAN itu Assobiyyah, mereka tetap tidak tinggalkan ISTILAH MELAYU pada perjuangan mereka, kerana mereka tahu sepertimana sesungguhnya Nik Aziz pun tahu, bahawa MELAYU yang dilaungkan itu adalah fitrah yang tidak bertentangan dengan Islam itu sendiri.

9) Memang banyak lagi kekecewaan penulis yang terpendam selama ini kepada Nik Aziz. Kerana dia tidak "makan" teguran lembut dari mereka yang sebaya, apatah lagi dari insan muda seperti diri penulis ini. Ya, kita semua tidak sempurna, seperti juga penulis yang masih menimba ilmu melengkap diri yang semakin meniti usia ini. Tetapi beban status sebagai ULAMA adalah berat! Nik Aziz yang sepatutnya memberi tunjuk ajar dan contoh teladan yang baik kepada generasi muda, bukan sekadar di luar pentas politik, bukan sekadar pada poster-poster Nik Aziz yang meminta doa sambil berlinangan air mata itu,

bukan modal politik seperti itu. Berkenaan dengan istilah Melayu yang Nik Aziz alergic selama ini, ulama-ulama kita terdahulu ada meletakkan nama asal bangsa atau tempat masing-masing di belakang nama Islam mereka, contohnya Al-Fathani (orang Patani) atau Al-Kelantani (orang Kelantan). Inilah yang dinamakan konsep NASIONALISME (Kebangsaan) dalam Islam. Para ulama-ulama silam ini tidak menafikan bangsa asalnya, sebab itu mereka masih lagi menyebut tempat asal dan bangsanya pada hujung nama mereka. Bukan menafikan MELAYU seperti yang Nik Aziz selalu katakan sehingga istilah Melayu itu menjadi jijik dan diperlekehkan kerana dendam politik.

10) Walaupun KERAS segala teguran yang dibuat oleh penulis yang tidak sempurna ini, tetapi hati penulis tetap mendoakan semoga TUAN GURU NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT akan rasional dan kembali ke jalan ULAMA yang sebenar, ulama yang tegas dengan prinsip Islam sebenar, ulama yang berlapang dada bebas dari dendam politik, ulama yang faham akan kepentingan yang patut diutamakan dalam situasi Melayu-Islam di Malaysia dan Muslim di dunia ini yang semakin tertipu dengan mainan golongan KUFFAR HARBI yang ingin melenyapkan akidah kita semua. Semoga Allah membuka pintu hati "Tok Guru" ini dan menggunakan ilmu agamanya untuk memimpin Melayu-Islam di Malaysia ke arah yang benar. UMNO pun ada silap, dan PAS pun ada silap, dua-dua telah terlanjur demi politik, yang jadi mangsa ialah kami, generasi muda Melayu-Islam di Malaysia. Penulis sayang kepada Nik Aziz dan Dr. Mahathir sebagai tokoh politik nasional yang banyak mencorakkan cara berfikir Melayu-Islam kita selama ini.

"Sungguh celakalah orang-orang yang menulis Al-Kitab dengan tangan mereka, lalu mereka katakan, "Kitab ini dari Allah", untuk mendapatkan keuntungan yang sedikit. Sungguh celakalah mereka kerana tulisan tangan-tangan mereka dan sungguh celakalah mereka kerana usaha mereka."

(Surah Al-Baqarah, ayat 79)

[http://www.facebook.com/note.php?note\\_id=92468578428](http://www.facebook.com/note.php?note_id=92468578428)

By Faiz Al-Kelantani Author Profile Page on February 24, 2011 9:02 PM

Minda Analitikal Untuk Menafsir Situasi dan Individu

1) Sejak akhir-akhir ini, banyak KEKELIRUAN yang timbul di kalangan Melayu-Islam di Malaysia, terutama dalam perihal politik tanah air. Penulis juga antara generasi muda yang pernah KELIRU dalam memahami apa sebenarnya yang berlaku. Maka penulis secara perlahan "merangkak" untuk mencari punca kepada segala kekeliruan dan keserabutan ini. Ia semuanya bermula dari SEJARAH kita sendiri, iaitu perangai klasik majoriti Melayu di Nusantara ini.

2) Penulis telah pun mengulas berkenaan masalah psikologi (mentaliti) Melayu dalam artikel sebelum ini. Penulis tidak akan mengulanginya di sini. Tapi yang pasti sifat orang Melayu yang tidak JELAS inilah yang telah menjadi halangan kepada bangsa dan masyarakat kita untuk mencari penyelesaian yang rasional. Orang Melayu suka memendam rasa dan membuat andaian tanpa menyelidik dengan adil akan sesuatu perkara atau individu. Ini juga bersangkutan soal NIAT dalam menilai. Namun yang uniknyanya, bangsa kita dengan cepat dan mudah menerima Islam sebagai kepercayaan pada zaman dahulu kerana KEJELASAN yang terdapat dalam Islam itu sendiri di samping sahsiah para pendakwah ketika itu yang tidak mencurigakan. Ini bermakna orang Melayu suka hal yang JELAS dan TERANG, tetapi sifat mereka sendiri pula adalah agak tertutup dan tidak JELAS dalam menyatakan pendapat. Maka agak sukar untuk pihak lain menilai jika berlaku sesuatu KEKELIRUAN. Kita seringkali "LARI" dari punca masalah. Kita sentiasa diselubungi oleh perasaan sentimental dan emosi bila menilai sesuatu.

3) Tidak dapat dinafikan Melayu secara umumnya amat sentimental dengan apa yang berlabel AGAMA (Islam). Oleh kerana itu, maka mudah untuk pihak lain memanipulasikan perasaan sentimental kita ini demi sesuatu kepentingan yang lain. Melayu juga dengan mudah menghakimi sifat seseorang itu melalui penampilan, gaya pertuturan, wajah dan juga sifat-sifat superfisial yang lain. Amat jarang antara kita yang jenis MENGAJI dan MENYELIDIK secara mendalam apakah maksud sebenar selain dari apa yang dapat dilihat oleh mata kasar itu. Dan kaedah untuk MENYELIDIK itu pula tergantung pelbagai faktor termasuk NIAT dan SUMBER yang kita nilai. Bukan mudah antara kita untuk mengetahui sesuatu

perkara itu JELAS atau tidak. Ia memerlukan pemerhatian dan kesabaran dalam memahami realiti yang wujud. Dan biasanya KEBENARAN itu tidak seperti yang disangka, kebenaran itu selalunya PAHIT.

4) Tidak lama sebelum ini kita mendengar suara-suara agar AUKU (Akta Universiti dan Kolej Universiti) di hapuskan. Alasan golongan itu adalah kerana AUKU telah menyekat kebebasan berfikir (mengkritik) para mahasiswa. Penulis adalah salah seorang bekas mahasiswa yang dihasilkan pada zaman AUKU itu dikuatkuasakan. Tidak pula AUKU itu telah menjadikan diri penulis ini hanya mengikut dan percaya apa yang dibaca dan didengar semata-mata. Maka penulis membuat kesimpulan bahawa sifat ingin mendapatkan PENJELASAN dan sifat ingin mencari KEBENARAN dengan BERFIKIRAN KRITIS itu datang dari individu itu sendiri, bukan semata-mata bergantung pada sistem yang mengawal, mendukung atau menyekat perkembangan sifat ini. Melalui pendidikan serta pengalaman yang diajar dalam hidup, maka manusia itu akan dapat membentuk sifatnya sendiri walaupun akan terdapat sedikit pengaruh dari persekitarannya. Berfikir kritis tidak bermakna kita tidak memihak atau tidak memilih. Oleh itu kita dianjurkan menilai antara beratnya MANFAAT atau MUDHARAT dari tindakan seseorang itu atau dari sesuatu yang berlaku. Sukar untuk kita mencari KESEMPURNAAN total yang wujud dari seseorang atau sesuatu itu, namun kita boleh memilih untuk berpihak kepada sesuatu atau seseorang yang lebih MANFAATnya berbanding MUDHARATnya mengikut pertimbangan waras kita.

5) Oleh itu, penulis ingin mengesyorkan agar kita Melayu-Islam di Malaysia ini untuk mempunyai MINDA ANALITIKAL jika kita semua ingin mencari kebenaran dalam menafsir situasi dan individu dengan lebih tepat. Minda analitikal akan membabitkan seseorang itu BANYAK MENYOAL dan SELALU BERTANYA untuk mendapatkan KEPASTIAN kepada setiap PERMASALAHAN yang timbul agar dapat dicari PENYELESAIAN atau KESIMPULAN darinya. Tetapi soalan-soalan yang ingin diutarakan itu perlulah bertunjangkan fakta dan rasional untuk ditanya. Jika tidak, kita akan dilihat mahu menimbulkan polemik atau bersifat ngada-ngada dalam mencari jawapan sebenar. Setiap bangsa yang maju dari zaman dahulu hingga kini, setiap bangsa yang boleh mencari penyelesaian terhadap permasalahan sosialnya, adalah bangsa yang BERMINDA ANALITIKAL ini. Tamadun Islam terbina atas asas ini. Islam menggalakkan umatnya BERFIKIR dan MENGAJI dalam batas-batas yang diredhai Allah. Islam adalah agama bagi mereka yang BERFIKIR bukan hanya MENGIKUT. Hikmah ajaran Islam seringkali mempunyai maksud yang tersirat untuk KEBAIKAN semua penganutnya dan alam ini.

6) Dengan mengamalkan sikap TERUS-TERANG, JELAS, dan TEGAS sebagai prinsip hidup maka kita akan dapat menghapuskan apa yang dipanggil sebagai BURUK SANGKA. Melayu perlu berani berhadapan dengan masalah dan realiti yang pahit yang mungkin tidak menyebelahi sangkaan awalnya. Melayu perlu berlapang dada menerima dan mengakui kesilapan diri sendiri jika mahu memperbetulkan kesalahan yang telah berlaku. Adalah LUMRAH bagi setiap manusia berbuat silap dan salah tidak kira usia, status atau keturunan. Oleh sebab itulah maka perkataan "MAAF" tersebut muncul dalam kamus bahasa manusia. Penulis percaya banyak KEKELIRUAN yang timbul dalam masyarakat Melayu-Islam di Malaysia kini dapat diselesaikan jika kita semua mengamalkan MINDA ANALITIKAL seperti yang dijelaskan secara ringkas di atas. Penulis sebagai manusia biasa yang tidak sempurna juga banyak belajar dari kesilapan dan kesalahan masa lalu akibat tidak matang dan bersikap emosional terhadap sesuatu perkara. Namun sebagai insan yang diberikan HATI, tidak dapat dinafikan bahawa kita semua akan dipengaruhi, walau sedikit, oleh faktor perasaan (sentimental) ketika menilai sesuatu dengan ilmu yang kita ada. Itulah kelemahan manusiawi, itulah jua kekuatan jiwa manusia dalam MENCINTAI sesuatu atau seseorang.

"Yang BERUSAHA mendengar perkataan-perkataan yang sampai kepadanya lalu mereka MEMILIH dan MENURUT akan yang sebaik-baiknya (pada segi hukum agama); mereka itulah orang-orang yang diberi hidayat petunjuk oleh Allah dan mereka itulah orang-orang yang BERAKAL SEMPURNA."

(Surah Az-Zumar, ayat 18)

[http://www.facebook.com/note.php?note\\_id=94020483428](http://www.facebook.com/note.php?note_id=94020483428)

By Faiz Al-Kelantani Author Profile Page on February 24, 2011 8:59 PM

Fitrah Nasionalisme Telah Terfitnah oleh Yahudi-Zionist!

Sebagai sambungan kepada artikel yang bertajuk "NASIONALISME: Suatu Fitrah dari Allah Yang Nyata!", artikel kali ini akan membicarakan secara ringkas berkenaan bagaimana fitrah NASIONALISME (Kebangsaan) ini terfitnah secara berperingkat berdasarkan arus zaman, akibat agenda tersembunyi golongan Yahudi-Zionist yang kini menunjangi segenap pemikiran dunia Barat. Melalui artikel ini, penulis berharap agar kita akan dapat mencari perkaitan dengan apa yang sedang berlaku di Malaysia, terutamanya dalam kita menghadapi situasi politik yang kian mengelirukan dan merugikan umat Melayu-Islam kini.

1) Kita mulakan dengan menjenguk apa aspirasi sebenar golongan Yahudi-Zionist ini. Semenjak bangsa Israel diperhambakan oleh tamadun-tamadun silam dunia, terutamanya oleh Tamadun Mesir dan Empayar Babilonia Baru, bangsa Israel sedikit sebanyak menyimpan perasaan dendam terhadap kelompok manusia lain yang kini digelar oleh mereka sebagai "GENTILES" atau lebih buruk lagi iaitu "GOYIM". Tidak dapat dinafikan bahawa bangsa Israel telah ditindas oleh manusia lain yang mempunyai peradaban yang berasaskan kepada semangat KEBANGSAAN yang tinggi. Ini akibat dari keingkaran bangsa Israel itu sendiri dalam mengikuti amanat Allah yang sering disampaikan kepada mereka melalui pengutusan para nabi dan rasul selama ini. Dengan menggunakan alasan "TANAH YANG DIJANJIKAN" serta slogan "UMAT YANG TERPILIH", bangsa Israel yang kini lebih dikenali sebagai orang Yahudi, telah mencipta satu fahaman yang bersifat perkauman dan eksklusif, satu fahaman yang melampaui penciptaan istilah Zionisme itu sendiri. Fahaman inilah yang diterapkan di dalam pengajian agama mereka melalui kitab Talmud sehingga membawa kepada kemunculan amalan Kabbalah yang akhirnya melibatkan pembentukan organisasi-organisasi bawah tanah di dunia.

2) Adalah sesuatu yang perlu untuk golongan Yahudi-Zionist ini menghancurkan atau memesongkan segala fitrah manusiawi yang selama ini telah menjadi tunjang kepada kebangkitan tamadun-tamadun manusia selain mereka. Dan golongan Yahudi-Zionist ini yakin mereka sedang menanti Al-Masih atau penyelamat yang akan datang untuk membawa bangsa mereka mendominasi dunia di Akhir Zaman. Dan secara jelas, Al-Masih yang mereka tunggu itu tidak lain dan tidak bukan adalah Dajjal dalam pemahaman Islam kita. Antara fitrah manusiawi yang perlu dijahanamkan ialah fitrah rumah tangga, fitrah beridentiti mengikut asal-usul kaum, fitrah mempunyai hak terhadap tanah sendiri dan lain-lain. Apa yang berlaku di Palestin kini merupakan pencabulan hak dan fitrah asal secara langsung oleh Yahudi-Zionist. Konsep perpaduan Islam secara ringkasnya dapat dinilai sebagai "Penyatuan Dalam Kepelbagaian Umat" manakala konsep yang cuba diterapkan oleh golongan Yahudi-Zionist ini melalui agenda NEW WORLD ORDER adalah "Kebebasan Melalui Kesama-rataan Manusia". Dapatkah kita melihat kedua-dua perbezaan tersebut? Sila fikirkan.

3) Untuk merosakkan sesuatu fitrah dari Allah itu bukanlah hal yang mudah, oleh itu pelbagai muslihat yang licik perlu dijalankan oleh Yahudi-Zionist supaya manusia lain tidak akan menyedarinya dan terus lalai dengan slogan-slogan serta ideologi-ideologi ciptaan Yahudi-Zionist. Fitrah Nasionalisme (Kebangsaan) manusia perlu dijahanamkan oleh Yahudi-Zionist supaya manusia selain mereka akan lupa asal-usul, identiti, hak serta khazanah yang selama ini dapat mencabar kebangkitan Yahudi-Zionist untuk menguasai dunia. Pada akhirnya, fitrah-fitrah manusiawi yang baik itu hanya akan dimiliki oleh golongan Yahudi-Zionist manakala manusia selain mereka akan lupa dan menjadi hamba yang hina kepada Yahudi-Zionist. Fitrah merupakan salah satu cara untuk menjadikan fitrah (Nasionalisme) tersebut kelihatan terpesong, malah dipisahkan dari faktor agama sehingga Nasionalisme itu menjadi sekular dan kelihatan bertentangan dengan ajaran agama Islam.

4) Penulis ingin membawa kita semua untuk memperingati semula apa yang telah berlaku dalam Revolusi Perancis (1789-1799), iaitu satu kejadian besar yang menandakan usaha giat Yahudi-Zionist yang berselindung dibalik golongan "The Enlightenments" dan golongan Revolusi. Mereka telah berjaya menjahanamkan institusi monarki Perancis yang selama ini menjadi penerang kepada Nasionalisme asal bangsa Perancis. Malah mereka berjaya memutuskan pengaruh agama (Gereja Kristian) daripada sistem pentadbiran dan gaya hidup orang Barat (dimulai oleh Revolusi Perancis tersebut). Segala kepincangan sistem asal manusia yang telah menjadi fitrah, contohnya seperti sistem monarki ini akan dieksploitasi oleh Yahudi-Zionist agar ia ditentang oleh kelompok manusia lain yang selama ini bernaung di bawah sistem asal tersebut. Padahal kepincangan sesuatu sistem itu adalah

lumrah selagi ia diterajui oleh manusia yang mempunyai banyak kekurangan dan kelemahan. Sebut saja apa jua sistem yang sempurna pun termasuk sistem Khilafah, kepincangan tetap akan berlaku akibat faktor kelemahan manusia itu sendiri. Tetapi kekurangan serta kelemahan manusiawi ini tadi sudah cukup untuk dijadikan modal oleh golongan Yahudi-Zionist untuk menonjolkan sisi negatif sesuatu sistem atau fitrah asal tersebut. Inilah yang dinamakan Fitnah Akhir Zaman. Cuba kita semua kaji tokoh-tokoh revolusi dan "Enlightenments" di Perancis tersebut, akan ada terselit individu-individu yang mempunyai darah Yahudi.

5) Maka kita jenguk pula Revolusi Russia yang bermula pada tahun 1905. Vladimir Ilyich Lenin merupakan ketua kepada gerakan Bolshevik ini mempunyai asal-usul keturunan Yahudi yang bermigrasi ke Russia ketika "Diaspora" Yahudi ke Eropah. Atas dendam terhadap institusi monarki Russia yang selama ini pernah menjalankan "Pogrom" iaitu pengusiran dan diskriminasi terhadap kelompok Yahudi Russia, Lenin telah mencetuskan satu revolusi yang bertunjangan fahaman Komunisme (ciptaan Karl Marx, seorang Yahudi-Jerman) untuk menjatuhkan Tsar Nicholas II, dan seterusnya membangkitkan sebuah empayar yang bersifat sekular dan ateis yang terbesar di dunia iaitu Soviet Union. Harapan Lenin dan golongan Yahudi-Zionist di Russia tersebut adalah supaya fahaman Komunisme ini dapat dijadikan anutan warga Eropah agar tiada lagi perasaan Nasionalisme yang berasaskan hak dan identiti penduduk Eropah asal. Kononnya ia dapat menghentikan diskriminasi terhadap komuniti Yahudi Eropah. Namun Joseph Stalin yang menggantikan Lenin telah menukarkan ideologi Komunisme ini menjadi ideologi Nasionalisme orang Soviet (Rumpun Slavik) dan habis orang-orang kanan Lenin yang berdarah Yahudi termasuk Leon Trotsky (tokoh pemikir Marxisme Russia yang terkenal di zaman Lenin) dikejar dan dibunuh ketika era Stalin. Maka kini, ideologi Komunisme yang asalnya dicipta oleh Yahudi-Zionist untuk memenuhi kepentingan mereka telah bertukar menjadi "senjata yang memakan tuan". Oleh sebab itu, kini Yahudi-Zionist beralih pula kepada konsep Kapitalisme dan Demokrasi Bebas untuk memenuhi agenda global mereka.

6) Penubuhan negara Amerika Syarikat dan pengaruh Freemasonry yang berasal dari United Kingdom merupakan salah satu cara terbaru Yahudi-Zionist untuk memesongkan fahaman manusia agar menganut prinsip Kesama-rataan, Kuasa Rakyat, Demokrasi Bebas, Kebebasan Media dan Hak Asasi Manusia tafsiran mereka (Barat-Yahudi-Zionist). Amerika Syarikat sehingga kini giat mempromosi slogan-slogan Zionist ini serata dunia dengan pelbagai cara, termasuk melalui peperangan dan juga muslihat-muslihat halus yang berbentuk politik dan ekonomi. Mengikut fahaman mereka, manusia perlu dicampur-adukkan seperti rojak agar semuanya kelihatan sama, sedangkan manusia lain tersebut tidak sedar bahawa ada golongan elit yang sedang mengawal hidup mereka dibelakang tabir. Penubuhan negara Amerika Syarikat di atas tanah kaum "Red Indians" juga merupakan penafian hak dalam bentuk penjajahan yang nyata. Hak pribumi perlu dinafikan agar manusia-manusia seluruh dunia tidak lagi faham atau ingat apakah hak sebenar mereka dan apakah identiti asal kaum mereka tersebut. Inilah yang cuba diselamatkan oleh Islam, iaitu segala perihal yang melibatkan HAK. Islam menjaga hak manusia melalui ajaran-ajarannya yang lengkap meliputi segenap aspek kehidupan manusia. Oleh kerana itu Islam adalah sesuai sepanjang zaman, di mana sahaja dan untuk sesiapa sahaja. Islam mengiktiraf kepelbagaian umat manusia serta mempertahankan hak-hak berbentuk fitrah tersebut agar ia tidak tergadai dan dipesongkan oleh fitnah golongan yang sedang menanti Dajjal tersebut.

7) Kejatuhan Empayar Turki Uthmaniyyah yang merupakan Khilafah kita yang terakhir juga ada kaitan dengan pemesongan kefahaman manusia terhadap konsep Nasionalisme asal yang berasaskan kepada ajaran Islam. Golongan Barat yang ditunjangi Yahudi-Zionist telah menipu ideologi Nasionalisme jumud kepada masyarakat di Jazirah Arab agar bangkit menentang pemerintahan Khalifah Turki Uthmaniyyah. T.E Lawrence yang terkenal sebagai Lawrence of Arabia merupakan agen British yang terlibat dalam menyebarkan kebencian dan fitnah terhadap Empayar Turki Uthmaniyyah, sehingga golongan Arab Wahhabi telah bersama-sama beliau melancarkan pemberontakan atas semangat Nasionalisme Arab. Sedangkan konsep Nasionalisme yang mereka pegang itu telah pun dipesongkan agar menjadi jumud dan bersifat Assobiyyah sehingga sanggup golongan Arab Wahhabi tersebut menentang saudara seakidah mereka sendiri yang berasal dari bangsa Turki. Kejadian ini merupakan titik tolak kepada beberapa ulama-ulama dunia Islam untuk memandang fitrah Nasionalisme tersebut sebagai sesuatu yang bertentangan dengan Islam, sedangkan yang sebenarnya konsep Nasionalisme asal itu telah pun terfitnah oleh pemikiran-pemikiran yang berasal dari proksi-proksi Yahudi-Zionist di

Barat. Kejatuhan Empayar Turki Uthmaniyyah akan penulis ulas dengan lebih terperinci lagi dalam artikel yang akan datang, insyaallah.

8) Atas kesedaran sesuatu yang tidak kena telah berlaku terhadap fitrah asal manusia yang selama ini menunjangi peradaban orang Eropah, Adolf Hitler bangkit dengan partinya untuk mengembalikan hak dan maruah Rumpun Aryan (rumpun Kulit Putih) di Eropah dari dicemari oleh dakyah-dakyah Yahudi-Zionist yang kian mengancam masyarakat Eropah setelah Perang Dunia Pertama. Slogan "Bangsa Tuan" mula dilaungkan oleh NAZI untuk memberi persaingan kepada slogan "Umat Yang Terpilih" Yahudi-Zionist. Oleh kerana Hitler masih belum mengenali Islam, maka konsep Nasionalisme beliau kelihatan agak ekstrem. Namun konsep Nasionalisme yang diterapkan oleh NAZI tidak menafikan pengaruh agama dan metafizikal, bertentangan dengan konsep Nasionalisme ala Komunisme. Hitler tidak berniat untuk memperhambakan manusia lain di dunia seperti Yahudi-Zionist, beliau hanya mahu Ketuanan Eropah kembali ke tangan pribumi bangsa Eropah yang berkulit putih dengan menyelamatkan sistem-sistem tradisi bangsa Eropah yang telah banyak dirosakkan oleh ideologi-ideologi ciptaan Yahudi-Zionist di Barat. Akibat provokasi dan konspirasi oleh Yahudi-Zionist, maka Hitler dan negaranya telah terjerumus ke kancah Perang Dunia Kedua yang berakhir dengan kekalahan NAZI. Sejarah NAZI dan Hitler kini ditulis oleh golongan yang telah menang perang dunia tersebut, iaitu golongan Bersekutu (Allied) yang ditunjangi oleh Amerika Syarikat dan Yahudi-Zionist. Kita semua dibuat mempercayai bahawa fahaman NAZI ini sangat perkauman, zalim dan anti-semitik.

9) Akibat beberapa kejadian-kejadian fitnah yang telah dilakukan oleh golongan Yahudi-Zionist sepanjang sejarah dunia ini, kini pegangan Nasionalisme yang berasaskan bangsa pribumi di sesuatu tempat tersebut telah disalah anggap menjadi pencetus semangat perkauman. Penjajahan yang telah dijalankan oleh pihak Barat pada zaman kolonialisasi dahulu mempunyai agenda halus untuk mencampur-adukkan manusia dari pelbagai tempat agar pribumi asal sesuatu tempat tersebut akhirnya perlu tunduk kepada konsep demokrasi bebas yang banyak memberi kelebihan kepada bangsa pendatang. Akhirnya hak dan semangat Nasionalisme (Kebangsaan) yang menjadi teras kepada pembentukan tamadun-tamadun manusia selama ini seolah-olah terpaksa ditinggalkan, dan hak-hak pribumi sesuatu tempat tersebut akan semakin tergadai dan seterusnya ketuanan pribumi yang telah menjadi fitrah sesuatu tempat itu akan melemah. Kelemahan ketuanan pribumi ini akan menyebabkan pribumi tersebut terpaksa bergantung kepada bantuan luar yang bersumberkan Barat-Yahudi juga. Dengan ini, secara tidak langsung, manusia pribumi ini serta mereka yang menganut fahaman demokrasi bebas dan kesamarataan telah pun menjadi hamba kepada pihak Barat yang ditunjangi Yahudi-Zionist tersebut. Inilah yang dinamakan NEW WORLD ORDER. Melayu-Islam serta kaum-kaum lain di Malaysia telah menjadi mangsa "permainan" agenda Yahudi-Zionist tersebut yang menggunakan proksi-proksinya di seluruh dunia terutamanya dari Barat.

10) Secara ringkasnya, Nasionalisme (satu istilah yang agak baru untuk suatu sifat fitrah manusia) ini dapat dijamin melalui pelbagai cara. Kita semua tahu bahawa setiap fitrah manusia itu dilindungi dan dikawal oleh ajaran agama (Islam). Fitrah yang tidak terkawal oleh agama akan menjadi terpesong dan rosak, seterusnya fitrah tersebut dapat bertukar menjadi fitnah yang akan ditolak oleh umat manusia itu sendiri. Itulah agenda Yahudi-Zionist, agar fitrah-fitrah seperti Nasionalisme ini tadi terfitnah dan ditolak oleh manusia lain termasuk oleh umat Islam sendiri yang jahil agama dan tidak mengkaji perjalanan sejarah secara analitikal. Sistem monarki, hak pribumi, cara bersosial, budaya serta identiti sesuatu kaum itu merupakan antara elemen-elemen asas kepada fitrah Nasionalisme tersebut yang perlu dirosakkan oleh dakyah-dakyah NEW WORLD ORDER agar menjadi kucar-kacir, mengelirukan, lemah dan seterusnya kelihatan terlalu pincang untuk dipertahankan oleh kita semua. Melayu-Islam telah dibutakan mata agar hanya percaya ideologi serta sumber sejarah yang ditulis oleh pihak Barat yang pro Yahudi-Zionist setelah tamatnya Perang Dunia Kedua. Kita dibuat agar bertelingkah sesama sendiri hanya kerana perbezaan fahaman politik manakala tafsiran agama dibuat sesuka hati demi memenuhi nafsu politik. Akibatnya, masyarakat kita menjadi rosak dan mula menolak unsur-unsur Nasionalisme (Kebangsaan) dan agama (Islam) itu sendiri sehingga melahirkan golongan Liberal-Sekular.

"(Setelah jelas kesesatan syirik itu) maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh dari kesesatan; (turutlah terus) agama Allah, iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan tersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya; tidaklah

patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah tersebut; itulah agama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."

(Surah Ar-Rum, ayat 30)

[http://www.facebook.com/note.php?note\\_id=106855338428](http://www.facebook.com/note.php?note_id=106855338428)

By Faiz Al-Kelantani Author Profile Page on February 24, 2011 8:56 PM

**NASIONALISME: Suatu Fitrah dari Allah Yang Nyata!**

Secara ringkasnya NASIONALISME adalah semangat KEBANGSAAN, iaitu satu perasaan sayang terhadap apa jua yang menjadi warisan dari sesuatu bangsa itu seperti tanah air, budaya, identiti, bahasa dan lain-lain. Ia adalah fitrah manusia sejagat. Dalam Al-Quran pun istilah BANGSA atau KAUM disebut berulang kali kerana ia merupakan fitrah kejadian dari Allah untuk manusia saling mengenali dan akhirnya melengkapinya satu sama lain. Penulis telah pun mengulas sedikit berkenaan NASIONALISME (Melayu) dan istilah Melayu dalam artikel sebelum ini.

Hujah Bahawa NASIONALISME itu Suatu Fitrah dari Allah:

1) Sehingga ke hari ini, orang Cina Muslim dan India Muslim masih mengekalkan identiti BANGSA masing-masing. Orang Cina Muslim sebagai contoh masih mengekalkan nama keluarga bangsa Cina di belakang nama Islam mereka. Dan orang India Muslim masih mengekalkan nama India pada persatuan mereka seluruh dunia. Kedua-dua bangsa Muslim ini masih mengekalkan budaya, bahasa dan pakaian tradisional mereka sebagai lambang identiti BANGSA yang dilindungi oleh Islam itu sendiri. Ini adalah contoh NASIONALISME kaum lain yang beragama Islam di Malaysia. Mereka ini secara perundangannya termaktub dalam definisi MELAYU mengikut tafsiran Perlembagaan Persekutuan Perkara 160(2) dan dilindungi di bawah Hak Istimewa Melayu.

2) Nama para ulama kita dahulu pun ada terdapat nama tempat asal atau nama kaum masing-masing. Contohnya seperti Al-Banjari (dari Banjarmasin atau dari suku Banjar), Al-Fathani (dari Negara Patani Darussalam atau dari suku Melayu Patani) dan Al-Khurasani (dari daerah Khorasan atau orang Khorasan-Parsi). Sahabat nabi pun ada yang bernama Salman Al-Farisi (dari Parsi). Adakah mereka ini semua dianggap PERKAUMAN kerana meletakkan nama BANGSA/KAUM pada nama mereka? Adakah kita patut merasa tersinggung dengan nama BANGSA/KAUM itu? Adakah mereka yang meletakkan nama BANGSA/KAUM pada nama mereka itu bersifat PERKAUMAN dan TIDAK ADIL kepada pihak lain dalam interaksi sesama umat? Sekuat-kuat mereka yang kononnya kuat KEMELAYUAN nya pun tidaklah sampai ada nama BANGSA atau nama KELUARGA pada nama mereka. Jadi apa yang PERKAUMAN atau tidak adilnya KEMELAYUAN yang cukup fleksibel ini?

3) Dalam Sirah An-Nabawiyah (Kitab Sejarah Rasulullah), kita akan diceritakan mengenai asal-usul masyarakat (kaum) Arab Jahiliyyah dan perihal bangsa-bangsa lain yang bersangkutan dengan perkembangan Islam ketika itu. Jika benar Islam menolak kejadian bangsa dan alergik terhadap istilah bangsa, maka mengapa kita perlu belajar mengetahui sejarah dan mentaliti sesuatu bangsa itu? Mengapa kita perlu tahu bahawa masyarakat Arab Jahiliyyah yang dikatakan antara manusia yang paling rosak sosialnya di muka bumi ketika itu masih ada mengamalkan beberapa nilai-nilai baik (nilai-nilai Islam jua) seperti menepati janji dan menghormati tetamu? Mestilah kerana Arab Jahiliyyah ini diciptakan oleh Allah dan sebarang ciptaan dari Allah itu adalah termasuk dalam hal ehwal Islam, termasuklah kejadian bangsa ini tadi. Bagaimana pula dengan nilai-nilai baik dari RUMPUN MELAYU? Perlukah kita tahu sebagaimana kita perlu tahu beberapa nilai-nilai baik dari Arab Jahiliyyah dalam Sirah An-Nabawiyah tersebut? Terdapat juga beberapa surah dari Al-Quran itu sendiri yang tajuk namanya dari BANGSA/KAUM tertentu, contohnya Surah Ar-Rum (Bangsa Rom atau dari Rom). Adakah Al-Quran itu kitab yang perkauman kerana banyak menyebut soal BANGSA/KAUM dan sering mengecam bangsa Yahudi-Israel secara spesifik? Apakah hikmahnya Allah menyebut beberapa jenis BANGSA/KAUM dalam Al-Quran itu? Fikirlah sendiri.

4) Lupakah kita bahawa orang Islam zaman dahulu, terutamanya dari Timur Tengah, mempunyai nama

dengan Bin yang panjang-panjang sehingga kepada nenek moyang mereka. Mengapakah demikian? Adakah Islam melarangnya? Kenapa perlu kita ingat asal-usul keluarga dan keturunan kita? Ini kerana ajaran Islam itu sendiri yang mahu umatnya menjaga kemuliaan NASAB, iaitu jalur keturunan, supaya kita berkelakuan baik, sesuai dengan nama baik keturunan kita itu. Kerana menjaga NASAB lah maka Islam mahu umatnya menjalinkan hubungan melalui cara Islam, contohnya seperti perkahwinan, agar kemuliaan NASAB akan terpelihara, seterusnya pembinaan komuniti dan bangsa akan terlindung dari fitnah. Menjaga NASAB keluarga adalah peringkat awal dari menjaga BANGSA dan seterusnya UMAT ISLAM secara keseluruhannya. Jika keluarga dan bangsa tidak terjaga, maka bagaimana pula kita mampu menjaga umat Islam yang universal dan kompleks ini? Seterusnya, apakah yang paling penting atau yang patut dimulakan untuk menjaga BANGSA? Sudah tentulah PERPADUAN sesama kita, bukan perpaduan dengan golongan kuffar (mungkin Harbi) atau rakan politik terlebih dahulu. Iya, Allah tidak tanya kita BANGSA/KAUM apa dalam kubur kelak, sama seperti Allah tidak akan tanya kita sudah bayar zakat atau tidak, tetapi ajaran Islam dari Allah itu mahu kita sebagai umatnya yang masih hidup di dunia ini untuk menjalankan ajarannya, termasuklah dalam hal menjaga NASAB (BANGSA) ini tadi, kerana Islam bukan hanya untuk soal kematian sahaja!

5) Pembentukan khilafah-khilafah kita terdahulu bukan hanya meletakkan nama BANGSA, malah nama KELUARGA monarki khilafah tersebut, contohnya KHILAFAH TURKI UTHMANIYYAH (dari bangsa Turki atau negara Turki dan dari keluarga Osman). Adakah khilafah itu bersifat perkauman dan tidak membantu muslim bangsa lain yang bernaung di bawahnya? Adakah khilafah dari bangsa Turki ini hanya mementingkan bangsanya sahaja kerana terdapat nama bangsa mereka pada sistem khilafah itu? Adakah muslim bangsa lain di seluruh dunia alergik dengan nama bangsa pada Khilafah Turki Uthmaniyyah ketika itu? Adakah salah Khilafah Turki Uthmaniyyah menyebarkan kebudayaan atau kesenian bangsa Turki yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam kepada umat Islam lain di seluruh dunia? Adakah kita alergik melihat orang Turki memakai tarbus? Jadi apakah salah orang Melayu (yang sebahagian dari umat Islam dunia) memakai songkok? Kenapa perlu alergik kepada unsur-unsur KEBANGSAAN (NASIONALISME) itu? Jelas ia hanyalah kerana dendam POLITIK yang melampau!

6) Lupakah kita bahawa penciptaan pelbagai bangsa dari Allah ini agar manusia itu saling kenal mengenali? Apakah maksud saling kenal mengenali itu? Adakah sekadar kenal orang itu bangsa apa lalu biarkan saja? Bukankah setiap bangsa itu ada kekurangan atau kelebihan? Allah minta umat manusia agar saling kenal mengenali supaya kita boleh saling melengkapi antara satu sama lain. Hormati hak antara satu lain. Hanya Allah sahaja yang boleh menghilangkan HAK ke atas sesuatu bangsa tersebut, bukan manusia lain tanpa izin Allah. Contohnya apabila HAK bangsa Israel ke atas "TANAH YANG DIJANJIKAN" itu telah dihilangkan oleh Allah kerana perbuatan syirik bangsa Israel setelah ingkar ajaran Taurat yang diturunkan ke atas Nabi Musa A.S. Tetapi pihak Barat yang ditunjangi Yahudi laknatullah ini cuba mengubah realiti HAK kita dari Allah tersebut dengan melancarkan PENJAJAHAN (KOLONIALISASI), sehingga kita terpaksa menerima golongan pendatang bukan Islam (bukan saudara seakidah) yang secara asalnya tiada HAK di tanah kita sendiri. Maka terpaksa kita mempertahankan HAK kita dari dicabuli oleh sisa-sisa penjajahan British ini. Bangsa-bangsa yang diberikan HAK ke atas tanah masing-masing mempunyai amanah untuk menjaga HAK mereka, dan HAK itu tidak hanya termasuk soal TANAH AIR. Hak merangkumi semua yang berkaitan dengan golongan manusia itu (bangsa itu) seperti HAK untuk mempunyai identiti bangsa yang tersendiri (pakaian, makanan, dan lain-lain) serta HAK untuk mempunyai kerajaan dan sistem pemerintahan yang tersendiri, selagi menepati kehendak ajaran Islam itu sendiri. Kerana itulah Islam itu fleksibel sepanjang zaman dan pada semua umat manusia. Kerana Islam mengiktiraf HAK dan kepelbagaian umatnya.

7) Pernah tak kita terfikir kenapa munculnya banyak mazhab dalam Islam? Kenapa adanya proses ijtihad dalam Islam? Kenapa ulama boleh keluaran fatwa? Ini mempunyai kaitan dengan soal KEBANGSAAN (NASIONALISME) itu sendiri, berdasarkan tempat dan jenis manusia yang menerima ajaran Islam itu, di samping permasalahan yang mungkin unik kepada kelompok bangsa itu sahaja, maka wujudnya ijtihad untuk menyesuaikan (bukan mengubah) tafsiran (bukan terjemahan) ajaran Islam itu agar dapat dilaksanakan pada pelbagai situasi dan kelompok manusia (bangsa) tersebut. Negara Malaysia tidak mengamalkan fahaman Wahhabisme yang kononnya rigid dalam penafsiran mereka terhadap ajaran Islam. Negara kita menerima mazhab Shafie kerana kesesuaiannya dengan cara hidup dan faktor mentaliti MELAYU itu sendiri. Jadi adakah kerana kita semuanya ini Muslim, maka kita perlu tolak faktor

KEBANGSAAN (NASIONALISME) dan hanya ikut sejenis tafsiran ajaran Islam sahaja? Adakah kita hanya gelarkan diri kita sebagai UMAT ISLAM sahaja jika berada di pentas dunia? Bagaimanakah manusia lain mahu mengenali asal-usul kita jika kita hanya mengaku UMAT ISLAM sahaja? Bukankah istilah "umat Islam" itu bersifat universal dan tidak spesifik?

8) Terbentuknya negara-negara Islam dalam sejarah tamadun Islam itu sendiri telah melambangkan wujudnya faktor KEBANGSAAN (NASIONALISME) dalam ajaran Islam itu sendiri. Piagam atau Bai'ah seperti jua KONTRAK SOSIAL di Malaysia ini adalah manifestasi terbentuknya sebuah negara yang berdasarkan faktor KEBANGSAAN, secara ringkasnya kerana KEBANGSAAN itu adalah fitrah (semulajadi), bagaimana mungkin untuk pisahkan fitrah manusiawi ini dari ajaran Islam kerana Islam itu sendiri menepati fitrah manusia. Seperti mana Islam tidak mengharamkan hubungan seks jika dilakukan melalui jalan perkahwinan, begitulah juga Islam tidak menghalang NASIONALISME jika dilakukan menepati ajaran Islam. Dan ajaran Islam itu mengajar umatnya agar mempertahankan HAKnya. Oleh kerana itu bangsa Palestine sehingga ke hari ini bermati-matian mempertahankan HAK tanahnya dari dirampas oleh bangsa Yahudi-Zionist. Perjuangan bangsa Palestine itu selari dengan perjuangan Islam itu sendiri. Dan kita tidak janggal pula bila mengelarkan sesuatu perjuangan itu dengan nama manusia (bangsa) yang memperjuangkannya seperti perjuangan bangsa Palestine atau perjuangan orang Chechen atau perjuangan Melayu Patani, jadi mengapa kita perlu alergik dengan istilah PERJUANGAN BANGSA MELAYU? Bukankah apa yang diperjuangkan itu adalah selari dengan ajaran Islam jua? Memanglah secara umumnya ia adalah perjuangan Islam, tetapi orang akan bertanya perjuangan umat Islam yang mana? Perjuangan umat Islam dari mana? Maka dari soalan-soalan itulah maka relevan di sini untuk kita sebut juga nama BANGSA/KAUM yang memperjuangkan HAKnya tersebut selari ajaran Islam itu.

9) Dan apakah dengan kita bersemangat mempertahankan HAK kita sebagai Melayu yang diamanahkan Allah lahir di bumi Nusantara ini maka kita akan bersifat perkauman dan tidak adil langsung kepada pihak lain? Adakah sejarah kita begitu zalim dan menindas kaum lain di bumi kita sendiri? Berapakah jumlah kaum lain yang telah kita usir atau bunuh kerana mempertahankan perjuangan Melayu ini? Lupakah kita siapa yang mencipta istilah PERKAUMAN (RACISM) itu? Dalam Islam wujud istilah Assobiyyah yang telah pun penulis ulas dalam artikel sebelum ini. Dan sifat Assobiyyah itu tidak semestinya dikaitkan dengan kejadian BANGSA/KAUM semata-mata, kerana kita semua boleh terjerumus dalam sifat Assobiyyah ini jika terlalu taksuf terhadap perkumpulan kita, tidak kiralah parti politik atau kelompok kita yang kononnya elit itu, ia tidak semestinya melibatkan faktor BANGSA/KAUM. Sila fahami dengan teliti apakah itu sifat ASSOBIYYAH dan apa bezanya dengan istilah PERKAUMAN ciptaan Barat-Yahudi ini. Kita akan lihat adanya konspirasi untuk mengelirukan umat manusia di dunia ini demi kedatangan NEW WORLD ORDER yang mahu menyama-ratakan semua manusia ini menjadi GOYIM (rendah dari taraf binatang) untuk diperhambakan kepada golongan Yahudi elit yang akan bertakhta kelak di Bukit Zion bersama Al-Masih Dajjal.

10) Bagi kita yang tinggal di Malaysia ini, perlulah kita fahami definisi istilah MELAYU itu mengikut Perlembagaan Persekutuan Perkara 160(2) yang telah menjadikan maksud MELAYU itu seluas mungkin sehingga melampaui faktor genetik (genotype) dan bentuk fizikal (phenotype) yang selama ini menjadi kayu pengukur PERKAUMAN oleh pihak Barat-Yahudi itu sendiri. Kaum-kaum lain yang beragama Islam mungkin tidak sedar bahawa mereka telah secara tidak langsung termasuk dalam definisi Melayu di Malaysia ini dan HAK mereka sebagai warganegara Malaysia akan dilindungi berdasarkan HAK ISTIMEWA MELAYU, iaitu satu bentuk undang-undang yang memberi perisai kepada perihal AGAMA ISLAM di Malaysia dari tercabar oleh mana-mana pihak. Namun HAK ISTIMEWA MELAYU itu akan tiada makna jika Melayu itu sendiri alergik kepada istilah Melayu tersebut dan tidak bersama-sama mempertahankannya. Mana mungkin hanya satu pihak sahaja yang mempertahankannya.

11) Seperti juga dengan istilah Islam, akan tiada makna jika umatnya meninggalkan ajaran-ajarannya yang sebenar. Kedaulatan Islam di sesuatu tempat itu akan jahanam jika umatnya tidak mempertahankannya. Secara hakikatnya di Malaysia, KETUANAN MELAYU itu adalah seiringan dengan KEDAULATAN ISLAM kerana Melayu merupakan golongan Muslim majoriti di Malaysia yang secara tidak langsung merupakan cerminan kepada imej Islam di Malaysia itu sendiri. Kaum-kaum lain yang beragama Islam di Malaysia pun dinaungi oleh Melayu ini tadi tidak kira dalam apa jua bentuk, langsung

atau tidak langsung. Institusi (bukan individu) istana memainkan peranan penting untuk menjadi tonggak KEMELAYUAN itu sendiri agar ia tidak dapat dipisahkan dari elemen-elemen Islamik. Ulama-ulama kita dahulu tidak menentang kewujudan institusi istana ini kerana ajaran Islam mengakui kewujudan fitrah manusia untuk mempunyai RAJA. Kerana itu di dalam Al-Quran, nabi-nabi terdahulu pun ada yang sabar BERDAKWAH kepada para pemerintahnya (Raja), bukan untuk menumbangkannya. Wujudnya institusi Raja maka wujudnya juga institusi mufti di Malaysia, ia saling berkait. Ini adalah realiti NASIONALISME MELAYU di Malaysia yang menjadi asas kepada pembentukan NASIONALISME warga Malaysia secara umumnya. Kerana kita sekarang berada di Nusantara, tempat asal RUMPUN MELAYU itu sendiri, bukan di Jazirah Arab dan semestinya bukan di Tanah Besar China. Jika diizinkan Tuhan, penulis akan menghasilkan artikel tentang kenapa NASIONALISME itu telah terfitnah, insyaallah...

"Dan di antara tanda-tanda kekuasaanNya ialah kejadian langit dan bumi, dan kepelbagaian bahasa dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung keterangan-keterangan kepada mereka yang berpengetahuan."

(Surah Ar-Rum, ayat 22)

[http://www.facebook.com/note.php?note\\_id=97724808428](http://www.facebook.com/note.php?note_id=97724808428)

By Faiz Al-Kelantani Author Profile Page on February 24, 2011 8:52 PM

Melayu-Islam Insafilah Kejatuhan Khilafah Turki Uthmaniyyah

Tatkala Malaysia sedang menghadapi pergolakan politik yang dimulai sejak krisis kepemimpinan negara di era Tun Abdullah, penulis berasa adalah perlu bagi kita semua menjenguk kembali sejarah tamadun Islam itu sendiri untuk mengambil iktibar dan pengajaran. Adalah lumrah setiap kepemimpinan manusia itu akan mempunyai kelemahan serta kekurangan tanpa mengambil kira apa jua sistem yang digunakan termasuklah sistem pentadbiran yang mengikut syarak. Ini kerana faktor manusia itu adalah penentu yang penting kepada kejayaan atau kepincangan dalam sesuatu sistem tersebut. Berdasarkan realiti inilah, maka golongan Yahudi-Zionist sentiasa ingin mengambil kesempatan ke atas segala ruang kelemahan yang ditimbulkan oleh manusia lain, lantas ia akan dieksploitasi, difitnah dan terjerat dengan konspirasi peringkat global yang dapat mengubah perjalanan sejarah tamadun manusia tersebut.

1) Kita sering mendengar pelbagai tohmahan serta cercaan bersabit kejatuhan Empayar Turki Uthmaniyyah (Ottoman) yang merupakan Khilafah kita yang terakhir. Kita jarang menelusuri sejarah gemilangnya yang lebih banyak membawa manfaat kepada dunia Islam sejak ia ditubuhkan oleh seorang penguasa Turki yang handal bernama Osman I pada tahun 1299. Kehebatan Osman I dalam membentuk Kerajaan Turki Uthmaniyyah telah diabadikan dalam peribahasa Turki yang berbunyi "semoga dia menjadi sebagus Osman". Kekuasaan Turki Uthmaniyyah semakin tidak tercabar apabila ia memenangi pertempuran di Nicopolis, Bulgaria pada tahun 1396 menewaskan gabungan tentera Salib yang terdiri dari negara Hungary, Perancis, Kesatria Hospitaller dan Republik Venice. Kekentalan semangat jihad Turki Uthmaniyyah diteruskan lagi dengan sejarah hebat empayar itu menawan kota Konstantinopel (kini dikenali sebagai Istanbul) yang merupakan pusat Empayar Byzantium (Kristian Ortodoks). Sultan Mehmed II yang juga dikenali sebagai Al-Fatih telah mendapat gelaran "The Conqueror" pada Zaman Pertengahan di Barat kerana strategi perangnya yang mantap disamping sifat kemanusiaannya yang terserlah apabila mendeklarasikan "firman" atau sumpah yang melindungi hak dan kebajikan tawanan perangnya yang bukan beragama Islam. Dokumen "firman" baginda ini akhirnya telah diterbitkan semula oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1971 dan diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa rasmi pertubuhan tersebut.

2) Penulis akan mengulas secara ringkas sumbangan serta jasa Empayar Turki Uthmaniyyah ini terhadap perkembangan dunia terutamanya kepada dunia Islam dan rantau Nusantara secara khususnya. Tentera Khilafah Turki Uthmaniyyah merupakan antara tentera pertama dalam dunia yang menggunakan senapang pemuras (musket) dalam pertempuran. Mereka juga antara peneraju penggunaan meriam gergasi yang telah meranapkan tembok kebal Kota Konstantinopel yang mempunyai banyak lapisan. Dan pelbagai lagi ciptaan teknologi terkini telah digunakan oleh Turki Uthmaniyyah yang menjadi pemangkin kepada kejayaan umat Islam ketika itu. Kejatuhan Kota

Konstantinopel di tangan Turki Uthmaniyyah menandakan tamatnya "Zaman Gelap" yang menghantui Eropah sejak pecahnya Empayar Romawi. Kekuasaan Empayar Turki Uthmaniyyah menyebar luas hingga ke Eropah Timur iaitu sekitar rantau Balkan ketika era pemerintahan Khalifah Suleiman I Al-Qanuni (The Magnificent). Bersama-sama etnik Muslim Bosnia (Bosniak), pejuang Turki Uthmaniyyah telah mempertahankan "Daulah Islamiyyah" nya di rantau itu dari serangan Empayar Russia yang menaungi negara-negara Balkan yang lain di dalam Perang Balkan Pertama (1912-1913). Empayar Jerman mempunyai sejarah berkerjasama dengan Empayar Turki Uthmaniyyah dalam menentang musuh bersama ketika Perang Dunia Pertama (1914-1918) melalui pembentukan Pakatan Bertiga. Hubungan baik antara pihak Jerman dengan dunia Islam berterusan sehingga ke era Hitler ketika Perang Dunia Kedua.

3) Kota Baitulmaqdis (Jerusalem) yang dilindungi oleh pentadbiran Turki Uthmaniyyah telah menimbulkan perasaan iri hati beberapa golongan Yahudi terutamanya yang berada di Eropah. Ketika itu istilah Zionisme belum lagi muncul tetapi fahaman untuk ke arah itu telah pun lama wujud. Lantas mereka melakukan pelbagai konspirasi untuk melaga-lagakan dunia Islam (Timur Tengah) dan dunia Barat (Kristian). Konspirasi global ini sudah bermula sejak zaman Perang Salib sehinggalah kepada dua perang dunia tersebut. Tujuannya adalah satu, untuk menjahamkan pentadbiran Khilafah yang merupakan perisai dunia Islam serta paksi dakwah sejak meninggalnya Rasulullah S.A.W. Hancurnya sistem Khilafah bermakna tiada lagi "Kuasa Besar" yang dapat melindungi kebajikan umat Islam sedunia. Timur Tengah yang menjadi

jalan perdagangan antara Asia dan Eropah telah dibebaskan dari Ketuanan Islam Turki Uthmaniyyah. Kolonialisasi pihak Barat yang ditunjangi Yahudi-Zionist dan Freemasonry akhirnya dapat bergerak bebas tanpa tentangan di negara-negara Islam seluruh dunia termasuk di Nusantara. Sultan Abdul Hamid II yang merupakan Khalifah Turki Uthmaniyyah terakhir yang mempunyai kuasa penuh, telah dengan tegas dan berani menolak cubaan merasuah oleh pengasas Zionisme Antarabangsa bernama Theodor Herzl yang kononnya ingin meringankan beban hutang empayar tersebut dengan menjadikan tanah Palestin (Jerusalem) sebagai cagarannya. Di saat-saat Empayar Turki Uthmaniyyah mengalami zaman kemunduran, Sultan Abdul Hamid II masih gagah mempertahankan wilayahnya dari dicabuli kekuasaan asing.

4) Kita perlu juga mengetahui jasa Khilafah Turki Uthmaniyyah terhadap kerajaan-kerajaan Islam di Nusantara. Penulis hanya dapat mengesan dua kerajaan di Nusantara ini yang pernah dibantu secara langsung oleh Empayar Turki Uthmaniyyah tersebut. Yang pertama adalah Kesultanan Aceh Darussalam. Setiap kerajaan Islam di Nusantara yang pernah bernaung di bawah Khilafah Turki Uthmaniyyah akan digelar "Darussalam" yang bermaksud "negara selamat/Islam". Ketika peperangan dengan Belanda, Kerajaan Aceh dibekalkan dengan meriam dan juga peralatan-peralatan perang yang lain dari Turki Uthmaniyyah. Belanda adalah antara negara Eropah yang begitu zalim dalam menjajah Nusantara. Kebencian Belanda terhadap Islam amat jelas, ramai Rumpun Melayu kita yang diseksa dan dibunuh dengan kejam oleh tentera Belanda tersebut. Terdapat juga para mujahidin Turki yang datang berjihad di Aceh. Pertolongan yang hampir sama juga diberikan kepada Kesultanan Melayu Patani Darussalam oleh Turki Uthmaniyyah ketika menentang Kerajaan Siam Ayutthaya yang didukung Belanda. Sultan Abdul Kadir, iaitu sultan terakhir Patani telah berjihad bersama-sama sekelompok kecil mujahidin Turki dalam mempertahankan ketuanan serta hak Melayu-Islam di Patani sehingga ke titisan darah terakhir. Salah seorang moyang sebelah ibu penulis merupakan antara keturunan pejuang-pejuang fisabilillah Turki yang telah menetap di Pantai Timur Semenanjung. Bangsa Turki rela datang berkorban nyawa walau terpaksa meredah samudera demi ukhwaah Islamiyyah dengan orang Melayu kita. Ingatilah jasa para pejuang ini yang telah syahid di tanah Rumpun Melayu!

5) Sepertimana kerajaan-kerajaan yang pentadbirannya dikawal oleh manusia, Turki Uthmaniyyah tidak terlepas dari pelbagai kepincangan dalam sejarah pemerintahannya. Tetapi selagi seseorang pemerintah itu mempunyai badan penasihat yang ikhlas dan mantap, segala kekurangan tersebut dapat diminimakan, lantas institusi pentadbiran tersebut dapat dipertahankan. Mana-mana institusi yang berasaskan kepada satu sistem pentadbiran yang telah terbukti efektif hanya perlu diperbaiki, bukan dimansuhkan jika terdapat beberapa kepincangan yang berasal dari faktor manusia. Namun oleh kerana Empayar Turki Uthmaniyyah ini merupakan suatu pemerintahan Khilafah yang berkait dengan

perkembangan Islam, maka kekurangan serta kelemahannya menjadi tumpuan anasir-anasir subversif yang didukung oleh agenda Yahudi-Zionist. Bagi mereka, sistem Khilafah perlu dijatuhkan untuk memberi laluan kepada agenda NEW WORLD ORDER yang akan menjadikan Yahudi-Zionist sebagai bangsa tuan di dunia ini bersama-sama kepimpinan Al-Masih Ad-Dajjal di Akhir Zaman. Dari luar mahupun di dalam, Khilafah Turki Uthmaniyyah telah diasak oleh pelbagai ancaman yang akhirnya membawa kepada kejatuhan satu institusi yang telah banyak memberi sumbangan dan jasa kepada dunia Islam selama ini. Kejatuhan Khilafah kita yang terakhir ini menandakan bermulanya zaman kebangkitan Al-Masih Ad-Dajjal, salah satu ramalan yang paling menakutkan dalam ajaran Islam.

6) Ancaman dari dalam sistem Khilafah ini bermula apabila tertubuhnya gerakan yang bernama "Young Ottomans". Mereka adalah golongan pemikir Turki yang terpengaruh dengan idea Revolusi Perancis. Mereka ingin mengubah sistem pentadbiran Khilafah ini agar menjadi lebih bebas, iaitu dengan mengurangkan penguasaan Khalifah dan golongan bangsawan yang mereka anggap sebagai golongan elit. Sedangkan kita sedia maklum bahawa dalam mana-mana sistem pentadbiran di dunia ini, golongan elit tetap akan wujud, kerana selagi ada pihak yang memegang tampuk kuasa, selagi itulah wujudnya golongan yang digelar elit ini tadi, jadi ia adalah lumrah dalam strata sosial manusia. Pembaikan sistem Khilafah ini sebenarnya telah dijalankan ketika era pemerintahan Sultan Mahmud II pada tahun 1839, dan ia dinamakan sebagai "Tanzimat". Namun usaha ini telah gagal akibat tindakan sabotaj golongan yang ingin melihat Khalifah terbabit dijatuhkan. Setelah itu muncul pula gerakan "Young Turks" yang telah mencetuskan sentimen Nasionalisme songsang yang bersifat sekular. Dari peristiwa inilah maka bangkitkannya seorang panglima perang Turki yang mempunyai darah Yahudi bernama Mustafa Kemal Atatürk. Beliau telah meneruskan revolusi yang dicetuskan oleh golongan "Young Turks" ini tadi dengan memansuhkan terus sistem Khilafah ini dan menubuhkan negara Republik Turki yang bersifat sekular. Maka dengan ini, rosaklah struktur sosial, politik, ekonomi dan lain-lain aspek kehidupan Islamik warga Turki sejak zaman Empayar Turki Uthmaniyyah. Pelbagai alasan diberikan untuk membenarkan perubahan yang telah dilakukan. Pelbagai fitnah terhadap sistem Khilafah tersebut telah tersebar ke serata dunia.

7) Ancaman dari luar yang telah menyumbang kepada kejatuhan Empayar Turki Uthmaniyyah ini lebih tertumpu kepada pemberontakan Arab Wahhabi di Jazirah Arab. Mereka membangkitkan semangat Nasionalisme Arab yang bersifat jumud dan assobiyyah akibat dipengaruhi oleh doktrin-doktrin sesat yang dibawa oleh fahaman Wahhabisme. Kebangkitan ini digelar "The Arab Revolt" dan ia bertunjangkan retorik agama yang menganggap pemerintahan Turki Uthmaniyyah tersebut telah sesat dan perlu diperangi. Padahal ia berpucuk pangkal dari perasaan iri hati keturunan Arab terhadap pemerintahan dari bangsa Turki yang jauh lebih maju dan bersatu dari bangsa mereka sendiri. Perasaan ini kemudiannya diapi-apikan oleh Kuasa Bersekutu ketika Empayar Turki Uthmaniyyah terbabit dalam kancah Perang Dunia Pertama. Yahudi-Zionist telah melakukan muslihat halus dalam mencetuskan kekeliruan masyarakat di Jazirah Arab ketika itu sehingga timbul perasaan benci dan tidak puas hati terhadap pentadbiran Turki Uthmaniyyah yang selama ini telah banyak berjasa memodenkan kemudahan-kemudahan awam di kota-kota utama sekitar Jazirah Arab tersebut. Seorang agen pengintip British yang bernama T. E Lawrence telah dihantar untuk membantu pemberontakan Arab Wahhabi tersebut. Ramai mujahidin Turki telah syahid dalam serang hendap yang dilancarkan oleh golongan "BUGHAH" tersebut. Golongan Arab tersebut telah lupa akan ukhwah sesama umat, mereka terpedaya dengan retorik agama dan mainan golongan harbi. Maka berpecahlah kesatuan Timur Tengah yang selama ini dinaungi oleh Khilafah Turki Uthmaniyyah. Sehingga ke hari ini, negara-negara Arab telah berpecah mengikut kabilah-kabilah yang berjaya membebaskan diri dari Khilafah Turki Uthmaniyyah. Mereka tidak berusaha untuk mewujudkan kembali sistem Khilafah tersebut.

8) Sheikh Imran Nazar Hosein adalah antara ulama antarabangsa yang terkenal dalam dakwahnya untuk memberi kefahaman kepada umat Islam hari ini berkenaan peristiwa jatuhnya Khilafah Turki Uthmaniyyah serta ancaman Dajjal melalui sistem kewangan di Akhir Zaman. Tun Dr. Mahathir pula antara tokoh pemimpin dunia Islam yang tidak pernah percaya bahawa sistem demokrasi bebas sesuai untuk semua umat manusia. Oleh kerana dasar demokrasi bebaslah maka kita telah kehilangan sebuah empayar yang dapat menyatukan dunia Islam serta menaungi nasib kita semua suatu ketika dahulu. Slogan Hak Asasi Manusia, Demokrasi Bebas, Kuasa Rakyat, Liberalisme dan Kesama-rataan adalah senjata halus untuk menafikan bangkitnya satu pemerintahan yang mantap seperti sistem Khilafah

tersebut. Kita semua dibuai oleh retorik yang sebenarnya tidak pernah diamalkan sepenuhnya pun oleh golongan yang mencetuskan fahaman-fahaman tersebut iaitu Yahudi-Zionist dan Barat. Atas kesedaran tersebut, Sheikh Imran Nazar Hosein dan Tun Dr. Mahathir adalah antara tokoh Islam yang telah menjalankan usaha mempromosi agar dikembalikan sistem matawang Islamik yang berasaskan Dinar Emas, demi untuk menyekat dominasi NEW WORLD ORDER yang semakin menyerlah kini. Monopoli ekonomi memainkan peranan yang penting untuk golongan Yahudi-Zionist tersebut mencengkam pemimpin-pemimpin negara Islam, terutama negara-negara yang mempunyai petroleum.

9) Ketika di zaman Khilafah Turki Uthmaniyyah dahulu, boleh dikatakan umat Islam yang berada dalam naungannya adalah bersifat berdikari dan tidak bergantung sepenuhnya kepada mana-mana sumber yang dipegang oleh Barat atau Yahudi-Zionist. Kemandirian inilah yang mahu digoncang oleh golongan harbi agar umat Islam itu lemah dan berpecah. Umat Islam ketika era Khilafah bukan hanya penonton dalam pentas dunia ini, malah kita memainkan peranan yang signifikan dalam perkembangan ilmu dan pengaruh kebudayaan Islam. Umat Islam ketika itu terlibat dalam peperangan yang berskala besar dengan kesatuan yang mantap. Empayar Turki Uthmaniyyah pula boleh memberi bantuan logistik dan sumber manusia kepada yang pihak memerlukannya, tanpa perlu meminta izin dari mana-mana kuasa besar dunia yang lain ketika itu. Khalifah juga memegang kuasa ultimatum dalam sesetengah perkara yang melibatkan rundingan di peringkat antarabangsa. Cuma sayangnya, Empayar Turki Uthmaniyyah telah terlepas Revolusi Perindustrian seperti yang telah berlaku di Eropah, lantas menyebabkan tiada perubahan teknologi yang selari dengan kehendak akhir abad ke-19. Oleh yang demikian, Empayar Turki Uthmaniyyah telah mengalami kekalahan yang teruk dalam Perang Balkan Pertama dan Perang Dunia Pertama sehingga banyak tanah jajahannya terpaksa diserahkan kepada Kuasa Bersekutu terutamanya British. Baitulmaqdis (Jerusalem) telah tiada pelindung dan terlepas ke tangan British yang kemudiannya menyerahkan tanah Palestin itu kepada Yahudi-Zionist untuk diwujudkan negara haram Israel.

10) Secara kesimpulannya, sistem Khilafah merupakan sistem yang mantap dan hanya boleh berjaya jika umat Islam bersatu dan sama-sama berdikari tanpa dipengaruhi oleh unsur-unsur luar. Pemahaman Islam secara menyeluruh serta realistik dapat menjayakan wujudnya kembali sistem Khilafah tersebut. Perkembangan ilmu sains dan teknologi adalah faktor penting untuk mana-mana sistem pemerintahan itu kekal relevan disamping kecekapan sumber manusianya. Kita dapat lihat bagaimana Khilafah kita tumbang akibat perbuatan melampau golongan Liberal-Sekular (Young Turks) dan Dogmatik-Agama (Wahhabi) tersebut. Malaysia adalah sebuah negara majmuk hasil dari penjajahan langsung selama lebih dari 500 tahun, sehingga banyak sumber-sumber kekuatan tamadun Melayu-Islam sebelum ini menjadi begitu lemah dan terpaksa bergantung kepada pihak Barat yang ditunjangi Yahudi-Zionist. Begitulah juga dengan negara-negara Islam yang lain di zaman ini. Namun Malaysia tetap berusaha mengaplikasikan nilai-nilai Islamik dalam pemerintahannya yang kelihatan dari luar bagaikan sekular. Untuk sebuah negara kecil dan lemah seperti Malaysia ini, adalah cukup bertuah bagi kita semua mengekalkan keamanan dan keharmonian di era kedatangan Dajjal yang semakin menghampiri. Sebarang legasi yang ditinggalkan oleh Khilafah kita yang terakhir itu akan tetap diaplikasikan walaupun mungkin kita tidak menyedarinya. Yang penting bagi kita kini ialah nilai-nilai Islamik tersebut, bukan sekadar nama atau label Islam. Umat Islam seluruh dunia kini merindui akan datangnya kembali naungan Khilafah melalui kibaran panji-panji hitam oleh pasukan "Ashabu Raayati Suud" dari arah Khurasan suatu masa nanti, insyaallah, Allahuakbar!

"Kamu diwajibkan berperang (untuk menentang pencerobohan) sedang peperangan itu ialah perkara yang kamu benci; dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan (ingatlah), Allah jualah Yang Mengetahui (semuanya itu) sedangkan kamu tidak mengetahuinya".

(Surah Al-Baqarah, ayat 216)

[http://www.facebook.com/note.php?note\\_id=107654973428](http://www.facebook.com/note.php?note_id=107654973428)  
By musatoAuthor Profile Page on February 24, 2011 8:41 PM

Assalamualaikum Tun.

Nik Aziz ni bila orang kata kat dia sikit,mulalah guna nama Nabi s.a.w.

Maknanya kalau kata kat dia macam kata kat Nabi s.a.w la.Jauh panggang dari api.

Nabi s.a.w mana ada guna nama agama untuk berpolitik.Islam itu sendiri adalah cara hidup.Akhlak dan praktikal Islam itu yang menarik orang memeluk Islam.Bukan dengan hanya kata,saya ulama' Islam jadi saya orang yang hebat,marilah peluk Islam (tapi tak beramal/berakhlak).

Nik Aziz tu,kalau dapat ilmu dari Nabi s.a.w,berkonsilah dengan orang ramai.Jangan nak asyik menyorok di belakang nama Nabi s.a.w.

Macam cerita Ibnu Arabi yang sentiasa mengembara dan mengaku mendapat ilmu pengetahuan yang diberikan terus oleh Rasulullah s.a.w kepada beliau.Maka beliau menulis sebuah buku tentang pengetahuan itu.

Pada pendapat saya,jalan cerita orang alim sama seperti peristiwa yang dilalui oleh Nabi s.a.w.Tetapi tahapnya adalah berlainan kerana Nabi Muhammad s.a.w adalah Nabi yang terakhir.

Kalau rasa diri tak sehebat Ibnu Arabi,mudahkan diri menerima teguran orang lain.Jangan sombong sangat kalau setakat megang negeri Kelantan dan 4 negeri lain dalam Pakatan.

Itu hanya politik duniawi.Buat betul pun dapat,buat tak betul pun dapat.

Dimanakah benchmarknya? Jikalau tidak bertanya sendiri dengan Allah s.w.t,"apakah jalan yang aku lalu ini adalah benar di sisi Mu Ya Allah?"

Tetapi usahlah menjadi seperti Syeikh Siti Jenar yang tidak termasuk dalam golongan wali Songo.

Terima kasih Tun.

By mulutmelayuAuthor Profile Page on February 24, 2011 8:27 PM

Surat Tun M kepada Nik Aziz tentang 'Hudud' Kelantan

By raja longAuthor Profile Page on February 24, 2011 7:56 PM

Terbaca liputan kenyataan tun selama menjadi pm dan lain2 pemimpin unmo. sila huraikan adakah kenyataan2 ini benar atau salah. Sekira benar , apakah hukum nya kenyataan2 tersebut.

Terlalu banyak bukti jika mahu di bongkar menunjukkan UMNO dan pemimpin UMNO menolak Islam, menolak dan menghina Hudud. Mari kita teliti ungkapan pujangga pemimpin UMNO-BN ini.

- 1) "Saya akan memastikan bahawa negeri-negeri yang diperintah oleh Barisan Nasional tidak akan melaksanakan hukum hudud." (Dr. Mahathir Mohamad, temubualnya dengan media massa selepas sidangMajlis, Tertinggi Umno, 1994
- 2) "Kita (Kerajaan Pusat) akan ambil tindakan jika Kelantan meneruskan usaha melaksanakan hudud." (Dr. Mahathir Mohamad, ucapannya di Pasir Mas, Kelantan, 14 Ogos 1994)
- 3) "PAS tidak akan dapat melaksanakan hukum itu kerana ia jelas bertentangan dengan perlembagaan Lord Reid." (Syed Hamid Albar dalam satu wawancaranya dengan wartawan)
- 4) "Hukum rejam kepada penzina adalah primitif" Kenyataan Tun Dr. Mahathir kepada wartawan pada 3hb Mac 1994 di Nilam Puri, Kelantan Darul Naim
- 5) "Negara akan huru-hara sekiranya undang2 Islam dilaksanakan " Kenyataan Najib Razak pada 20hb April 1983 kepada para wartawan

6) "Saya nak tahu siapakan di antara ahli2 Pas yang sanggup memotong tangan orang jika hudud dilaksanakan di Kelantan. Barangkali Nik Aziz akan melakukannya. Jika benar kita nak tengok apa yang berlaku selepas hukum itu nanti." Ucapan Tun Dr. Mahathir pada 30 April 1992 di perjumpaan Ketua2 UMNO bahagian Johor

7) "Sukar dilaksanakan hukum syarak kerana masyarakat Malaysia bukan seratus peratus Islam." Ucapan Tun Dr. Mahathir pada 14 Ogos 1994 di Pasir Mas Kelantan

8) "Apakah hukum hudud mesti dilaksanakan juga walau apa pun keadaan sehingga mendatangkan mudarat kepada orang Islam. Apakah dalam keadaan Islam sudah lemah, hukum2 yang boleh melemahkan lagi orang Islam mesti dilaksanakan?" Ucapan Tun Dr. Mahathir pada 3 Mac 1994 di Pusat Bahasa Arab, Nilam Puri, Kelantan

9) "Hudud tidak boleh dilaksanakan kerana sukar mendapat saksi yang tidak fasik" Ucapan Tun Dr. Mahathir pada 3 Mac di Pusat Bahasa Arab, Nilam Puri, Kelantan

10) "Apabila hukum rejam batu sampai mati kepada pezina dan potong tangan kepada pencuri, nescaya ramailah rakyat Islam yang mati dan kudung tangan. Ini sangat memalukan ummat Islam, kerana orang bukan Islam akan sempurna sifatnya dan boleh meneruskan kerja" Tun Dr. Mahathir Mohamad, temubualnya dengan media massa, 14 Julai 1992

11) "Pada pendapat saya, undang-undang Islam tidak sesuai dilaksanakan di Malaysia sekarang. Lebih baiklah undang-undang yang ada dikekalkan" Sulaiman Daud temubualnya dengan media massa, 20 Ogos 1993

12) "Kerajaan Kelantan harus dipertanggungjawab jika berlaku huru hara, ketidakstabilan politik, perpecahan di kalangan umat Islam dan kegelisahan rakyat apabila hukum hudud dilaksanakan di negeri itu. rakyat harus menyoal perlaksanaan hukum itu menguntungkan atau menyebabkan perpecahan pertentangan dan ketidakstabilan politik. Tidak semua negara Islam mengamalkan hukum hudud, bahkan ada negara Islam lebih makmur tanpa hukum itu" Datuk Seri Najib Tun Razak, bercakap kepada wartawan, 20 April 1992

13) "Sebarang undang-undang yang dilaksanakan di Malaysia sekarang yang selaras dengan undang-undang Islam boleh dianggap sebagai undang-undang Islam" Datuk Dr. Yusuf Nor, temubualnya dengan Radio Tiga Ibu Kota, 6 Mac 1994

14) "Apa erti negara Islam jika mundur" Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi: 13/11/99

15) "Jika mereka hendakkan sangat hukum hudud, mereka kenalah cuba hukum mereka sendiri atau mahkamah mereka sendiri. Mereka seronok nak potong tangan orang, seolah-olah jika tidak potong tangan, tidak Islam. Sekarang kita nak tengoklah mereka boleh buat atau tidak" Tun Dr. Mahathir Mohamad, bercakap kepada wartawan, 24 April 1992

Dan banyak lagi..Wallahualam..

By lampu basikal Author Profile Page on February 24, 2011 7:47 PM

Assalamualaikum Tun semoga sihat walafiat dan sentiasa di berkati Allah swt.

Saya fikir adalah tidak adil bagi Dato Nik Abdul Aziz mengatakan sekiranya sesiapa yang dikatakan nasionalis dan tidak menyokong parti PAS adalah kafir. Dato Nik Abdul Aziz juga mengatakan sekiranya tidak menyokong PAS tidak akan masuk syurga. Dengan mengatakan sedemikian Dato Nik Abdul Aziz juga menindakkan bahwa Nabi Muhammad saw dan orang orang Islam yang tidak pernah menjadi ahli PAS termasuk juga para Al Hafiz Al Quran adalah kafir dan tidak dapat masuk syurga. Soalan saya ialah dengan mengatakan demikian adakah Dato Nik Abdul Aziz sendiri bolih menjamin yang dia akan masuk syurga setelah meninggal dunia? Ingat lah bahwa syurga dan neraka adalah hak mutlak Allah swt dan bukan nya hak Dato Nik Abd Aziz.

Saya sarankan supaya Dato Nik Abdul Aziz perlu bertaubat dan berhenti menyesatkan umat Islam di Malaysia demi undi untuk berkuasa.

Dia juga perlu ingat bahwa dunia hanyalah pinjaman sementara sahaja maka dia perlu memperbetulkan apa kerosakan yang di buat nya selagi hayat di kandung badan.

Wallahualam.

Semoga Allah swt sentiasa memberkati Tun Dr Mahathir. Amin.  
By Al Baihaqi Author Profile Page on February 24, 2011 7:36 PM

YAB Tun,

Mengapakah PAS dan UMNO tidak boleh menjadikan persefahaman Islam sebagai satu asas demi membina ummah. Walaupun berbeza pendapat namun matlamatnya tetap sama iaitu memajukan ummah dengan melaksanakan Islam dalam pemerintahan.

Isu kafir mengkafir ini merupakan satu daripada polemik yang sering timbul apabila seseorang politikus itu tiada isu pokok yang boleh diperbahaskan secara objektif khususnya dalam memartabatkan islam di negara ini. Mengapa harus seseorang Islam itu menuduh isu akidah yang bukannya boleh ditentukan oleh seseorang islam yang lain dengan begitu mudah?

<http://bajetwang.blogspot.com/> tidak menolak kemungkinan yang perkara kafir mengkafir ini sengaja ditimbulkan agar mendapat respon daripada masyarakat yang perihatin akan perjuangan menegakkan Islam di negara ini.

memandangkan Islam itu sesuatu yang suci dan murni maka tidak wajar perkara ini diperbahaskan oleh rakyat marhaen yang mempunyai pengetahuan agama yang cetek.

Mengapa tidak ditumpukan usaha untuk mengurangkan gejala sosial, arak, judi, zina, jenayah dsbnya yang memerlukan buah fikiran ahli politik yang waras dan berpengetahuan agar dapat mencari penyelesaian kepada isu yang lebih kritikal?

Sepatutnya, PAS dan UMNO boleh bekerjasama dengan lebih baik lagi atas platform memartabatkan islam di negara ini selain mencari pendekatan yang lebih berkesan dalam membendung masalah ummah di negara ini.

Apapun <http://bajetwang.blogspot.com/> mengucapkan selamat maju jaya kepada PAS dan UMNO dalam mencari penyelesaian terbaik dalam segenap perkara dan tidak terpedaya dengan dakyah dan fitnah daripada orang kafir.

Selamat berjuang demi Islam daripada  
<http://bajetwang.blogspot.com/>

Harapan bajetwang agar kita mampu menjadi negara yang berpendapatan tinggi dengan menjadikan Islam sebagai panduan hidup berlandaskan Alquran, assunnah, Alhadis ..Insha Allah...

By JB\_FROM Author Profile Page on February 24, 2011 7:18 PM

Tun,

Saya bukan penyokong Nik Aziz, tapi komennya Nik Aziz, "Tolak agama ambil nasionalis, apa nama kerja ini" yang lain-lain Tun yang sambung. Saya rasa zaman 30 tahun dulu yang kes PAS kafirkan UMNO, sekarang PAS dah mula insaf, kerana taktik ini membawa kesan yang sebaliknya.

Dr. Syed Alwi Alsree,

Sekarang Singapura dah nak pilihanraya, tumpukan kat Singapura, tak payahlah orang Singapura nak jaga tepi kain orang Malaysia (peribahasa). Di sekolah Singapura ada belajar peribahasa?

Saya ada banyak tengok komen anda, komen anda terlampau sangat liberal. Anda kena rajin ke Masjid Habaib Ba-alwi di Singapura supaya terbuka hanti anda.

By mulutmelayuAuthor Profile Page on February 24, 2011 6:54 PM

By penduduk on February 24, 2011 9:06 AM

Salam buat Tun sekeluarga...

Saya memohon jasa baik Tun untuk mendedahkan lebih banyak 'temberang' PAS. Seperti 'Hudud Tiruan' PAS yang kononnya Tun lah penghalang utamanya.

=====

Sila rujuk: Hudud PAS Kelantan 1993 - Ucapan Penuh Tun Dr. Mahathir di Nilam Puri - 3 Mac 1999.

By ibrahimAuthor Profile Page on February 24, 2011 6:36 PM

Salam untuk Tun dan semua pembaca,

Masih terdapat hingga kehari ini berlakunya dua imam sembahyang, akad nikah dua kali, kenduri tak leh makan, suami isteri berpisah dan anak ibubapa saling tak bertegur kerana satu pihak mengatakan satu pihak lain tidak islam ataupun tak betul islamnya.

Yang peliknya tiada pula ketua, penasihat, atau orang alimnya menegur perbuatan tersebut. Seolah-olah mereka bersetuju dengan fahaman dan pegangan itu. Penceramah PAS terang-terang menuduh mereka yang mengikut UMNO adalah menentang Islam, sekali gus tidak boleh dikira islam. CD ceramah serupa oleh Mat Sabu, Haji Hadi dan lain-lain boleh ditemui di kebanyakan pasar malam, pasar tani atau pasar Jumaat.

Tindakan tidak membetulkan kefahaman sedemikian secara jelas menunjukkan persetujuan seseorang. Apabila Nik Aziz bersetuju dengan tindakan menidak islamkan seseorang serupalah Nik Aziz bersetuju yang seseorang itu kafir. Kafir tu bahasa arab yang dimelayukan, 'yang tak percaya' adalah terjemahan langsungnya.

Apa yang Nik Aziz perlu buktikan ialah ketidaksetujuannya terhadap tuduhan sesetengah penceramah PAS yang telah mempengaruhi ahlinya sehingga berlaku kekeliruan dan perpecahan dalam masyarakat Melayu Islam Malaysia. Pengakuan yang patut juga dibuat ialah bahawa menyokong UMNO tidak bermaksud keluar dan menentang islam.

Perbincangan antara Tun dan Nik Aziz ini sepatutnya melibatkan lain-lain individu dalam kelompok masing-masing. Tun berpandangan dari segi logik dan sekular, Nik Aziz dari segi 'islamnya'. Ada individu dikalangan Tun yang tak kurang 'islamnya', begitujuga dikalangan Nik Aziz dengan sekularnya. Sekular berlandaskan fakta dan logik, islam juga adalah fakta(fact) yang seharusnya dijelaskan sehingga difahami akal yang cipta Allah(logical). Ini supaya akan timbul satu golongan yang lebih rasional di antara kedua nya. Semoga golongan akan membawa Malaysia dan Islam ke arah yang sewajarnya.

Allahuaalam

By M. Shahirasul IdrewoodsAuthor Profile Page on February 24, 2011 6:13 PM

I am amazed! Cam ner dgn kami2 yg dok kat Denmark dan Sepanyol yang tak mampu nak undi PAS. Agak2 dapat masuk syurga tak?

Pelik politik Malaysia. Being opposition means that you have to oppose everything, even though it is for a

greater good - just because your camp did not do it.

Satu lagi yg terasa - Malaysia macam berlembut sangat. But I think, if the government need to hit 'anything', they should hit it hard! Be firm and stick to the decision.

Ah one more: apa sudah jadi dgn kampus pendidikan di Malaysia? kalau student2 tak mo belajar, why not let them 'go'? we need to be hard and harsh. it may be a bitter pill, but a ringworm if not treated will make a condition worst.

ed

By prof\_ridcullyAuthor Profile Page on February 24, 2011 5:51 PM

Salam Tun,

Saya pun hairan bagaimana seorang Islam dengan sewenang-wenangnya boleh mengkafirkan seorang Islam yang lain.

Saya ada terbaca bahawa Saidina Ali (ra) pun keberatan untuk menyebut 'kafir' ke atas kumpulan Khawarij. Beliau hanya(!) menggelar Khawarij sebagai golongan 'ingkar'; dan kita semua tahu Khawarij menentang Saidina Ali, Khalifah dan Amirul Mu'minin, dari segi politik hingga sanggup mahu membunuhnya. Begitu juga Saidina Ali (ra) tidak pernah mengkafirkan Muawiyah (ra) yang telah menentang pelantikannya sebagai Khalifah, malah telah berperang dengannya.

Berlainan pula orang PAS yang amat bersedia mengkafirkan saudara se-Islam kerana tidak mahu menyokong 'perjuangan Islamnya' yang dia sendiri tidak berapa faham. Mungkin ini kerana parti politik itu sendiri masih kabur dengan asas perjuangannya.

-----

Ramai orang yang mengaku memperjuangkan negara Islam suka menggunakan label. Satu dari label tersebut ialah pemerintah sekular.

Saya ingin bertanya Saudara kadir rahman apa yang dimaksudkan oleh "pemerintah sekular."

Bukankah istilah 'sekular' datangnya dari pengamatan orientalis yang mengkaji pemerintahan negara Kristian pada zaman perang salib yang membahagikan dunia ini kepada yang 'sekular' dan yang 'agama.'

Yang lebih penting dari label ini ialah sama ada pemerintah mempunyai kepercayaan atau sikap mahu memisahkan polisi dan pelaksanaan polisi tersebut kepada hanya yang berkaitan duniawi tanpa mengambil kira keperluan agama. Pada hemat saya mahupun banyak yang boleh diperbaiki, sudah jelas kerajaan Persekutuan sekarang (dan dahulu) tidak mengambil jalan sedemikian.

kadir rahman memberi tiga contoh akibat pemerintah sekular. Bagaimana dengan pemerintah yang tidak mengelolakan negeri dengan baik sehingga ramai orang Islam berhijrah ke negeri lain? Bagaimana dengan pemerintah yang gagal meningkatkan ilmu rakyat sehingga ramai rakyatnya masih buta huruf [kedua dari corot di dalam peratusan rakyat yang buta huruf]? Bercakap pasal ilmu, bagaimana dengan kerjaan negeri yang mengamalkan riba di dalam pinjaman pendidikan? Bagaimana dengan negeri yang kadar pengeluaran negerinya masih rendah [nombor tiga dari bawah]. Bagaimana dengan kerajaan negeri di mana nasib ibu tunggal tidak terbela? Mengapa kerajaan negeri gagal menerapkan nilai-nilai murni Islam di dalam jiwa rakyat negeri sehingga maksiat berleluasa -- penyeludupan, pelacuran, perjudian dan penyalahgunaan dadah. Kenapa kawasan bandar dan tandas masjid masih kotor?

Ya, saya bercakap mengenai Kelantan yang diperintah pemerintah 'Islamik' dengan slogan 'Membangun Bersama Islam' dan dengan bangga diri menggelar negerinya Serambi Mekah.

By DinKakYahAuthor Profile Page on February 24, 2011 5:33 PM

Jawab Tun. jangan tak jawab...

Dia dah mula berbelit-belit tu. Kita buktikan bahawa Nik Aziz cumalah manusia biasa dengan sedikit kelebihan pengetahuan agama.

Sikit-sikit cerita pasal Nabi, pasal sahabat. Mentang-mentang kita tak pandai.

Saya ingat masa Tun memerintah, dia kata Tun kronisma pasal naikkan D. Mokhzani dan Datuk Mukhriz. Masa Tun Abdullah pun sama sebab KJ. Masa di naikkan menantu dia jadi CEO, dia jawab ".. mana ada kronisma.. ini soal layak. Ingat zaman rasullah, siapa Abu Bakar, siapa Ali.. ".. Allah maha kaya.

Saya orang Kelantan dan dari dulu saya "write-off" Nik Aziz. Saya perlukan Tun untuk buktikan (kepada mereka) saya betul.

P/s I have a dream....Nak balik Kelantan mengundi PRU13 kali ni untuk menang. Dan malam tu tak nak tidur sampai pagi merayakan kemenangan.

By amfay77Author Profile Page on February 24, 2011 5:09 PM

Salam Tun & pembaca2 lain,

Salah menyalahkan sesama manusia tidak akan dapat menyelesaikan masalah. Cara yang terbaik ialah menyedari kesalahan diri dan cuba cari jalan utk memperbaiki kelemahan itu.

andi fauzi

[www.andienacollection.com](http://www.andienacollection.com)

By monstrous SEOAuthor Profile Page on February 24, 2011 5:07 PM

Sebenarnya, isu ini mudah sahaja. Tidak perlu dipanjangkan. Cuma, saya sedih melihat, pengundi PAS hanya digunakan oleh Nik Aziz. Kita ada majlis fatwa, boleh dirujuk jika berlaku kekeliruan. Nik Aziz seorang yang arif tentang agama, tetapi, takut beliau lalai dengan konsep perikatan atau gabungan dengan parti bukan Islam.

Berkenaan isu bangsa, peratus bangsa melayu yang beragama Islam adalah 94%. Tidak salah bagi seorang pemimpin nasionalis Melayu memperjuangkan hak orang Melayu. Memperjuangkan hak Melayu sama seperti memperjuangkan hak Agama Islam.

Orang Melayu di semenanjung pada amnya, sepatutnya bersyukur, kerana masih dipimpin oleh pemimpin dari kalangan orang Melayu yang masih beragama Islam sendiri. Janganlah terlalu berbalah pasal konsep Islam sedangkan Islam itu suci. PAS dan UMNO juga parti Islam.

Nik Aziz ini orangnya alim tetapi sombong dengan ilmunya. Beliau tidak mahu mendengar nasihat. Merasakan diri beliau sudah cukup gah dan sempurna. Orang lain tidak boleh menyuarakan pendapat. Mursyidul Am kononnya, menunggu masa digulingkan seperti Hosni Mubarak.

Kalau beliau berfikiran baik, beliau terima pelawaan UMNO untuk menyertai BN. Tapi, beliau bukan dilahirkan sebagai seorang pemimpin yang mampu menegakkan Islam. Percayalah. Dengan sikap bongkak beliau akan memakan diri suatu hari nanti.

Kenapa mahu menegakkan Agama Islam tetapi melemahkan semangat orang Islam? Aku sendiri tidak dapat menangkap strategi ataupun ideology beliau. Tetapi kalau beliau diajukan soalan ini di depan TV, beliau tidak akan mengaku. Sebaliknya, kalau di dalam PAS TV, beliau akan marah mengatakan semua ini fitnah.

Tingkah laku Nik Aziz seperti budak-budak berumur 12 tahun. Di sergah takut. Janganlah macam begitu.

Islam sepatutnya bersepadu bukan bercerai. Jaga hak orang Melayu, seperti menjaga hak Agama Islam. Agama Islam yang dianuti di dalam Malaysia adalah terdiri daripada majority orang Melayu.

SEO Expert Dari Sabah.

By kerusibesiAuthor Profile Page on February 24, 2011 4:45 PM

Saya tidak punya banyak masa ketika ini, cuma saya hanya akan jawab satu perkara daripada beberapa perkara 'kurang cerdik' yang dibangkitkan oleh seorang ultra-melayu ini. Satu point of view yang saya yakin menyentap seluruh art...ikel di atas apabila dikaitkan dengan tajuknya - Bukti Nik Aziz mengkafirkan UMNO.

Merujuk kepada perkara ke-5 di atas, saya menyokong kenyataan Tuan Guru Nik Aziz yang mengatakan "Sokong PAS ertinya sokong Islam". Percayakah Mahathir bahawa bukan semua orang Islam menyokong Islam ?

Apabila orang Islam itu tergamak mengumumkan sebuah judi baru yang berbentuk judi sukan dengan tujuan menghalalkan pertaruhan judi dalam sukan bolasepak, apakah orang yang bertaraf menteri ini dilihat menyokong Islam? Atau menggadaikan maruah 'Islamnya'?

Lebih malang lagi kerana tiada seorang pun di kalangan pembesar negara berjawatan rasmi yang beragama Islam menepelak isu judi baru ini selain daripada pimpinan Pakatan Rakyat. Ini termasuklah cina DAP yang menolak judi demi rakyat yang lebih sihat ekonominya. Peristiwa ini bolehlah diumpamakan 'bukan islam mengajak minum kopi manakala pemimpin yang mengaku Islam pula mengajak minum todi dan whisky', pemimpin manakah yang akan anda pilih?

Menteri yang saya maksudkan di atas adalah dari sebuah parti yang memperjuangkan bangsa (tetapi lebih tepat memperjuangkan bangsa) dengan menolak Islam apabila bersetuju menjadikan negara 'Islam' ini sebagai hub hiburan! Apakah perlakuan seperti ini dilihat menyokong Islam? Atau menggadaikan maruah 'Islamnya'? Pemimpin yang mengaku 'Islam' dalam parti UMNO juga hanya berdiam apabila pemimpin-pemimpin bukan Islam di kalangan mereka dalam Barisan Nasional mempersendakan Islam!

Juga saya tidak lupa bahawa suatu ketika dulu, ada seorang Perdana Menteri yang cuba untuk memansuhkan sekolah agama rakyat yang ketika itu dilihat sebagai sebuah pusat untuk mendidik anak-anak kita ilmu Islam dengan lebih efisien berbanding di sekolah kebangsaan. Perdana Menteri itu juga dikatakan tindak-tanduknya menyebabkan bahasa jawi pupus hingga menyebabkan lebih ramai anak-anak kita yang begitu ketinggalan dalam bahasa jawi termasuklah dalam pembacaan Al-Quran. Jadi, adakah Perdana Menteri yang beragama Islam ini menyokong Islam? atau menolak Islam??

Saya kurang pasti samada Perdana Menteri itu masih ingat atau sudah lupa kerana Perdana Menteri yang memerintah 22 tahun itu juga tidak terkecuali dari golongan Melayu mudah lupa !

Kita berbalik kepada persoalan, adakah semua orang Islam itu menyokong Islam? Justeru itu, dengan hujah-hujah di atas saya tetap menyokong penuh kenyataan Tuan Guru Nik Aziz yang mengatakan bahawa menyokong PAS ertinya menyokong Islam !!

Banyak lagi subjek-subjek penting yang boleh saya tambah untuk menguatkan hujah, tetapi di atas keterbatasan masa, saya membuka peluang kepada rakan pembaca untuk menambah - apakah kebejatan UMNO dalam konteks menolak Islam...

By BenderbuzzAuthor Profile Page on February 24, 2011 4:18 PM

Salam Tun.

Maaf cakap lah ... tapi selama yang saya ingat sejak saya mula berminat tentang perkembangan politik negara sejak lebih 20 tahun, saya tidak pernah nampak apa-apa sumbangan Nik Aziz kepada Agama, Bangsa dan Negara.

Apa yang jelas cuma kata-kata menghina, menghasut, mencaci, mencarut dan tohmahan yang dibuat secara langsung atau tidak langsung. Mungkin manusia bernama Nik Aziz ini ditakdirkan untuk melakukan semua ini agar kita sendiri sedar dan menginsafi diri atas apa-apa tindakan dan perilaku baik atau buruk sebagai teladan dan sempadan.

By Mis\_bahAuthor Profile Page on February 24, 2011 4:17 PM

Assalamu Alaikum Tun,

Semoga hujahan Tun ini boleh membuka minda yang tertutup, mata yang buta dan telinga yang pekak...tahniah Tun

By hj.ayofAuthor Profile Page on February 24, 2011 4:08 PM

Assalamualaikum Tun,

pada pandangan aku Umno betul dan kadangan2 PAS betul dan sebab itu aku tak sokong Umno dan tak sokong PAS, aku mengundi bedasarkan latar belakang saorang calon,harap TGNA tak kafirkan aku.Kafir mengafir ada lah kerja Allah dan tak wajar kalau ada manusia hendak mengambil kerja2 Allah

By hj azmanAuthor Profile Page on February 24, 2011 3:58 PM

respons kepada posting sdr kadir rahman.

1. sistem kewangan islam: selama 20 tahun PAS memerintah Kelantan, apakah yg telah dibuat bagi menghasilkan model kewangan Islam? Adakah yg dikatakan Islam itu mesti hanya pandai cakap, tanpa perlu tindakan?

2. Menyokong kafir yg menyuruh orang Islam supaya tidak kuat amalan Islam itu sekular atau tidak? seperti Nik Aziz sokong kenyataan LKY?

3. Rukun Islam ada lima, bukan ditambah dengan undi PAS. Itu sekular atau sesat?

Sdr Kadir tanyalah mana2 orang yg waras, adakah Nik Aziz tu betul? atau sdr Kadir dah dapat tiket kesyurga drpd PAS!

By samuraimelayuAuthor Profile Page on February 24, 2011 3:51 PM

SALAM KASIH DAN SAYANG  
AYAHANDA RAKYAT TUN  
Izinkan,

By Dr Syed Alwi Ahmad on February 24, 2011 10:06 AM

Assalamualaikum wr wb,

Kepada Tun Mahathir dan Tok Guru Nik Aziz,

Ingin saya menambah sedikit. Apakah betul DAP terima perjuangan Islam PAS ?

Tuan Dr Syed Alwi,

Kami tumpang bertanya Tok Nik sedikit. Apakah 'tok guru' berani menyatakan? 'JIKA KITA (PAS) MEMERINTAH NEGARA,

KITA AKAN ROMBAK PERLEMBAGAAN YANG ADA KEPADA PERLEMBAGAAN BERPAKSIKAN HUKUM HAKAM ISLAM DAN KITA PANGGIL NEGARA INI REPUBLIK ISLAM SEMALAYSIA!

SURE, GERENTI 'PAS BOLEH' memerintah hingga khiamat, insyaallah.

Tak panggil PM/MB dah, kita tukar kepada khalifah (negara/negeri)

Tak pakai gelaran Tun, Tan Sri atau Datuk Seri.. kita perkenalkan

YAB/YB SHEIKH..contohnya, Khalifah P.Pinang YAB Sheikh Lim Guan Eng!

Tak guna undang2 sekular, kita guna 100% UNDANG UNDANG ISLAM..tiada kecuali nya!  
...curi potong tangan, zina disula, judi disebat, mencarut..?? ( ikut hukuman emak dulu dulu..kene cili mulut tu))rasuah, khalwat  
...minum arak, buang anak, tak tutup aurat dan 1001 malam..oops..macam kesalahan hudud...ada masalah hendak jatuh hukum?

Majlis Ulama satu Malaysia dengan bantuan Ulama satu dunia boleh mengubal segala hukum hakam bagi pentadbiran REPUBLIK ISLAM SEMALAYSIA!..

Ahli parlimen, Adun, anggota kerajaan, askar dan polis Melayu diwajibkan pakai jubah, berserban dan berjanggut, bersenjatakan pedang dan tunggang kuda...baru PAS ikut sunnah ..  
Kaum wanita diwajibkan pula pakai purda (PAS tutup aurat) dan sentiasa berwuduk (kecuali uzur) maka tidak dibenarkan bersemuka dengan bukan muhrim dan berjabat tangan ( termasuk pak mertua, abang dan adik ipar dan anak tiri)..tak boleh keluar rumah dan duduk semeja berbual/berbincang atau naik keenderaan awam yang ada bukan muhrim...

Kalau kami terima tanpa berfikir pandangan2 pembahas2 ( tonik) yang 'pendek' akal macam kami(perokok)... akan turut taksab kalu Tuk Haji Nik betul2 berani laungkan perjuangan REPUBLIK ISLAM.

Maaf ayahanda Tun .. kami pun dah mula berjinak dengan PAS dan akan menyokong 100% jika pemimpin agung PAS berani bersumpah dan laungkan...MALAYSIA REPUBLIK ISLAM!

Tidak kalu, sahlah Parti Amalan Songsang...tak pas panggil PAS PENJUANG AGAMA.

IMPOSSIBLE! POSSIBLE?... Mari kita sama2 lihat parti yang kena..?

ALFAIHAH, AMIN

Ps. Pesan berpesan antara kita adalah baik sama macam posan omak kek anak bujangnya yang merantau..

Jangan tinggalkan solat kecuali ekau lupo

Jangan mencuri kecuali ekau terpaksa

Jangan perkosa anak daro urang kecuali ekau selero

Tambah posan satu lagi..

Jangan lompong orang politik kecuali kau dah gilo...hehe

By Budi kitaAuthor Profile Page on February 24, 2011 3:43 PM

Tun

Salah satu prinsip Alsiasah shariah ialah "menolak mudarat dan menarik manafaat". Saya tak yakin dengan bersahabat dengan DAP, Pas dapat menolak mudarat dan menarik manafaat untuk Islam, kalau untuk Pas mungkin lah. Lihatlah saja apa yang Bapa kepada DAP buat di singapura Di sini Pas meletakkan taraf DAP lebih tinggi dari UMNO dan DAP mendatangkan kebaikan kepada Islam lebih baik dari UMNO. Kerana itulah Pas menolak perlawaan UMNO untuk bincang kepentingan Islam. Orang yang sedang dituduh meliwat, satu jenayah Islam yang lebih teruk dari zina, lebih baik dari Datuk Seri Najib dalam menaikkan martabat Islam.

By ekomputeAuthor Profile Page on February 24, 2011 3:37 PM

Bagi saya, tidak perlulah sesiapa pun bergaduh tentang siapa yang lebih bertakwa. Yang penting, tindakan, bukannya perselisihan. Tunjukkanlah kesayangan masing-masing terhadap ajaran Islam dan lakukanlah sekurang-kurangnya yang berikut:

1. Patuhilah kontrak sosial yang termaktub dalam Perlembagaan asli. Jangan lagi mulut manis hati berduri, seperti yang dibuktikan oleh perlaksanaan dasar negara. Kan integriti sesuatu yang dipentingkan dalam agama Islam?
2. Hapuskanlah diskriminasi ras lalu membantu sahaja sesiapa jua yang miskin atau memerlukan

bantuan, tanpa mengira bangsa. Kan ini ajaran Islam?

3. Tunaikanlah janji dalam Dasar Ekonomi Baru yang mengisytiharkan penghapusan kemiskinan tanpa mengira bangsa, dan janganlah cakap satu tetapi buat yang lain pulak. Ketakjujuran kan sesuatu yang bercanggah dengan ajaran Islam?

4. Hapuskanlah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Kan itu bercanggah dengan ajaran Islam yang menetapkan prinsip bahawa warga tak boleh dipenjarakan kecuali kesalahannya telah dibuktikan dalam mahkamah terbuka?

5. Pastikanlah Malaysia mencapai kedudukan yang tertinggi dalam Indeks Persepsi Rasuah Transparency International dan bukan tempat 56. Kan itu selaras dengan ajaran Islam?

6. Pastikanlah permintaan makanan negara turun pada bulan Ramadhan dan bukan sebaliknya. Kan itu alasannya berpuasa?

7. Berkhutbahlah ajaran Islam kepada orang bukan penganut Islam demi menonjolkan keindahan ajaran Islam, bukan menonjolkan ketamakan dan ketidakadilan. Kan itu salah satu kewajipan umat Islam?

Kalau mana-mana pihak boleh berbuat demikian, dialah yang lebih bertakwa. Kalau tidak, cakap kosong, apa gunanya? Kalau menang melalui kemahiran perdebatan yang licik, apakah yang dapat dicapai?

By indianaAuthor Profile Page on February 24, 2011 3:27 PM

By kadir rahman on February 24, 2011 9:27 AM

"Jika saya ditanya adakah saya telah mengajak Tun Mahathir dan rakan-rakan sealiran dengannya agar meninggalkan aliran nasionalis sekular dan menerima Islam yang syumul, saya Insya-Allah akan menjawab : اللهم قد بلغت (Ya Allah, aku telah menyampaikan..)" - Nik Aziz, 2 Februari 2011

Tolak agama ambil nasionalis sekular - memisahkan hukum agama dalam pemerintahan.

Contoh:

1. Agama mengharamkan riba, tetapi pemerintah sekular tidak melakukan rombakan menyeluruh dalam sistem kewangan negara.

2. Agama menuntut keadilan, tetapi pemerintah sekular mengenakan penindasan seperti dalam isu royalti minyak dan persempadanan kawasan parlimen.

3. Sayangnya bangsa sendiri adalah fitrah, tetapi Islam melarang taksib kepada bangsa hingga melakukan penganiayaan dan kezaliman kepada bangsa lain. Contohnya tindakan ahli UMNO menafikan hak hingga sanggup menghalau bangsa lain.

Kelakarlh hujah saudara. Ini kerana barang-kali selalu dengar ceramah PAS dan tak ada kerja lain nak buat. Itu yang jadi bebal selalu.

Senang-senang aje labelkan pemerintah sekular atau tidak. Tahu tak apa maksud sekular - Secularity : a state of being separate from religion.

Adakah pemerintah mengabaikan tanggung-jawab terhadap ugama? Banyak sahaja masjid di merata tempat.

Adakah pemerintah mengabaikan tanggung-jawab terhadap menjaga akidah umat Islam? Bukankah JAKIM membuat bantahan terhadap penggunaan kalimah Allah oleh penganut agama lain? Apa yang Nik Aziz(layakkah dipanggil tok guru?) buat? Demi undi, apa sahaja boleh.

Paderi dari Sarawak yang menghina Nabi Muhammad SAW sebagai pedofilia, yang ini tak ada pulak ahli PAS pergi buat demo. Tapi, bila hilang kuasa di Perak, yang ini dia bising dan tidur atas jalan.

Itu bab fardhu ain.

Bagaimana bab fardhu kifayah? Tanggungjawab sebagai pemerintah untuk menjaga kebajikan rakyat, tak kira bangsa dan agama. Ini dah dibuktikan dengan pelbagai pembangunan yang dilakukan oleh pemerintah sekarang. Bila hati dah buta, maka mata pun tak nampak juga.





Tapi bila sokongan Melayu kepada PAS merosot dalam P/raja kecil, dia cakap nak bela Melayu pulak.

betulkah dia ni tok guru? atau tok garu/tok gurau?

celaru sungguh pemikiran pok nik!

By BubblesAuthor Profile Page on February 24, 2011 1:16 PM

Assalamualaikum Tun dan semua peminat Chedet,

Ekompute sering membuat tuduhan tuduhan yang tidak berasas, yang tidak bersandarkan fakta terhadap Tun dan untuk mengelak dari dikenalpasti sebagai seorang yang simpan dendam dan kebencian terhadap Tun kini dia beralih kepada Islam dan untuk tidak menampakan sebagai anti Islam kerana ia akan mengundang kecaman yang hebat daripada orang Islam, dia sebut tentang tindak tanduk orang Islam.

Kita tahu bahwa sejak berapa tahun yang lalu, sejarah telah diputar belit oleh musuh musuh Islam dengan niat untuk memburuk buruk kan Islam dan untuk menimbulkan tegangan diantara orang Islam dan bukan Islam dimerata dunia. India tidak terkecuali kerana itu sering terdapat ketegangan di antara orang Hindu dan Muslim disana. Banyak fakta fakta telah diputar belitkan oleh musuh musuh Islam.

Namun, ada kebenaran pada apa yang dikatakan tentang tindak tanduk orang Islam. Kebanyakan kita tidak mengamalkan ajaran Islam yang dibawa oleh RASULLAH s.a.w. Kita yang dilahirkan Islam hanya mengamalkan rukun Islam yang lima sedangkan Islam adalah lebih dari itu. Islam adalah cara hidup tapi berapa ramai yang mengamalkan cara hidup Islam yang sebenar. Malah bangsa asing yang memeluk ugama Islam lebih Islamik dari segi akhlak dan tindak tanduk dari kita yang dilahirkan sebagai orang Islam, kerana mereka belajar tentang Islam sedangkan kita tidak. Kita hanya ikut ikut apa yang dilakukan oleh ayah ibu kita.

Benar bahwa kita sendiri yang merosakan imej Islam kerana itu musuh musuh Islam menggunakan ini untuk mengukuhkan tuduhan mereka terhadap Islam. Banyak contoh contoh yang boleh diketengahkan. Kerana ini juga ALLAH telah gantikan kita yang yang tidak mengamalkan ajaran Islam dengan yang mengamalkan ajaran Islam yang sebenar untuk menegakkan siar Islam iaitu dari kalangan orang barat seperti yang kita lihat sekarang.

Beribu ribu bangsa Eropah yang memeluk ugama Islam selepas peristiwa 911 kerana itu musuh musuh Islam jadi takut dan timbullah mereka yang pura pura Islam dan mengaku ulama terutama dari America. Mereka dilatih oleh Yahudi yang arif dalam Islam dan Quran. Mereka menggunakan gelaran Sheikh tapi sebenarnya tujuan mereka adalah untuk menyesatkan orang Islam dengan memutar belit ajaran Islam dengan cara halus. Mereka sudah dapat publisiti dalam majalah majalah Islam dinegara ini. Orang Islam harus berwaspada terhadap golongan ini.

Kalau pemimpin DAP hanya menggunakan berapa kerat ayat Quran berjaya menipu orang orang PAS, apatah lagi yang menggunakan ayat ayat Quran ini berkulit putih dan bermata biru, sudah tentu orang kita akan terpukau dan tertipu dengan sandiwara mereka.

Dikatakan setiap 100 tahun akan ada seorang Islam yang akan membawa orang Islam kembali ke ajaran Islam yang sebenar. Saya yakin dan percaya bahwa Ustaz Sahazan yang mengelolakan rancangan Tafsir Quran diradio IKIM lah orang nya. Segala tafsir bersandarkan hadis hadis sahih. Kita harus bersyukur ALLAH s.w.t masih sayangkan kita dan beri kita seorang ustaz seperti Ustaz Sahazan.

Saya ingin seru pada semua saudara Islam kita agar ikutilah rancangan tafsir Quran diradio IKIM, insyallah kita akan jadi orang Islam yang lebih baik.

Akhir sekali, saya ingin megatakan sekali lagi bahwa sekira semua pemimpin Islam seperti Tun Dr Mahathir dan semua ustaz seperti Ustaz Sahazan, orang Islam tidak akan mendapat nasib seperti

saudara saudara Islam kita dinegara negara Islam yang lain, insyallah.

By Nazeer AhamedAuthor Profile Page on February 24, 2011 1:15 PM

SALAM, YANG DIKASIHI TUN MAHATHIR DAN DATO SERI TUAN GURU NIK AZIZ.

1965 SAYA DILAHIRKAN, SINGAPURA BARU KELUAR DARI MALAYSIA PADA MASA ITU, SAYA DENGAR DARI AYAH SAYA BAGAIMANA LKY DAPAT MEMUJUK ORANG MELAYU MELALUI YUSOFF ISHAK YANG KEMUDIAN DILANTIK MENJADI PRESIDENT PERTAMA ORANG MELAYU KETIKA ITU DAN MUNGKIN YANG TERAKHIR SUPAYA MENYOKONG PAP. DAN AKHIRNYA PAP MENANG DENGAN MAJORITI BAK PERPATAH MELAYU MENANG SORAK BANGSA , AGAMA , DAN MARUAH TERGADAI... OLEH ITU SAYA AMAT BERHARAP JANGANLAH MUDAH LUPA..SAYA TINGGAL DI SELATAN TANAH AIR SERING LIHAT, BACA, DAN LIHAT DIKACA TELEVISION NASIB BANGSA YANG HILANG MARUAH DITANAH TUMPAH DARAH SENDIRI..SAYA JUGA LIHAT BAGAIMANA KERAJAAN JAGA SETIAP INCI TANAH ,LAUT DAN UDARA NEGARA MEREKA DARI DIDEKATI OLEH ORANG LUAR TAPI KENAPA KITA TIDAK...!

SATU PERSATU KITA TERGADAI... MULA-MULA PULAU SINGAPURA, LEPAS TU PULAU BATU PUTIH YANG SEDAPNYA BELUM MAHKAMAH ANTARABANGSA BUAT KEPUTUSAN NEGARA KITA DAH NASIHATKAN RAYAT PERLU AKUR KEPUTUSAN MAHKAMAH. MACAM DAH TAHU KEPUTUSAN... PELIK JUGA... YANG NI PULAK TANAH KERETAPI HILANG .... TAK TAHU LAH PEMIMPIN APA YANG KITA ADA SEKARANG PENAKUT KOD...BERJUANG UNTUK POLITIK AJE BUKAN UNTUK MARUAH BANGSA DAN NEGARA...BERBEZA DI ZAMAN TUN..GUA TABIK SPRING..

SEMOGA ALLAH SEDARKAN PEMIMPIN KAMI...AMIN.

By aminanisAuthor Profile Page on February 24, 2011 1:03 PM

9. Nik Aziz membandingkan dirinya dengan malaikat yang menegur Nabi. Saya bukan Nabi dan Nik Aziz bukan malaikat. Nik Aziz dan saya hanya manusia biasa dan ahli politik. Teguran ahli politik kerana kepentingan politiknya tidak sama dengan teguran malaikat.

Ringkas tapi mempunyai makna mendalam. Well done Tun.

Apabila orang PAS berceramah mana boleh tinggalkan kisah nabi ,malaikat atau memetik al quran dan hadis.

Orang PAS sama seperti kebanyakan orang Melayu sukakan perkara yang 'simple'.Why we should make our life complicated kan?Undi PAS masuk syurga ...so simple.

PAS make everything simple ...kita ambil contoh argument dari penyokong PAS

"Agama mengharamkan riba, tetapi pemerintah sekular tidak melakukan rombakan menyeluruh dalam sistem kewangan negara"

Kalau kita tanya dia balik 'macamana nak merombak keseluruhan sistem kewangan negara" .Apa yang dimaksudkan 'sistem kewangan negara? Bank ? pasaran modal?yang mana satu eleman sistem kewangan negara yang banyak unsur riba?

Asyik mendengar syarahan pemimpin PAS ,tak baca akhbar, itu lah akibatnya ...orang dah advance sampai dah ada 'sukuk' dia masih cerita tahun 70an.

By ruslizalAuthor Profile Page on February 24, 2011 12:57 PM

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Benar kata Tun. Nik Aziz hanya menggunakan Islam sebagai modal politik. Rukun Islam hanya 5 dan Rukun Iman pula 6. Dalam Rukun Islam mahupun Rukun Iman TIDAK TERCATAT BAHAWA PERLUNYA MENYOKONG PAS, atau PERCAYA KEPADA PAS atau PERCAYA KEPADA NIK AZIZ. TIADA LANGSUNG. Buat Nik Aziz, kalau betul-betul PAS dah mendakwah DAP, SILA SENARAIKAN BERAPA RAMAI KEPIMPINAN D.A.P YANG TELAH MEMELUK ISLAM sejak bekerjasama dengan DAP. Buat Ayahanda Tun, Saya doakan Tun sentiasa sihat dan diberikan kekuatan untuk terus menyumbang kepada negara Malaysia yang tercinta.

By Idea StrategicAuthor Profile Page on February 24, 2011 12:52 PM

Salam Semua,

Apa yg kau merepek tu kadir rahman? Keperluan perlu diberi kepada umum yakni majoriti walaupun ada sebilangan kecil yg mgkn tidak akan berpuashati.

1) Mmg islam mengharamkan riba. Oleh sbb itu terdapatnya perbankan islam dan kita telah & sedang menambahbaikkan sistem tersebut kearah yg dikehendaki. Ini diakui oleh kebanyakan org islam sendiri. Tidakkah anda nmpk perubahannya sekarang dgn kebanyakan bank serta institusi berkaitan kewangan telah menerima produk-2 islam. Harus diingat, negara kita ini berbilang kaum. Kita tidak boleh melarang kaum yg menganuti agama lain drpd menggunakan produk konvensional dgn memansuhkan produk tersebut. Sebagai manusia & org islam, kita boleh memilih produk halal disisi agama islam & yg mana yg difikirkan benar. Ianya seperti juga arak... apa yg kerajaan Kelantan buat terhadap penjualannya. Ianya berkisar kpd larangan penjualan produk tersebut kpd umat islam shj serta tidak kpd bangsa lain. Di Selangor pun kilang Carlsberg yg digembar-gemburkan sblm ini akan ditutup jika menang PRU tp sehingga skrg masih meneruskan operasi mrk. Bukankah begitu? Jawapan ini juga ada kaitan dgn soalan no.3 anda.

2) Royalti minyak, kita didalam negara yg di namakan Malaysia. Bukan negara yg dinamakan Kelantan. Seperti yg sedia maklum Negara jiran kita Brunei Darussalam. Hasil yg diperolehi dari setiap negeri akan digunakan untuk membangunkan negara Malaysia & bukannya negara Kelantan. Walaupun begitu disebabkan hasilnya dari kawasan atau didalam jajahan negeri dimana hasil itu diperolehi ianya diberi saguhati atau pun bonus. Tidak bolehlah dituntut sebagai hasil mutlak sepenuhnya. Begitu juga yg ada dlm sistem kerja seharian kita. Anda mgkn pernah dgr mengenai pajakan. Mmg harta tersebut kepunyaan tuannya ttp yg mengusahakannya perlu juga dapat menikmati hasil. Begitu juga dgn jualan dipasaraya, jabatan yg mana dpt menghasilkan jualan tertinggi diberi bonus walaupun mrk tahu keuntungan mutlak adalah kepunyaan syarikat & gaji dibayar kpd semua wargakerja termasuk pengawal keselamatan ataupun pemandu bos yg tidak membuat sebarang jualan.

3) Tk pernah pulak sy dgr di Malaysia ini ada bangsa dihalau...!! Kita lihat ramai ahli perniagaan cina masih memiliki bangunan yg besar-2 dan mrk masih meneruskan perniagaan mrk. Mrk juga masih membeli hartanah dinegara Malaysia ini. Rumah ibadah, Sekolah SRJK & SMJK tetap didirikan. Persatuan, parti politik & NGO masih ditubuhkan. Bank-2 serta sykt kewangan konvensional pun begitu juga spt Citibank (mrk tkde produk islam) masih menjalankan aktiviti mrk. Yg dihalau spt yg sy tahu adalah pendatang haram yg memasuki negara ini secara tidak sah. Adakah anda membenarkan situasi itu? Apakah maksud penafian yg dimaklumkan oleh anda?

Didalam keluarga anda sendiri pun anda tidak dapat memenuhi keperluan semua anak-2 anda (sekiranya ada) yg setiap mrk mempunyai nafsu yg berbeza. Paling tidak pun rujuk sendiri perjalanan hidup anda serta adik-beradik anda. Ada diantara anda yg mgkn berkecil hati dimana ada keperluan & kehendak yg tidak dpt dipenuhi oleh ayah anda sebelum ini. Yg lebih penting adalah keperluan makanan, pakaian, tempat tinggal & pelajaran itu diutamakan kpd semua anak-2 beliau. Jika ada lebihan, barulah ianya diberikan. Anda tidak menafikan ini wahai kadir rahman.... tidakkah begitu?

By faaAuthor Profile Page on February 24, 2011 12:45 PM

Tun,

Kalau Tun dulu peguam, tak dapat cari makanlah Karpal Sink tu. Juga, jika dibandingkan dengan tulisan

NA, ketara sangat perbezaan intellectual Tun dan NA. Hairan, macam mana gelaran Tok Guru tu boleh ada, way way below average walaupun tak gagal!

Semoga Tun berdua sihat selalu.

By autoboyAuthor Profile Page on February 24, 2011 12:33 PM

Saya harap isu ini dapat diselesaikan segera.

setiap org diluar sana ada pendapat masing2 terhadap Tun dan Nik Aziz. Tapi biasanya pendapat itu datangnya daripada pengaruh dan anasir luar, bukan dpd diri dan fikiran sendiri.

bagi saya, Tun tetap seorang yg berjuang ntk kemajuan bangsanya - iaini melayu dan beragama islam. penerangn dan kata2 Tun sememangnya berdsrkn pengetahuan dan pengalaman yg kukuh, bukan direka-reka. sebgai seorg yg hidup sepnjg zaman pemerinthn Tun, inilh yg dpt diperkatakn.

dan Tun juga bknlh seorg yg tdk pentingkn agamanya, cuma tdk kelihatn kerana penampilannya yg biasa2 - tdk berjubah dan berserban, tiada juga jggut putih pnjg mengurai. tetapi itu tdk bermaksud Tun tdk pentgkn Islam.

spnjg pemerinthn Tun, sy yg berada di sekolh rendh dan menengah, merasakan yg pengajaran Islam disampaikan dengan baik (alhamdulillah ckup ntk mnjadikn seseorg tahu menunaikn perintah wajib Islam dan meninggalkn larangannya - bg yg berminat menjadi pakar dlm Islam boleh lah menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi)

Lihatlah juga negara kita selepas pemerintahan Tun dikenali sebagai negara Islam yang maju dan moden. Wajar untuk dijadikan contoh sebagai negara Islam yang kuat dan kukuh. Bagaimana pula dengan negara Islam lain seperti arab saudi, mereka diknali sebagai negara yang kaya kerana sumber minyaknya, tetapi bukanlah sebuah negara maju seperti Malaysia. Ini semua adalah kesan pemerintahan negara masing-masing.

Nik aziz pula mmg tinggi ilmu agamanya..emm..xtau nk ckp apa psl Nik aziz..kerana kurg pengetahuan mengenainya.

nmpknya sy juga terpengaruh dgn diri sy yg pro-mahathir:)

akhir kata, saya amatlah berharap agar isu yang akhirnya nanti cuma akan kelihatan seperti melindungi kepentingan diri ini dapat diselesaikan.

Saya amat berminat untuk membaca pendapat, kata-kata dan mendengar ceramah Tun mengenai isu lain yang semestinya dapat membawa seseorang lebih sayangkan bangsa dan agamanya - seterusnya berjuang untuk kemajuan.

Tun sememangnya pejuang bangsa dan agama. Inilah keikhlasan Tun Dr. Mahathir -sebak mengenangkan nasib bangsanya yang dijajah.

Bukalah minda kita

Melayu Jangan Mudah Lupa Lagi!!!

Perjuangan yang Belum Selesai

Engineer Rule!

By naharAuthor Profile Page on February 24, 2011 12:31 PM

Salam Tun dan semua pembaca.

Saya nak ulas tentang jawapan Tun para 13\*\*\*

13. Lihat sahaja tindakan biadap terhadap Sultan dan Raja Muda Perak oleh ahli PAS, berguling-guling atas jalan menghalang kereta Raja. Sebelum berbaik dengan DAP ahli PAS lebih berpegang kepada

budaya Melayu. Kerana mahu sokong DAP ahli PAS mengeneipikan ke-Melayuan mereka. Dan sekarang tuntutan untuk mendirikan negara Islam pun sudah tidak didengari lagi.

\*\*\*\*Ini menunjukkan orang PAS mudah dibeli. Itu DAP baru beli sedikit mereka dah sanggup berguling di Perak, tindakan PAS sudah nampak keterlaluan.

\*\*\*\* Jika dengan takdirnya Pakatan menang dalam pilihan raya merampas kerajaan, sudah tentulah seluruh parti PAS akan dibeli DAP. Ketika itu apa saja DAP mahu akan dituruti dan tidak boleh berbuat apa-apa kerana telah dibeli. DAP sudah jadi PEMEGANG SAHAM majoriti dalam PAS. Maka suara PAS akan tenggelam tidak berkuasa lagi. Nauzubillah...

By notAuthor Profile Page on February 24, 2011 12:18 PM

Salam semua.

Saya memang tak faham dengan segelintir sikap manusia, tapi itulah kebijaksanaan dan keadilan Allah, ada yg otak dangkal ada yang otak boleh pakai. Yang dangkal ni cuma kadang-kadang tak faham kenapalah tak mahu fikir guna akal yg waras, kenapa? sebab ustaz kata jangan guna akal? abih tu ustaz, hatta ulama2 semua tu guna apa? firasat ke, mimpi ke, semuanya guna akalkan. Di Malaysia ni yg malang pengikut-pnegikut PAS ni kebanyakannya otak dangkal, pengikut-pengikut UMNO ni otak boleh pakai(sebab tu sesetengah suka sapu semuanya),pengikut PAS pula ikut kata ustaz kita tak boleh guna akal. Sebenarnya kita menerima ISLAM tupun sebab kita pakai akalkan, hidayah tu apa yg Allah bagi pada akal kita supaya kita dapat melihat kelogikan ISLAM tu. Jadi mari guna akal. Contohnya PAS kalau betul nak berdakwah apa perlu menang pilihanraya, pegi berdakwah, nak berpolitikpun ok tapi tak kesah menang/kalah matlamat diteruskan, ini kejap tu, kejap ni???? Umno tu berjuang cam tu sebab meraka tahu MELAYU tu lemah lembab tapi ramai, kalau tak wat cam tu, semua hancus, jadi lalang yg tumbuh merata-rata tapi tak ada nilai, cuma meraka perlukan sikit pembetulan yg patutnya datang dari ulama2.?????

By anak tanah merahAuthor Profile Page on February 24, 2011 12:01 PM

Ayahanda Tun sekeluarga, assalamualaikum.....

Kisah benar berlaku malam tadi dalam sebuah masjid di Kelantan. Pada 25/2/2011 ayah saya akan mengadakan majlis tahlil arwah ibu dan maulidur rasul dirumahnya. Saya mewakili ayah telah menjemput jemaah masjid berkenaan yang terdiri daripada penyokong tegar Pas bagi tujuan tersebut. Respon yang diterima amat mengejutkan. Salah seorang AJK masjid berkenaan mengatakan bahawa mereka tidak dapat memenuhi jemputan tersebut. Alasan awalnya muka saya jarang nampak dimasjid berkenaan. Oleh kerana salah seorang AJK masjid berkenaan adalah sahabat lama di universiti dulu dan kebetulan saya banyak membantu ayahnya semasa di Mekah lima tahun lepas, beliau telah menerangkan kedudukan yang sebenarnya kepada jemaah berkenaan tetapi majoritinya masih belum dapat menerimanya dengan hati yang terbuka. Saya akui alasan tersebut kerana saya tidak menetap di situ dan menerangkan majlis tersebut tiada kaitan dengan mana2 pihak kerana keluarga saya tiada kepentingan dalam parti politik . Akhirnya beliau berbisik kepada saya, jemaah terpaksa menolak undangan tersebut kerana curiga keluarga saya adalah penyokong Umno. Dikalangan mereka juga akan diboikot sesama sendiri jika hadir pada majlis itu dengan alasan ayah saya hanya sekadar datang berjemaah di masjid berkenaan sahaja tetapi tidak pernah menyertai sebarang program yang dianjurkan oleh parti mereka. Di depan jemaah tersebut, tanpa unsur2 hipokrit saya akui walaupun kami sekeluarga tidak pernah menyertai mana2 parti tetapi hakikatnya kami adalah penyokong/pengundi setia Umno/BN. Apa dah jadi dengan melayu kita?

By PucukPakuAuthor Profile Page on February 24, 2011 11:36 AM

Salam..buat Tun yg dihormati lagi dikasihi...

1. Bab kafir mengkafir ni isu besar..harap sangat kalau boleh N.A tu tunjukkanlah sifat ulama beliau..yang mana kalau dia tak nak mengaku pun salah dia..takpalah..mintak maaf jer lah..pahala pun dapat.Betul tak??? Daripada dia cuba nak menjawab balik..lagi tecemar imej ulama tu...ini tak..semedang tak mau mintak maaf..hai naik heran jugak..kenapalah sampai keras hati lagu tu...tok wan saya khabaq la..kalu kita ni kuat sembahyang..insyaallah kita ni mudah lembut hati..sebab keras hati nak maafkan orang lain tu perangai setan..dunia dunia..ulama pun dah tak macam ulama...

2. Kalau boleh daripada N.A dok nampak salah UMNO ja..lebih baik N.A sekolahkan pengikut PAS yg mana kerja kerajaan tu janganlah dok amek gaji dari kerajaan tiap2 bulan tapi kutuk dan khianat kerajaan...nak tanya sikit la...kalau lagu tu punya perangai la..apa status duit gaji??? Ni ada bukti pasal tu berani tanya ni...kalu bab nak claim on cal dia lah juara..kalu ada yang terasa hati..mintak maaf la..  
By lextcsAuthor Profile Page on February 24, 2011 11:26 AM

i dont know much about islam but i do know that its time for nik to go or better still a kelantanese revolution....time for kelantanese to be fully developed under the moderation of BN govt.  
By azienmatAuthor Profile Page on February 24, 2011 11:24 AM

Inilah dia Nik Aziz, cakap merapu-rapu. tengok apa yang dijawab langsung tak jelas. Kadang2 apa yang ditanya dia jawab semula. Apa yang dia kata betul kemudian dia menidakkan semula katanya. Tahap pemikiran yang standard, tahap ketua kampung saja Nik Aziz ni, lebih kurang Dolah Badawi juga. Kata orang melenting, dia tak sedar dia melenting. Orang kata dia angkuh dia pulangkan semula pada Tun. Apa punya manusia ni.

Bagi aku Nik Aziz, patut ditanya dengan jelas, apakah dia menganggap Mahathir dan penentang PAS itu kafir? Biar dia jawab dengan jelas dan terang tanpa berselindung dengan istilah2 arab yang dia sendiri keliru, tak perlu nak beralih lagi.

By Rimba EmasAuthor Profile Page on February 24, 2011 11:08 AM

SALAM BUAT TUN BERDUA MOGA DIRAHMATI ALLAH S.W.T.

1) ISLAM IALAH MILIK ALLAH S.W.T DAN RASULNYA YANG TERAKHIR IALAH NABI MUHAMMAD S.A.W. JADI ISLAM SEMUANYA KERANA ALLAH S.W.T DAN SEMUANYA TERKANDUNG DIDALAM AL-QURAN.

2) AL-QURAN KATA-KATA ALLAH S.W.T IAITU PANDUAN YANG PERLU DI PATUHI. KAFIR IALAH GOLONGAN YANG TIDAK MEMELUK AGAMA ISLAM. CUKUP DISITU SAHAJA KERANA KALAU KITA TERUS MENGATAKAN KAFIR UNTUK KESALAHAN-KESALAHAN YANG LAIN MAKA NAMPAK SUDAH MENYELEWENG DARI KATA-KATA ALLAH S.W.T DI DALAM AL-QURAN.

3) KITA SEPATUTNYA MENGAJAK MEMATUHI PERINTAH ALLAH S.W.T SEPERTI YANG TERTULIS DIDALAM AL-QURAN DAN PATUH PERINTAHNYA. KITA TIDAK BOLEH MENGGUNAKAN AKAL SENDIRI ATAU MENGIKUT KITAB CIPTAAN MANUSIA TERUTAMA DALAM SOAL YANG DIHARAMKAN OLEH ALLAH S.W.T.

4) CONTOHNYA KALAU TIDAK SEMBAHYANG HUKUMNYA BERDOSA. CUKUP DISITU JANGAN DIKUT HATI Mencari Hadis-hadis yang kemungkinan tidak sahih seperti menghukum kafir sehingga boleh memanasakan hati yang boleh memecah belahkan manusia.

5) SEMBAHYANG BERJAMAAH PAHALANYA 27 KALI DARI BERSENDIRIAN. CUKUP DI SITU JANGAN DICARI HADIS-HADIS YANG KEMUNGKINAN TIDAK SAHIH SEHINGGA MENGKAFIRKAN SESEORANG SEHINGGA MENGATAKAN SESEORANG ITU TIDAK BERSEMBAHYANG. SOAL DOSA PAHALA AKAL MANUSIA TIDAK BOLEH MELANGGARI PERINTAH ALLAH S.W.T.

6) KALAU AKAL KITA PATUH KEPADA PERINTAH ALLAH S.W.T SUDAH TENTU PERINTAH HARAM JUDI, RIBA, HUKUMAN ALLAH S.W.T DI BUATKAN UNDANG-UNDANG NEGARA TAMPA BOLEH DIPENGARUHI INDIVIDU-INDIVIDU AGAMA LAIN YANG MENJALANKAN URUS NIAGA INI.

7) PERNIAGAAN HARAM YANG TIDAK DIBENARKAN OLEH AGAMA ISLAM TIDAK DIHARAM URUSNIAGANYA DISEBABKAN KERANA ADANYA BANGSA AGAMA LAIN BUKAN SATU SEBAB TIDAK BOLEH KERANA IA BERMULA DARI PERATURAN KECIL INDIVIDU-INDIVIDU YANG DIBENARKAN MEMILIKI LESENNYA. HARAM DI DALAM AL-QURAN MELIPUTI USAHA BAGAIMANA BENDA HARAM ITU AKAN DIBENTUK.

8) USAHLAH KITA MENGGANGAP KITALAH KUASA YANG AKAN MEMUTUSKAN SAMAADA

SESEORANG ITU, PERTUBUHAN ITU KAFIR SEBALIKNYA CERMINLAH DIRI TERMASUK DIRI RIMBA EMAS YANG WAJIB MEMASTIKAN PERINTAH ALLAH S.W.T YANG TERTULIS DIDALAM AL-QURAN BUKAN HANYA DIBACA TETAPI DIFAHAMI BUKAN MENGIKUT AKAL KITA DAN MANUSIA LAIN SEBALIKNYA MEMATUHI KATA-KATA ALLAH S.W.T DI DALAM AL-QURAN.

WALLAHU'ALAM

By adi5707Author Profile Page on February 24, 2011 11:06 AM

Baca Utusan, anda akan nampak UMNO betul, PAS salah.  
Baca Harakah, anda akan nampak PAS betul, UMNO salah.

Saya pernah mendengar ceramah dari pemimpin kedua-dua pihak. Apa yg dilaporkan oleh akhbar2 adalah macam yg saya kat tadi.

Biasanya sesama bangsa melayu bergaduh lepas baca salah satu dari akhbar ini!!! Sampai bila????

Saya percaya, artikel Tun ini Tun tulis lepas baca Utusan Malaysia DAN dengar apa kata Nik Aziz dengan telinga Tun sendiri. Betul ke?

By thlongAuthor Profile Page on February 24, 2011 10:58 AM

YAB Tun & Pembahas,

1. Sebagai Pemimpin yang kedua-duanya beragama Islam dan dihormati serta disanjung oleh pengikut masing-masing, apakah faedah yang diperolehi dari 'perbalahan' kedua-dua insan ini.
2. Tengok sahaja komen-komen yang pastinya keseluruhan besarnya adalah dari orang Islam sendiri-lebih bersifat bebal, adu domba, menambah kebencian semasa muslim.
3. Jadi dimana faedahnya?
4. Ada perkara yang boleh diperbahas secara umum, dan begitulah sebaliknya.
5. Nasihat saya eloklah, kedua-dua pemimpin yang 'senior' ini memanfaatkan masa yang ada untuk kebaikan ummah dengan bekerjasama ke arah jalan yang menguntungkan umat islam.
6. Kedua-dua insan ini ada jasa, sumbangan dan peranan masing-masing tidak kira kecil atau besar
7. Janganlah menambahkan lagi kecelaruan umat islam yang telah sedia 'retak'. Gunakan 'kepintaran' yang dipunyai kedua-duanya untuk faedah bersama.

By zulkiflee\_ArifAuthor Profile Page on February 24, 2011 10:48 AM

Assalamu'alaikum Tun,

masaalah kita bukanlah terbatas hanya kpd Nik Aziz atau PAS atau rasuah dan silap tadbir Umno.masalah yg lebih besar adalah keberadaan kaum pendatang di Nusantara kita,baik di Malaysia atau Indonesia,atau Brunei atau Singapura,bangsa pendatang adalah ancaman terbesar terhadap penakatan kita.

orang-orang seperti LKY,LKS atau ekompute serta gerombolan nya sentiasa memantau dan mencari peluang untuk meminggirkan kita dibumi kita sendiri.dan kelebihan hebat mereka adalah mereka boleh bertahan dan menunggu untuk jangkamasa yg panjang disamping terus-menerus menjalankan usaha bersepadu untuk mencapai hasrat mereka menjadikan Nusantara ini sebagai sebahagian dari Greater China.

Dasar 1 Malaysia hanyalah sekedar memberi mereka peluang mengambil kesempatan mempercepat pelaksanaan cita-cita keji kaum supramacis ini. Nik Aziz, Anwar Ibrahim, Meritokrasi dan Demokrasi hanyalah sebagai alat mengelabui mata umum.

ini kaum supramacis yg tidak boleh dipandang ringan. ingat ancaman Mao tse tung untuk menghantar sejuta askar tanpa senjata berenang menakluki Taiwan? ini lah strategi yg mereka kenakan terhadap Nusantara.

terimakasih Tun.

By HHilmi Author Profile Page on February 24, 2011 10:45 AM

Yang saya kagumi Tun,

I can see 2 strong men in gloves on the ring, Lee Kwan Yew on the front seated along with Lim Kit Siang and Lim Guan Eng (eating popcorns). Karpal n son were also seen shouting loud, arms held high in support for their hero! Surely, these pack of crowd do not want to know what "Kafir" is all about, what they want is a knock-out. Whoever won, they are home...happy!

I wish I can be the person seating behind LKY, cheering n jumping high, purposely land my elbow on to LKY's head! Ooopss....sorry Sir!

I am on your side Tun.

By pepatung Author Profile Page on February 24, 2011 10:36 AM

Assalamualaikum Tun,

Terima kasih kerna beri laluan.

Kita nk dgr apa komen2 org PAS/DAP/PKR or anti-mahathir, ttg apa yg Tun bentang kali ni? Nk tgk putar belit apa plak mereka guna nk bela Nik Aziz Tok Guru paling Islam, paling kurang dosa, gerenti ahli syurga yg jd hakim sape yg leh masuk syurga, tiada bandingan, tiada tandingan di Msia.

Nik Aziz n PAS sokong plk Brother tanpa belah bahagi. Ntah mcm maner ntah agaknya ye, air mani Brother boleh ada kt celah bontot saudara Saiful. Macam maner la Si Saiful dpt keluar air mani Brother utk dicalitkn kt bontot dia sendiri. Klu air mani tu kt tilam ke, cadar ke mungkin ada konspirasi tp ni kat 'celah bedah'. Jgn risau, PAS sokong tanpa belah bahagi n curiga. Plg koman pun penyokong PAS akan kndem kutuk si Saiful mcm selalu dibuat dek Tok Guru Nik Aziz, Tok Guru Karpal Singh, Tok Guru Lim Kit Siang, Tok Guru Lim Guan Eng. Mereka lupa Tok Guru Lee Kwan Yew melalui Menteri Spore dah bgtau US dan Australia, mereka ada "bukti teknikal" ttg tabiat seks Brother tu. Sila baca Wikileaks wahai Tok Guru PAS sekalian.

Aku kt sini nk sokong PERKASA, IDUP PERKASA!!!!

By TunTuah Author Profile Page on February 24, 2011 10:35 AM

Tok Guru Nik Aziz.

Bab Kafir mengkafir ni..

Biar lar ALLAH yang menentukan.

Tak perlulah kier ambil kerja DIA.

tanggungjawab kiter yang ader ni pun susah nak laksana.

Contoh

Sembahyang Lima waktu...

agak agak dah sempurna ke sembahyang kiter itu?

ALLAH MAHA BESAR.

By Mohd. FirdausAuthor Profile Page on February 24, 2011 10:21 AM

Salam ayahanda Tun yang dikasihi,

Rasanya tiada guna kita menuding jari sesama sendiri. Tun mempersalahkan Nik Aziz, Nik Aziz pula mempersalahkan Tun sendiri. Bagi saya, sudah sampai masanya kita berdamai. Malu kita kepada bangsa lain, hanya kerana matlamat dan dasar perjuangan yang berbeza. Sampai bila-bila pun DAP tidak akan pernah lari dari landasan untuk menyerang Islam dan Melayu, kalau kita sendiri berpecah. DAP adalah serpihan PAP, jangan kita selalu lupa.

Maaf jika terlanjur kata.

By Dr Syed Alwi AhmadAuthor Profile Page on February 24, 2011 10:06 AM

Assalamualaikum wr wb,

Kepada Tun Mahathir dan Tok Guru Nik Aziz,

Ingin saya menambah sedikit. Apakah betul DAP terima perjuangan Islam PAS ? Atau DAP hanya menunggang PAS untuk tarik undi Melayu ? Bagi saya - perjuangan UMNO se-Islam dengan perjuangan PAS. Dengan hanya melaung laung slogan Islamik (termasuk Hudud) - tidak menjadikan perjuangan sesebuah parti itu lebih Islamik dari yang lain. Siapa tak pandai cakap ? Cakap kosong yang tidak membawa erti - itu semua orang tahu !

Ini saya nak tanya Tok Guru - apakah betul DAP nak terima perjuangan PAS untuk menubuhkan suatu negara Islam acuan PAS di Malaysia ?

Tolong jangan jadi BODOH. Saya rakyat Singapura dan terus terang saya mengatakan bahawa masyarakat Cina secara amnya TIDAK mahukan suatu iklim sosial yang mereka anggap adalah terlalu Islamik. Kaum Cina tetap mahukan konsert Adam Lambert mereka. Kaum Cina tetap mahukan bar, KTV dan sebagainya. Hanya khayalan bodoh sahaja yang mempercayai bahawa masyarakat Cina mahu terima suasana sosial Islamik negara Islam acuan PAS !

Saya sokong UMNO kerana saya tahu hakikat realpolitik ASEAN di mana mesti ada kompromi di antara kaum Muslim Nusantara dan kaum Cina. Kompromi itulah yang di lambangkan oleh UMNO dan BN. Dan kompromi itulah sahaja yang menjamin kestabilan rantau ASEAN ini.

Tanpa kompromi sebegitu - saya tak yakin yang PAS boleh menjamin keamanan dan keharmonian. Maka itu - jalan terbaik bagi PAS - adalah untuk bersatu dengan UMNO - demi kepentingan Ummat Islam rantau ASEAN.

Wassalam

Dr Syed Alwi Bin Ahmad (Alsree)

By KennAuthor Profile Page on February 24, 2011 9:38 AM

NIK AZIZ KONG KA LI KONG !

By oldmanAuthor Profile Page on February 24, 2011 9:37 AM

Assalammualikum Tun.

Dari saya bangku sekolah hinggalah saya telah bersara dari perkhidmatan inilah cerita yang sama dimainkan oleh Pas yang terus menerus menyerang orang Melayu Umno Kafir. Semasa di bangku sekolah manalah kita tahu tentang politik. Yang kita tahu semua orang Melayu itu Islam. Kita perlu mengucap dua kalimah syahadah - "Tiada Tuhan (yang disembah) melainkan Allah dan Nabi Muhammad adalah Rasul Allah", dan seterusnya melakukan ibadah-ibadah dianjurkan oleh Islam. Dulu kita dengar

sembelihan orang Islam Umno itu tak sah, tapi saya belasah juga apa yang disembelih oleh orang Islam Umno kerana sembelihan dilakukan kalimah Allah.

Walaupun masa itu bodoh tetapi tidaklah bermakna saya ini jahil tentang agama. Islam itu amat mudah tapi disusahkan oleh orang-orang yang 'pandai' agama kerana kepentingan mereka. Orang Melayu berpecah belah pun disebabkan oleh kepentingan kononnya 'Pas' lebih Islam dari Umno. Orang bodoh pun boleh berfikir tentang perkara ini, tetapi orang yang tidak mahu berfikir sahaja yang menjadikan diri mereka bodoh.

Tuan Guru tak perlu berdolak dalih dengan kenyataannya. Rakyat tidak bodoh lagi, rakyat sekarang sudah berpengetahuan dan dengan zaman teknologi sekarang pengetahuan semuanya dihujung jari.

Memanglah Tun orang yang bersalah selalu akan berkata "Eh! Aku tak cakap pun". Kebiasaannya Allah akan balikkan semula apa jua kesalahan yang dilakukannya kepada dirinya sendiri kecuali dia insaf,

Semora Tun dan keluarga dikurniakan kesihatan yang bekekalan. Insyallah  
By kadir rahman Author Profile Page on February 24, 2011 9:27 AM

"Jika saya ditanya adakah saya telah mengajak Tun Mahathir dan rakan-rakan sealiran dengannya agar meninggalkan aliran nasionalis sekular dan menerima Islam yang syumul, saya Insyah-Allah akan menjawab : اللهم قد بلغت (Ya Allah, aku telah menyampaikan..)" - Nik Aziz, 2 Februari 2011

Tolak agama ambil nasionalis sekular - memisahkan hukum agama dalam pemerintahan.

Contoh:

1. Agama mengharamkan riba, tetapi pemerintah sekular tidak melakukan rombakan menyeluruh dalam sistem kewangan negara.

2. Agama menuntut keadilan, tetapi pemerintah sekular mengenakan penindasan seperti dalam isu royalti minyak dan persempadanan kawasan parlimen.

3. Sayangkan bangsa sendiri adalah fitrah, tetapi Islam melarang taksib kepada bangsa hingga melakukan penganiayaan dan kezaliman kepada bangsa lain. Contohnya tindakan ahli UMNO menafikan hak hingga sanggup menghalau bangsa lain.

By Faiz Al-Kelantani Author Profile Page on February 24, 2011 9:23 AM

Nik Aziz receiving a direct hit from Tun... severely injured!  
By lemand64 Author Profile Page on February 24, 2011 9:18 AM

Tun,

Datuk Nik Aziz telah memperlekehken dirinya Lebih-lebih lagi dalam waktu-waktu terdekat ini.

Ilmu agama yang tinggi padanya telah mengangkan kedudukan beliau menjadi orang ternama dan disanjung. Kata-kata beliau selalu ditunggu-tunggu dan menarik minat orang-orang melayu dan Islam keseluruhannya.

Ilmu yang dikata tinggi itulah meletak kedudukannya pada tahap yang menyedihkan dan dikesali. Kenyataan demi kenyataan yang keluar dari mulutnya begitu mengelirukan dan sentiasa bercanggah arus.

Mursyidul Am kedudukannya. Setiap kata-katanya adalah fatwa. Kedudukan yang dikata tinggi itu tidak memerlukannya mengambil pandangan ahli/pakar yang lain lagi. Datuk Nik Aziz punyai kuasa veto/mutlak Islam di Malaysia. Jika dalam pemerintahan negara, contohnya ialah Hosni Mubarak ataupun Ghadaffi

agaknye.

Kita orang kebanyakan ini dulunya mula syok dengan kesederhanaan hidup beliau dan sifat rendah diri beliau. Inilah ikon baru dan memberi nafas baru. Maklumlah, baru nak berdekat-dekat dengan agama.

Kini kenyataan beliau membuat saya pening dan keliru. Isu Tuhan mencarut, syaitan dan baru-baru ini semangat kebangsaan itu jahiliah memeningkan kepala. Pada saya, Islam mengikut cara Datok Nik Aziz sudah menyusahkan. Padahal setahu saya Islam itu memudahkan umat.

Beliau kini sudah melampaui batas dan menyusahkan kebanyakan orang Melayu/Islam. Datok Nik Aziz bukan lagi pemimpin Islam di Malaysia. Selama ini pun beliau bukan pemimpin/pemerintah yang berkarisma dan wibawa.

Kesimpulannya, ilmu yang tinggi tidak membawa kesempurnaan jika masih ada sifat-sifat sombong, takbur. Saya anggap ini sebagai kifarot kepada Datok Nik Aziz. Beliau masih bergelut dengan dirinya di hujung-hujung hayatnya.

Ini adalah peringatan kepada saya jika saya betul.

By wabiAuthor Profile Page on February 24, 2011 9:15 AM

1. Siapa yang berani tegur Nik Aziz dalam PAS, seperti juga siapa yang berani tegor Tun semasa menjadi PM?
2. Nik Aziz juga seorang manusia, kadang-kadang syaitan boleh menghasutnya.
3. Percayalah, kawan yang baik ialah kawan yang berani menegur bila kita mula terlalai.
4. Saya percaya, Nik Aziz boleh memperingatkan TUN, dan TUN boleh memperingatkan DATO Nik Aziz.
5. Siapa yang menang dan siapa yang kalah?
6. Yang kalah ialah syaitan dan kuncu-kuncu yang melaga-lagakan dua insan ini.
7. Yang menang ialah TUN dan DATO'serta yang ingin melihat kedua-duanya saling mengingati antara satu sama lain.
8. Saya inginkan kedua-dua TOKOH ini akhirnya masuk SYURGA..bersama KITA semua InsyaALLAH.

By Hazman Abu BakarAuthor Profile Page on February 24, 2011 9:14 AM

Another master piece Tun! kalau nak ikut markah karangan debat sekolah menengah berani saya cakap markah dia sangat-sangat rendah dan boleh gagal SPM.

By pendudukAuthor Profile Page on February 24, 2011 9:06 AM

Salam buat Tun sekeluarga...

Saya memohon jasa baik Tun untuk mendedahkan lebih banyak 'temberang' PAS. Seperti 'Hudud Tiruan' PAS yang kononnya Tun lah penghalang utamanya.

Saya memohon jasa baik Tun juga untuk membetulkan akidah serta ketaksuban penyokong-penyokong Nik Aziz yang segelintir tetapi bukan sedikit yang 'beriktikad' bala boleh menimpa pada sesiapa yang menegur, menghina dan mengutuk Nik Aziz.

Dan sekiranya boleh, saya memohon Tun menggesa pihak berkuasa, 'mengharamkan' penggunaan 'Islam' pada mana-mana parti politik lebih-lebih lagi PAS yang sementelah kini 'memperjuangkan' bangsa Melayu.

Terima kasih Tun.

By kzsoAuthor Profile Page on February 24, 2011 8:58 AM

Tun, teruskan perjuangan... kami masih memerlukan tenaga, idea, sumbangan dan oerjuangan Tun..

By haidaanAuthor Profile Page on February 24, 2011 8:47 AM

Saya pun memang melenting kerana mangkafirkan org Islam yg tidak menyokong Pas.Dosa kepada Allah Insyallah diampunkan,tapi dosa kepada manusia,jika tidak minta maaf dgn manusia yg dikafirkan itu jawablah diakhirat atau meninggal dlm kesusahan waluapun imannya sebesar gunung.Saya tak akan maafkan jika sayalah turut dalam golongan yg dikafirkan oleh NA..

By mun'aaim idrusAuthor Profile Page on February 24, 2011 8:33 AM

salam,

Bile la Tun dan Nik Aziz nak duduk semeja minum kopi..asyik sembang dlm media aje..sekali sekala sembang kedai kopi best gak..

Dari generasi muda melayu

By wajaperakAuthor Profile Page on February 24, 2011 8:08 AM

Assallammualaikumwarahmatullahiwabarokatuh..

Tun..

ekompute semakin melampau..Tujuan dia bukan nak memahami Islam tetapi melekehkan Islam.Inilah manusia yang pernah di sifatkan oleh seorang melayu..

"You can take a donkey and travel around the world..But it will remain donkey..(The world and it's vastness will remain donkey to donkey)..

ekompute boleh belajar Islam dan mengembara keseluruh dunia Islam tetapi dia tetap juga akan menjadi donkey...

Opps..maksud saya ekompute yang asal..

Tun..

Di dalam blog Tun ini ada seorang blogger menggunakan nama hindu tetapi mendakwa dirinya Islam..Hairan Bin Pelik Bin Ajaib saya..mengapa dia masih mengekalkan nama hindu??

Untuk belajar agama Islam tak perlu sokongan dan pengiktirafan sesiapa..Juga tidak perlu takut kepada sesiapa..Oleh kerana blogger ini tidak mengerti saya cadangkan dia supaya meneliti maksud dari ayat Al Quran ini

Demi jiwa yang menyesali dirinya..

Terima kasih Tun..:(

By SetiAuthor Profile Page on February 24, 2011 7:53 AM

Assalamualakum Tun.

Nanti pening kepala Nik Aziz bila baca artikel ni. Macam mana dia nak pusing lagi.

By arianAuthor Profile Page on February 24, 2011 7:49 AM

Assalamualikum buat Tun serta rakan blogger

Semoga kita semua diberkati Allah dunia dan akhirat.

Melihat kepada senario politik masa kini....terasa hati berdebar debar akan betapa perpecahan Melayu dan umat Islam di Malaysia ini memungkinkan kita kehilangan kuasa....Kuasa untuk menegakkan Islam dan Melayu kita.

Saya tertanya tanya....APAKAH TIDAK ADA SEBARANG JALAN PENYELESAIAN BAGI TIGA PUAH INI (UMNO, PAS, PKR) untuk mengelak diri dari memperjudikan nasib agama, bangsa serta bumi warisan ini dari tergadai akibat dari kerakusan berpolitik?

Kita pada hari ini mungkin sudah selesa.....namun apa akan jadi pada saudara mara dan anak cucu kita pada masa akan datang....Fikir fikirkan lah.

Wassalam

By zamanAuthor Profile Page on February 24, 2011 7:41 AM

Assalaamualaikum Tun.

Hairan lah Tun PAS ni dengan DAP nak bersatu,dengan UMNO tak mau.Ini semua gara gara nafsu.

Dulu selalu di laungkan HUDUD! HUDUD! sekarang tak kedengaran pun.

Allah lagi Maha mengetahui lagi Maha bijaksana.

Apa yang Tun kata kan betul belaka bukan PAS mempengaruhi DAP tapi sebaliknya.

Patut Nik Aziz yang menasihati PAS supaya memperbaiki hubungan dengan UMNO tapi ini sebaliknya.

Tun jangan lupa perjuangan jambatan bengkok.

Terima Kasih Tun

By sarjan hassanAuthor Profile Page on February 24, 2011 7:40 AM

Assalamualaikum Tun,

Sounds like the election fever has already started.Good start Tun.

By ainol118Author Profile Page on February 24, 2011 7:39 AM

Assalamualaikum Tun,

1. Harap Tun & isteri jaga kesihatan. Jangan risau Tun, masyarakat MELAYU ISLAM masih berpegang kepada ajaran ISLAM. Tiada tuhan melainkan ALLAH dan MUHAMMAD itu pesuruh ALLAH. Tak pernah terlintas di kepala kami NIK AZIZ akan membawa kami ke syurga.

2. Hanya MELAYU yang tak kata dia MELAYU bertutur bahasa MELAYU yang mengatakan pengamal ISLAM yang kita lihat tidak mencerminkan nilai seorang umat ISLAM sekarang cuba memperjuangkan KEMELAYUAN yang mana sudah digadaikan terus bertuhankan PEMIMPINnya.

3. Jika NIK AZIZ meninggal dunia kemanakah hala tuju mereka Tun?

4. UMNO bertukar pemimpin dan kita menyanjung parti keramat orang MELAYU.

5. Pengikut PAS menyanjung PEMIMPIN dan bukan wadah perjuangan parti mereka.

5. Biarkan Si Luncai dengan LABU-LABUnya.....tapi yang rugi orang MELAYU juga Tun.

Semoga Tun dipanjang umur dan sihat sejahtera.

By apanamaAuthor Profile Page on February 24, 2011 7:22 AM

Nik Aziz ni jenis manusia yang tak tahu malu. Dulu dia pernah berkata jika "Dr.Mahathir letak jawatan waktu pagi, petang tu jugak dia pun akan letak jawatan'.

Tapi sekarang ni dah hampir 8 tahun sejak Dr.M berundur tetapi Tok Guru yang suka bercakap bohong dan memfitnah orang ini masih tidak mahu memberi laluan kepada orang muda dalam Pas.

Apa erti semua ini?

Sedarlah wahai penyokong Pas, Nik Aziz ini sebenarnya ialah seorang pemimpin politik yang telah terpesong jauh dari ajaran agamanya.

Nik Aziz telah sesat, tanyalah Lim Kit Siang.

By rizwanhAuthor Profile Page on February 24, 2011 7:08 AM

lagi la melenting nik aziz lepaih ni chedet... hehe

**Source: <http://chedet.co.cc/chedetblog/2011/02/bukti-mengkafir-umno.html>**